

**22 MAC 2019 (JUMAAT)**



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2019**

**PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN)**

---

**SHAH ALAM, 22 MAC 2019 (JUMAAT)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 9.30 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tuan Amirudin bin Shari (Sungai Tua)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.  
(Bandar Baru Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Kota Kemuning)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Ir. Izham bin Hashim (Pandan Indah)

Y.B. Datuk Abdul Rashid bin Asari, P.S.D., S.M.S., J.P.  
(Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha, S.M.S. (Lembah Jaya)

Y.B. Puan Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Hee Loy Sian (Kajang)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Banting)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi, P.J.K. (Sementa)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin, P.P.T. (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Ahmad Mustain bin Othman (Sabak)

Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar, P.P.N. (Batang Kali)

Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin (Permatang)

Y.B. Puan Juwairiya binti Zulkifli (Bukit Melawati)

Y.B. Tuan Mohd Shaid bin Rosli (Jeram)

Y.B. Tuan Sallehudin bin Amiruddin (Kuang)

Y.B. Tuan Mohd Sany bin Hamzan (Taman Templer)

Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (Rawang)

Y.B. Tuan Muhammad Hilman bin Idham (Gombak Setia)

Y.B. Tuan Lai Wai Chong (Teratai)

Y.B. Tuan Edry Faizal bin Eddy Yusof (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Mazwan bin Johar (Sungai Ramal)

Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Subang Jaya)

Y.B. Tuan Syamsul Firdaus bin Mohamed Supri (Taman Medan)

Y.B. Puan Lim Yi Wei (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Shatiri bin Mansor (Kota Damansara)

Y.B. Puan Jamaliah binti Jamaluddin (Bandar Utama)

Y.B. Tuan Mohd Fakhrolrazi bin Mohd Mokhtar (Meru)

Y.B. Tuan Azmizam bin Zaman Huri (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (Pandamaran)

Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George (Sentosa)

Y.B. Tuan Borhan bin Aman Shah, P.J.K. (Tanjong Sepat)

Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni, P.P.T. (Sungai Kandis)

Y.B. Puan Wong Siew Ki (Balakong)

Y.B. Tuan Halimey bin Abu Bakar (Seri Setia)

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar, DMSM., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Rizam bin Ismail (Sungai Air Tawar)

**22 MAC 2019 (JUMAAT)**

Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin, D.I.M.P (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Zakaria bin Hj. Hanafi (Semenyih)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

**TIDAK HADIR  
(Dengan maaf)**

Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali  
S.P.M.S., S.M.S. (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Adhif Syan bin Abdullah (Dengkil)

Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., JSM., SSA. (Sungai Burong)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Masri bin Mohd Daud, D.S.A.P., P.C.M.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Nor Azmie bin Diron, D.P.M.S.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

**PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar  
**Setiausaha Bahagian Dewan**

Encik Muhajirih bin Ahmad  
**Penolong Setiausaha Dewan**

Encik Zawawi bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha Pentadbiran**

Puan Siti Salina binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

Encik Abdul Khalil bin Sabiis  
**Bentara**

Encik Mohamad Izad Shafiq bin Ahmad Mashudi  
Puan Nur Syahira Shazrin binti Mat Rohani  
**Pelapor Perbahasan**

**22 MAC 2019 (JUMAAT)**

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Selamat pagi dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas pada 22 Mac 2019 dimulakan dengan bacaan doa.

**PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN :** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah Robbil 'Alamiin. Wassolatuwasalamu 'Aala Rasulil 'Aamin Sayidina Muhammadin Waala 'Alihi Wasahbihi Ajma'in*

Ya Allah Ya Tuhan Kami, Sesungguhnya Engkau adalah Tuhan yang memiliki segala kebesaran dan kekuasaan. Kami bersyukur ke hadirat Mu kerana melimpahkan kami dengan nikmat dan rahmat juga mengurniakan kami bumi yang subur dan maju Negeri Selangor Darul Ehsan. Dengan rahmat Mu jua pelbagai rancangan pembangunan telah dinikmati oleh rakyat, pelbagai keturunan dan bangsa yang taat kepada Raja dan Kerajaan Negeri ini. Ya Allah kami memohon kehadiran Mu agar memberikan kami sebaik-baik petunjuk dan bimbingan untuk memuliakan kami khususnya Ahli Dewan Negeri meneruskan khidmat menimbang dan memutuskan segala perkara yang dibincangkan di dalam Dewan yang mulia ini supaya segala rancangan pembangunan Negeri Selangor Darul Ehsan berjalan lancar, tepat dan berkesan. Kepada Mu jua Ya Allah kami berserah.

*Wassalahu Aala Saiyidina Muhammad Wa'ala Alihi Wassohbihi Ajma'iin Walhamdulillah Robbil 'Alamiin.*

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya, pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER :** Selamat Pagi, Salam Sejahtera kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya mempersilakan Morib.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya ke 45.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN  
(N53 MORIB)**

**TAJUK : BANTUAN KASIH IBU SMART SELANGOR**

45. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah langkah-langkah pemutihan untuk penerima bantuan Kasih Ibu Smart

Selangor?

b) Adakah penggunaan sistem E-Kasih masih berjalan?

**Y.B. PUAN DR SITI MARIAH BINTI MAHMUD** : Terima kasih Yang Berhormat Morib, terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Yang Berhormat Morib telah bertanya mengenai kes, untuk makluman semua Yang Berhormat, Program Kasih Ibu Smart Selangor. Minta maaf Yang Berhormat Speaker, soalan ini saya akan jawab bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat Balakong. Program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) telah mendapat sambutan luar biasa di kalangan golongan ibu di Selangor. Yang ternyata memberikan manfaat bagi meneruskan kelangsungan hidup dan amat membantu dalam mengurangkan beban keluarga. Sehingga kini 40,000 orang ibu telah menerima bantuan (KISS) ini dan bantuan ini masih diteruskan hingga bulan Mac dan tiada isu pembekuan sementara kad (KISS) bagi mengatasi masalah teknikal. Ketika ini Kerajaan Negeri sedang menjalankan langkah-langkah pemutihan selaras dengan penjajaran program-program IPR secara keseluruhan oleh Kerajaan Negeri termasuklah penerima-penerima (KISS) melalui kerjasama yang komprehensif dengan jabatan di peringkat persekutuan yang mempunyai sistem pengkalan data yang boleh di manfaatkan dan di maksimum kan pembuannya khususnya bagi tujuan verifikasi pendapatan di peringkat Kerajaan Negeri iaitu daripada pertama Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) yang bersetuju untuk membuat semakan silang senarai penerima (KISS) sedia ada dengan sistem di bawah kendalian (ICU JPM) yang merupakan sebuah pengkalan data kemiskinan nasional iaitu sistem e-kasih. Dan kedua Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) yang juga bersetuju untuk membuat semakan silang secara holistik bukan sahaja melalui bantuan sara hidup, program (BSH) tetapi LHDN juga semakan silang bersama 17 agensi Kerajaan yang lain. Sehubungan itu, setelah hasil semakan silang ini di perolehi daripada jabatan atau agensi yang telah di nyatakan itu, maka langkah seterusnya akan disusuli dengan pemakluman melalui surat kepada para penerima dan taklimat kepada semua Pejabat Ahli-Ahli Yang Berhormat akan dilaksanakan. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat juga, langkah-langkah pemutihan yang akan dilaksanakan bagi tujuan penjajaran IPR secara keseluruhan ini akan di muktamadkan pada sesi Retreat EXCO Kerajaan Negeri Selangor yang akan di adakan mulai 31 Mac hingga 02 April 2019.

**TUAN SPEAKER** : Morib, sila.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN** : Terima kasih Yang Berhormat EXCO di atas jawapan. Cuma saya nak bertanya, kita dah mengatakan akan membuat beberapa penjajaran terhadap program-program IPR Kerajaan Negeri Selangor, antaranya adalah (KISS) dan juga Skim Mesra Emas dan lain-lain, tapi saya berpandangan penjajaran ini agak mengambil masa begitu lama dan juga kadangkala menimbulkan tanda tanya kepada rakyat dan juga kepada petugas-petugas kita untuk melaksanakan. Jadi adakah cadangan untuk menurunkan bantuan (KISS) ini daripada RM200 kepada penerima kepada RM100 dengan tujuan untuk lebih ramai lagi penerima. Adakah benda itu akan



**22 MAC 2019 (JUMAAT)**

dilaksanakan atau masih di dalam peringkat kajian atau bagaimana dan harap dimuktamadkan segera . Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD** : Terima kasih Yang Berhormat Morib. Dalam penajaran ini, saya ingat akan juga dijelaskan juga oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita. Masalah utama yang kita hadapi adalah verifikasi pendapatan. Maka dengan itu sistem e-kasih, verifikasi melalui e-kasih dan juga melalui LHDN melalui batuan Bantuan Sara Hidup, Bantuan Sara Hidup itu yang akan digunakan. Jadi Yang Berhormat, untuk hingga Mac ini, semua penerima daripada 2018 itu mereka terus menerima hingga hari ini RM200 sebulan. Mulai bulan April ini, apabila kita telah buat penajaran dan kita dah dapat keputusan dalam mesyuarat EXCO nanti, Retreat EXCO nanti, maka kita kan membuat keputusan sama ada menurunkan ke RM100 atau ke RM200 itu kita belum muktamad lagi Yang Berhormat, itu akan dibuat keputusan dalam Retreat kita ini. Jadi apa yang penting Yang Berhormat adalah mereka-mereka yang layak, sekiranya setelah kita buat penajaran di antara maklumat e-kasih dengan maklumat penerima (KISS), kalau mereka adalah ada dalam senarai e-kasih, maka bantuan itu akan diteruskan dan sekiranya mereka terkeluar daripada (KISS) ini, maka kita cuma perlu minta mereka untuk membuat permohonan semula dan kita buat saringan semula. Itu adalah dalam pelan perancangan kita Yang Berhormat. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sg. Panjang

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan saya no. 46

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : GRED PREMIS BERSIH**

46. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri masih meneruskan program pengredan premis bersih ?
- b) Nyatakan jumlah premis yang telah digredkan pada tahun 2018 ?

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Program pengredan premis bersih masih diteruskan bagi mengekang masalah penyakit bauan makan dan ais seperti keracunan makanan, Hepatitis A. Melalui pengredan premis makanan,

**22 MAC 2019 (JUMAAT)**

pemeriksaan akan diberi sijil penarafan gred berdasarkan tiga bentuk pengiktirafan iaitu kategori A, amat bersih dengan penarafan Gred A. Jumlah permakahan 86 hingga 100 markah. Bagi kategori B, adalah bersih. Penarafan Greb B. Jumlah pemarkahan 71 hingga 85 markah. Yang kategori yang ketiga adalah kurang bersih dengan penarafan Gred C. Jumlah pemarkahan adalah 51 hingga 70. Bagi premis yang mendapat markah 50 dan ke bawah, tindakan susulan akan di adakan yang boleh membawa kepada penutupan premis. Bagi soalan B, jumlah premis yang telah di gredkan pada tahun 2018 adalah sebanyak sebelas ribu seratus dua puluh (11,120). Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sementa. Tak hadir. Subang Jaya.

**Y.B. PUAN MICHELLE NG. MEI SZE** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan Subang Jaya no. 48

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE  
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : KESIHATAN MENTAL**

48. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status pelaksanaan "*lay counsellors*" bagi menangani isu kesihatan mental?

**Y.B. PUAN DR SITI MARIAH BINTI MAHMUD** : Terima kasih Yang Berhormat Subang Jaya. Subang Jaya bertanyakan tentang status pelaksanaan "Lay Counsellor" bagi menangani isu kesihatan mental. Untuk makluman Yang Berhormat Subang Jaya, kursus "Lay Counsellor" telah dimulakan, pelaksanaannya kepada kakitangan barisan hadapan Kerajaan Negeri yang sentiasa berhadapan dengan masyarakat pada tahun 2018. Jawatankuasa Tetap Kesihatan telah menganjurkan dua kursus "Lay Counsellors" kepada penyelia Pusat Wanita Berdaya dan Pegawai Penyelaras Pusat Khidmat Masyarakat. Pada tahun 2019, ada sebanyak lima kursus "Lay Counsellor" telah dirancang untuk diberikan kepada lima kumpulan barisan hadapan Kerajaan termasuklah Ketua Kampung, Penyelaras, PBT, Pegawai Khidmat Pelanggan, Ahli Majlis dan juga Pegawai-pegawai Masjid dan Rumah Ibadat. Kursus ini akan di jalankan oleh kaunselor yang bertauliah dan modul yang di sampaikan ada bertepatan dengan bidang tugas kumpulan tersebut. Terima kasih.

**Y.B. PUAN MICHELLE NG. MEI SZE** : Soalan tambahan Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER** : Silakan Subang Jaya.

## 22 MAC 2019 (JUMAAT)

**Y.B. PUAN MICHELLE NG. MEI SZE** : Terima kasih Yang Berhormat EXCO atas usaha untuk membangunkan "Lay Counsellor". Cuma satu soalan, siapakah organisasi yang menjalankan latihan untuk "Lay Counsellor" tersebut.

**Y.B. PUAN DR SITI MARIAH BINTI MAHMUD** : Untuk makluman Yang Berhormat, memang NGO-NGO ataupun mereka yang kita ambil untuk melaksanakan program ini mempunyai konsultan-konsultan yang bertauliah lah untuk melaksanakan modul ini. Dan saya tidak dapat namakan semuanya hari ini Yang Berhormat. Terima Kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sg. Ramal.

**Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR** : Tuan Yang Dipertua, Tuan Speaker, minta maaf. Soalan saya soalan no. 49

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR (N26 SUNGAI RAMAL)**

#### **TAJUK : TANAH REZAB MELAYU**

49. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk menawarkan kepada pemilik tanah pajakan yang hampir tamat tempoh pajakannya untuk menukar status tanah mereka kepada rezab Melayu sebagai insentif dan usaha untuk menambah keluasan kawasan pegangan tanah rezab Melayu?

**Y.A.B TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Terima kasih Speaker dan Sg. Ramal yang bertanyakan soalan sebentar tadi. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri belum lagi mempunyai rancangan khusus untuk menawarkan kepada pemilik-pemilik tanah yang hampir tamat tempoh panjakannya. Untuk menukar status tanah mereka kepada rizab Melayu, Sebagai inisiatif dan usaha-usaha untuk menambah keluasan kawasan pegangan tanah rizab Melayu. Ini kerana kerajaan negeri masih lagi sentiasa berusaha menggantikan tanah-tanah rizab terutamanya atas penukaran-penukaran status rizab Melayu dengan saiz dan nilai yang sepadan dengan penukaran status-status tanah tersebut. Bukan hanya keluasan tanah tetapi kita juga mengambil nilai semasa tanah, supaya rizab-rizab Melayu kita tidak berkurang ataupun berkurang, ikut datanya saban tahun kita menggantikan lebih daripada segi keluasan rizab-rizab Melayu yang telah digunakan untuk pembangunan dan sebagainya. Untuk rekod keluasan sedia ada waktu ini, data sehingga Disember 2018, keluasan rizab Melayu adalah pada 406,042.1999 ekar. Keluasan sedia ada masih dalam keadaan terkawal dan di pantau secara rapi oleh pentadbir tanah dan galian Negeri Selangor. Pemantauan di buat melalui pemakaian pekeliling bilangan 7 2001, mengenai dasar

dan garis panduan pembatalan dan penggantian tanah-tanah rizab Melayu dan pekeliling PTGS bilangan 3 2015, mengenai garis panduan urus pembatalan dan penggantian tanah rizab Melayu. Semasa pengambilan tanah bagi tujuan awam atau kemudahan awam bagi kegunaan Kerajaan Negeri dan kegunaan Kerajaan Persekutuan di Negeri Selangor. Untuk makluman semua, usaha ini telah mendapat pengiktirafan daripada pentadbiran Kerajaan Pusat melalui sijil penghargaan amalan terbaik pengumpulan data tanah rizab Melayu yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada Mesyuarat Majlis Tanah Negara yang di adakan pada 3 Disember 2018. Tanah-tanah yang dimiliki oleh orang Melayu tidak terletak, yang tidak terletak dalam kawasan tanah rizab Melayu, boleh mendapat insentif tanah rizab Melayu dengan syarat mereka perlu memohon menukar status milik mereka kepada tanah rizab Melayu, pegangan Melayu. Proses ini belum mendapat kelulusan Kerajaan Negeri untuk tanah milik mereka di isytiharkan sebagai tanah rizab Melayu selaras dengan peruntukan Seksyen 3 Enakmen Rizab Melayu Bab 142 ERM 1933. Berdasarkan pekeliling PTGS bilangan 3 1994, mengenai kelulusan dasar tatacara dan pemberian insentif bagi membangunkan tanah rizab Melayu di Negeri Selangor, antara insentif ditawarkan adalah mengurangkan kadar premium caruman parit dan caruman kubu sebanyak 50% dan premium tambahan dikenakan sebanyak 12.5% daripada kadar asal ke atas kelulusan tanah. Isunya kita belum, jawapan mudahnya, kita belum lagi meletakkan satu keputusan menyeluruh, sebaliknya kalau ada sesiapa yang berminat, boleh mengikut tatacara yang saya benarkan tadi, sesuai dengan pekeliling Bilangan 3 tahun 1994. Terima kasih Yang Berhormat.

**TUAN SPEAKER** : Ahli–Ahli Yang Berhormat dan juga para hadirin dan pemerhati tolong ya, matikan telefon bimbit dan sebagainya sebabnya saya ada terdengar bunyi Teng! Teng! Teng! berterusan. Berterusan ya. Saya akan minta Bentara tolong *check* siapa, *handphone* siapa dan sebagainya. Jangan mengganggu perjalanan mesyuarat persidangan ini. Harap maklum ya. Sekian, terima kasih. Saya minta Sungai Burong. Tidak hadir.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ya.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Boleh saya berdiri di atas peraturan 242 untuk mengambil soalan ke 50 ini sebagai soalan saya dan mohon dijawab.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PROJEK LEBUHRAYA PERSISIRAN PANTAI BARAT (WCE)**

## 22 MAC 2019 (JUMAAT)

50. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan status terkini pembinaan WCE terutama laluan Seksyen 7 dari Assam Jawa ke Tg. Karang?
- b) Berapa jumlah peningkatan kos akibat kelewatan dari tarikh siap pembinaan?

**TUAN SPEAKER** : Saya benarkan Banting. Sila jawab. Soalan yang ke yang tadi ke 50. EXCO?

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM** : Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Burong dan Banting. Soalan yang ditimbulkan berhubung dengan *progress* ataupun kemajuan projek Lebuh Raya Persisiran Pantai Barat (WCE) West Coast Expressway. Untuk makluman Yang Berhormat Kerajaan Negeri telah dimaklumkan oleh Lembaga Lebuh Raya Malaysia, LLM bahawa status kemajuan pembinaan jajaran dari Assam Jawa ke Tanjung Karang itu. Iaitu Assam Jawa di Kuala Selangor ke Tanjung Karang sehingga 28 Februari 2019 adalah sebanyak 13.99%. Jajaran daripada persimpangan Assam Jawa sehingga sekitar Ladang Sungai Terap sepanjang 19.5 kilometer kini sedang dalam pembinaan iaitu dalam peringkat kerja-kerja rawatan tanah dan kerja-kerja penanaman cerucuk. Bagi pembinaan jambatan manakala jajaran daripada Ladang Sungai Terap ke persimpangan Tanjung Karang sepanjang 10 kilometer telah pun dimulakan dan dalam proses reka bentuk terperinci dan penyediaan pelan pengambilan tanah. Berhubung dengan penambahan kos akibat kelewatan projek ini, pembinaan Lebuh Raya Persisiran Pantai Barat dilaksanakan secara penswastaaan oleh syarikat konsesi West Coast Expressway Sdn. Bhd (WCESB) bermula dari 25 Ogos 2014 dan tarikh siap pada 24 Ogos 2019. Sebarang peningkatan kos akibat kelewatan dari tarikh siap pembinaan adalah di bawah tanggungjawab pihak syarikat konsesi dan tiada kos tambahan kepada kerajaan. Sekian.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Sila Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih Tuan Speaker saya berdiri untuk bertanya soalan kerana WCE ini juga melibatkan kawasan di, di kawasan saya. Saya ingin bertanya tentang kelewatan pembinaan ini di mana sebarang bentuk kelewatan itu adalah sesuatu yang amat dikesali dan perlu diterangkan kepada penduduk dan saya difahamkan lebuh raya ini juga akan lewat bahagian Banting ini akan lewat dan akan hanya akan dapat dibuka pada tahun depan sepatutnya pada tahun ini. Saya ingin

**22 MAC 2019 (JUMAAT)**

bertanya adakah kerajaan bercadang dalam sebarang mesyuarat dengan Lembaga Lebuh Raya Malaysia bahawa wakil rakyat yang berada di kawasan-kawasan yang terlibat dilibatkan dijemput bersama untuk menghadiri mesyuarat ini supaya kita dapat mengetahui perkembangan sebenarnya dan kita boleh memberi penjelasan yang lebih teliti kepada peringkat akar umbi kepada orang ramai supaya mereka faham tentang apakah isu-isu yang berlaku dan sebagainya. Sekian.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM** : Terima kasih Yang Berhormat Banting. Kita sebenarnya urus setia ataupun jawatankuasa bagi pemantauan kemajuan lebuh raya-lebuh raya di Selangor ini yang ketika ini ada tujuh adalah memang dipengerusikan oleh saya sendiri dalam mesyuarat bersama dan di urusetiakan oleh pihak JPBD dan juga di peringkat federal di bawah LLM. Dan kita membuat mesyuarat secara berkala dan tidak ada masalah bagi saya untuk menjemput YB-YB yang berkaitan dengan pembinaan ini untuk hadir. InsyaAllah.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat-Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM** : Ya. Yang Berhormat-Yang Berhormat untuk hadir bersama dalam mesyuarat-mesyuarat ini. Dan kebiasaan memang dalam sama ada jalan raya ataupun dalam berkaitan dengan lebuh raya ini kelewatannya kebiasaannya adalah merupakan dua faktor utamanya. Yang pertama adalah isu pengambilan tanah dan kedua adalah isu pengalihan utiliti. Jadi sama juga di sini dan cuma perbezaan di sini ialah di Tanjung Karang ini yang 10km ini yang baru nak mula reka bentuk ini adalah disebabkan oleh pertukaran jajaran yang dahulunya sahabat kita dulu di sana yang ada sedikit masalah dari segi jajaran tidak bersetuju menyebabkan tertanggung agak lama. Jadi sekarang sudah pun diluluskan sejak tahun lepas dan telah pun dimulakan itu pun menyebabkan ada sedikit kelewatan di sana. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Bukit Lanjan tidak hadir. Balakong.

**Y.B. PUAN WONG SIEW KI** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 52.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN WONG SIEW KI  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : MASALAH PENGURUSAN KAMPUNG TRADISI**

52. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

## 22 MAC 2019 (JUMAAT)

- a) Adakah kerajaan berhasrat untuk menyelaraskan cara pengurusan kampung tradisi?
- b) Terdapatnya kampung tradisi yang tidak membayar cukai taksiran dan hal ini mengakibatkan kesukaran PBT membantu dalam hal memperbaiki infrastruktur dalam kampung, adakah kerajaan akan mewujudkan satu pelan untuk menyelesaikan masalah ini?

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih pada Balakong. Balakong bertanya tentang apakah telah ada penyelarasan cara pengurusan kampung tradisi. Untuk makluman Dewan yang mulia ini Kerajaan Negeri telah pun menyelaraskan secara pengurusan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung ini dengan menggunakan garis panduan sedia ada dengan menambah baik serta memurnikannya selaras dengan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang mana antara yang diselaraskan adalah pertama adalah tugas dan tanggungjawab Pengerusi MPKK dan seluruh Biro-Biro yang ter ataupun telah jelaskan. Yang keduanya, syarat-syarat pelantikan umum seperti umur, tahap pendidikan serta menambahbaikkan dari segi prosedur yang berkaitan tentang pelantikan. Contohnya, kita tidak lagi pelantikan itu ataupun pemilihan calon-calon itu dibuat di peringkat daerah tetapi jawatankuasa satu, jawatankuasa pemilihan telah diwujudkan untuk meneliti semua mereka yang telah di *interview* ataupun yang telah ditemu duga. Yang ke seterusnya, telah ada penambahbaikan dan penyelarasan tentang penamatan dan juga tempoh percubaan serta tempoh pelantikan ketua ataupun pengerusi MPKK. Iaitu kalau dulunya garis panduan itu tidak secara jelas meletakkan bahawa tempoh penamatan jika berlaku dalam tempoh pelantikan itu apa-apa perkara yang kita rasa perlu ditamatkan tidak di tetapkan tapi kali telah ditetapkan oleh garis panduan. Sebagai contoh, contohnya sesuatu Pengerusi itu boleh ditamatkan jika dia tidak melaksanakan tugas yang ditetapkan tidak ada Ahli Jawatankuasa yang disarankan, maknanya kalau dulu mungkin dia boleh jadi Pengerusi sorang-sorang tapi tidak ada Jawatankuasa sekarang dia mesti ada Jawatankuasa yang lengkap dan tempoh juga sekarang ini Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk setiap kali pelantikan sesuatu eee seseorang Pengerusi itu tempohnya selama tiga tahun tetapi untuk pelantikan yang kali pertama ini ianya akan ditamatkan pada 31 Disember 2020. Jadi itu beberapa perkara yang telah diselaraskan selain daripada itu Biro yang ditetapkan adalah 11 Biro. Dan 11 Biro ini telah pun dinamakan secara terperinci apakah Biro-Biro yang perlu diwujudkan seperti :

- 1) Biro Pembangunan Prasarana.
- 2) Keduanya, Keselamatan Kesihatan.
- 3) Ketiganya, Biro Pengurusan Kewangan.

- 4) Keempat, Biro Pengurusan Dan Kesejahteraan Dan Keceriaan.
- 5) Kelima, Biro Pendidikan Dan Inovasi
- 6) Keenam, Biro Pemantapan Spiritual
- 7) Ketujuh, Biro Kebajikan Dan Kesukarelawan
- 8) Kelapan, Belia Sukan Biro Belia Dan Sukan serta NGO yang
- 9) Kesembilan, Biro Ekonomi Dan Keusahawanan
- 10) Kesebelas eh kesepuluh, Biro Infrastruktur Dan Komunikasi Dan
- 11) Akhirnya Biro Hal Ehwal Wanita Dan Keluarga dan ianya mestilah terdiri daripada 30% wanita yang mengetuai Biro-Biro tersebut.

Jadi itu di antara penyelarasan yang telah dibuat. Seterusnya Balakong bertanya tentang bagaimana sekarang ini tidak ada cukai. Bagaimanakah pengurusan ataupun kebersihan ataupun isu-isu berbangkit di dalam kampung ini diuruskan oleh PBT? Jadi saya ingin mengatakan Negeri Selangor telah pun menegaskan bahawa dengan negeri berkebijakan ini kita telah melaksanakan pengecualian cukai taksiran bagi semua Kampung Tradisi semenjak 1 Januari 2017. Tetapi masalah sampah ini masih lagi dalam pengurusan PBT ataupun Pihak Berkuasa Tempatan. Isu-isu berbangkit pula iaitu ditanya apakah ianya masalah-masalah lain seperti urusan jalan dan sebagainya di bagaimana ia dikendalikan? Ingin saya menyatakan di dalam Dewan yang mulia ini telah diputuskan bahawa isu dalam menangani isu dan permasalahan yang melibatkan infrastruktur di kawasan Kampung Tradisi, pihak yang bertanggungjawab iaitu Pejabat Daerah Tanah akan memohon peruntukkan daripada Seksyen Agihan maknanya Ketua Kampung sampaikan pada Pejabat Daerah, Pejabat Daerah akan menyampaikan kepada Seksyen Agihan dan Pembangunan, Unit Perancang Ekonomi dan seterusnya kita akan selaraskan di situ yang mana ianya di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan kita sampaikan Persekutuan. Mana dalam lingkungan bajet yang ditentukan kita akan uruskan. Dan dua, dua Kementerian yang akan melihat tentang perkara ini. Pertama Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan juga Kementerian Kewangan ya, yang mana dengan kata lain ianya dirujuk untuk isu-isu Kampung Tradisi. Selain daripada itu saya ingin mengingatkan Ahli-Ahli Dewan di bawah peruntukkan ini juga sebenarnya disalurkan melalui Ahli-Ahli Parlimen. Itu sahaja Tuan Speaker. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN** : Taman Templer.

**TUAN SPEAKER** : Taman Templer.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN** : Saya. Terima kasih Tuan Speaker nak tanya sikit kepada Yang Berhormat EXCO. 11 Biro yang tadi tu macam tak dengar pula Biro Belia Dan Juga Anak Muda. Kot-kot adalah. Yang pertama. Kemudian yang



keduanya nak tanya MPKK kita ni apa kursus-kursus yang kita berikan kepada Ketua Kampung dan juga ahli MPKK ni soal berkaitan dengan pemantapan organisasi ke pengucapan awam dan sebagainya. Sebab bila kita turun ke bawah ni kadang-kadang ada di kalangan Ketua-Ketua Kampung ni bila dalam program tak berani nak bercakap. Satu, dan kemudian keduanya kadang-kadang tak reti nak bercakap sedangkan Ketua-Ketua Kampung ni adalah merupakan kita punya mata dan juga telinga kita yang paling bawah. Sepatutnya Ketua-Ketua Kampung inilah yang nak menerangkan dasar kita IPR kita dan macam mana pelaburan yang dibawa masuk oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan juga Y.B. Teng. Pelaburan yang sangat tinggilah dalam Negeri Selangor walaupun ditenggelamkan oleh Jeram. Terima kasih.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Terima kasih Templer. Lain kali Templer kena dengar betul-betul. Biro yang kelapan yang saya sebut tu Biro Belia Sukan Dan NGO. Haaa ado tu, ado. *Insyaa-Allah*. So, yang seterusnya tentang latihan. Bagus soalan ini. Sebenarnya kalau kita lihat pada bulan empat pada bulan depan akan dimulakan satu latihan iaitu pengurusan iaitu semua Ketua-Ketua Kampung dan setiausaha ini akan dikumpulkan seramai 600, *sorry* 724 orang iaitu untuk hadir ke latihan yang diwajibkan di yang diuruskan oleh pihak INFRA ya, iaitu Institut Latihan Luar Bandar untuk mereka diberikan kursus pengurusan terlebih dahulu selepas itu ada rentetan kursus-kursus yang kita akan beri. Dan Saya ingat untuk dua bulan ini kita berikan kursus tentang pendedahan program-program IPR dan juga program-program Kerajaan Pakatan Harapan di peringkat persekutuan juga telah diberi. Jadi memang saranan itu telah pun kita ambil maklum daripada awal lagi. Dan tahun ini selain daripada urusan mereka menguruskan kampung, mereka juga dibimbing supaya menjadi seorang Ketua Kampung ataupun Pengerusi MPKK yang berdaya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Terima kasih. Soalan saya ringkas sahaja. Dalam pengurusan kampung ini ada tak Kerajaan Negeri berhasrat untuk melakukan Pilihan Raya Ketua Kampung demi memberi peluang kepada penduduk kampung tersebut untuk memilih ketua mereka.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Terima kasih Gasing eh Bukit Gasing. Saya rasakan perkara ini juga saya telah pun utarakan dengan Kementerian Luar Bandar semasa mesyuarat kami di antara EXCO-EXCO dan juga Menteri. Saya telah cadangkan supaya untuk berlaku adil dan juga untuk melaksanakan demokrasi berparlimen secara tuntas dan ke bawah saya rasa sudah masanya Ketua-Ketua Kampung juga dipilih dibuat pemilihan sebenarnya tetapi ianya memerlukan sedikit masa untuk perbincangan kerana saya rasa jika ianya dipilih oleh masyarakat kampung

**22 MAC 2019 (JUMAAT)**

itu sendiri saya rasa ianya lebih sesuai dan ianya dapat menepati ataupun menepati cita rasa perlembagaan negara iaitu kita buat pemilihan secara berterusan dan secara semua lapisan. Tapi *insya-Allah* ia belum dilaksanakan tapi akan diperincikan lagi. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Meru.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR** : Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan saya nombor 53.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : SKIM BAS SMART SELANGORKU**

53. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri membuat kajian keberkesanan skim bas Smart Selangorku dapat meringankan beban rakyat Selangor yang miskin?
- b) Adakah pihak Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengkaji menukar bas Smart Selangorku khas menjadi bas sekolah percuma untuk pelajar sekolah?

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Tuan Speaker, Kerajaan Negeri belum mempunyai kajian menyeluruh yang khusus bagi mendapatkan impak keberhasilan terhadap perkhidmatan Bas Smart Selangor dapat meringankan beban rakyat Selangor yang miskin. Namun demikian Kerajaan Negeri yakin bahawa dengan perkhidmatan bas percuma ini secara tidak langsung rakyat berpendapatan rendah dan sederhana dapat mengurangkan kos perbelanjaan harian bagi perjalanan menggunakan pengangkutan awam. Manakala, bagi ibu bapa pelajar yang menggunakan perkhidmatan bas itu untuk ke sekolah pula dapat menjimatkan sejumlah wang yang harus diperuntukkan untuk bas sekolah. Penjimatan kos tersebut memberi manfaat kepada rakyat untuk menabung tujuan keperluan harian yang lain. Saya pernah jumpa seorang ibu tunggal yang mempunyai tiga orang anak yang masih bersekolah, dia beritahu saya dengan adanya perkhidmatan Bas Smart Selangor yang percuma ini dia dapat menjimat sebanyak RM500 sebulan. Dan penjimatan ini boleh digunakan bagi tujuan keperluan harian yang lain.

Untuk jawapan B, Kerajaan Negeri belum berhasrat untuk menukarkan perkhidmatan bas ini kepada Bas Sekolah percuma untuk pelajar sekolah. Kerana ia memerlukan kajian teliti termasuk peruntukan kewangan dan akan memberi implikasi yang besar terhadap kewangan negeri. Manakala peruntukan Kerajaan Negeri adalah terhad bagi keperluan pelaksanaan projek-projek pembangunan yang lebih penting dan perlu diutamakan. Selain daripada itu pelbagai faktor perlu dipertimbangkan seperti persaingan serta kesan ekonomi ke atas industri pengangkutan Bas Sekolah khususnya pendapatan pengusaha-pengusaha yang berkaitan bagi mencapai matlamat 60% pengangkutan awam berbanding 40% kenderaan persendirian. Perkhidmatan Bas Selangor sedia ada lebih menepati sasaran Kerajaan Negeri untuk mempertingkatkan dan menggalakkan penggunaan kenderaan awam di laluan sosial berbanding hanya tertumpu kepada pelajar sekolah. Ini kerana pelajar sekolah tidak memberi kesan yang besar terhadap kesesakan lalu lintas.

Manakala objektif Kerajaan Negeri menyediakan Bas SMART Selangor di laluan sosial adalah lebih tepat bagi mengurangkan jumlah kenderaan di jalan raya. Walau bagaimanapun terdapat perkhidmatan Bas SMART Selangor yang mana boleh digunakan oleh pelajar sekolah di mana bas tersebut turut melalui jalan-jalan persekolahan, Institusi Pengajian Awam dan Swasta. Selain itu Kerajaan Negeri masih mengekalkan sumbangan subsidi tambang sekolah di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang. Program ini merupakan satu bentuk bantuan Kerajaan bernilai RM 300 sebulan bagi 300 ringgit yang diberi pada setiap anak pekerja ladang dan terbuka kepada anak-anak pekerja ladang ataupun bekas pekerja ladang yang bersekolah di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Bagi meringankan tambang kos bas di kalangan para pekerja ladang. Sekian, terima kasih.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Jeram.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI** : Terima kasih Tuan Speaker. Berkenaan isu, isu berkenaan Bas SMART Selangor ni, kita pernah bincang jugak dalam Sidang yang lepas berkenaan dengan penggunaanya, majoriti nya di kita sedia maklum, saya sendiri di kawasan saya yang menggunakannya ialah pendatang asing (*foreigner*). Jadi adakah soalan pertama saya adakah satu statistik ya di mana berapakah orang tempatan yang menggunakannya untuk sesuatu kawasan maksudnya kalau kita ada 100 kawasan, 100 kawasan tu pecahan statistiknya. Supaya kita tahu adakah berlaku pembaziran, tujuannya kita nak memberi kepada rakyat tempatan. Itu yang pertama. Yang keduanya apabila saya berjumpa dengan individu yang tunggu bas, tetapi tidak naik bila tanya kenapa dia kata saya terpaksa tunggu GRAB alasannya *foreigner* ramai dan bau kenderaan dalam tu lah. Jadi mungkin masa mereka naik ye yang *foreigner* yang nak pergi kerja mungkin bau nya tidak seberapa. Apabila balik kerja tu, mereka kerja kita tak nafikan soal attitude mereka memang macam tu ya, jadi berpeluh dan sebagainya. Bas tu memang terlalu bau dan menyebabkan orang tempatan kurang selesa untuk menaiki bas tersebut, jadi adakah kerajaan

## 22 MAC 2019 (JUMAAT)

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat, jangan buat kenyataan ya, jangan buat kenyataan terus kepada soalan.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Adakah kerajaan bercadang untuk memberikan untuk orang tempatan sahaja menggunakan dengan menunjukkan ic dan sebagainya. Terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Terima kasih Yang Berhormat Jeram yang membangkitkan isu yang orang asing yang mengguna Bas Percuma Bas SMART Selangor ini. Saya rasa fakta Yang Berhormat Jeram tu ada kurang tepat sedikit kerana mengikut laporan yang saya terima, hanya beberapa laluan memang tidak di nafikan ada beberapa laluan yang mempunyai penumpang warga asing yang mempunyai penumpang yang lebih tinggi daripada penumpang orang tempatan, tetapi bukan semua laluan, hanya beberapa laluan yang melalui kawasan perindustrian di mana warga asing perlu ambil perkhidmatan bas ini untuk bekerja di kilang masing-masing. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri sedang dalam kajian untuk mengenakan *charge*, *charge* tambang bas ke atas penumpang warga asing. Dan ini dijangka akan dilaksanakan tidak lama lagi. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Teratai.

**Y.B. TUAN LAI WAI CHONG :** Terima kasih kepada tuan Speaker. Adakah kerajaan pernah menjanji Bas Mini untuk mengganti Bas Panjang dari segi kos sewaan dan dijalankan dalam kawasan kampung.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Y.B, Yang Berhormat Teratai boleh ulang sekali lagi.

**Y.B. TUAN LAI WAI CHONG:** Adakah Kerajaan Negeri menjanjikan bas Mini untuk mengganti Bas Panjang.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Bas Mini?

**Y.B. TUAN LAI WAI CHONG:** Ya. Bas Mini.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Sebenarnya perjumpaan dengan operator-operator bas telah diadakan bulan lepas dan juga bersama pihak berkuasa tempatan. Dan kami sedang mengkaji untuk menggunakan pelbagai jenis bas termasuk Bas Mini ataupun Bas *Costar* di laluan-laluan yang penumpangnya tidak begitu ramai. Salah satu PBT yang akan melaksanakan dulu adalah Majlis Perbandaran Sepang.

**TUAN SPEAKER :** Sentosa.

**Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE :** Terima kasih, Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO berkenaan dengan program SMART Selangor ataupun bas SMART Selangor, adakah ia bertumpukan kepada

## 22 MAC 2019 (JUMAAT)

kawasan-kawasan perumahan, Rumah Kos Rendah terutamanya di Taman Sentosa, dan kawasan-kawasan tumpuan dun Sentosa ini tidak ada bas, bas lalu. Hanya ada bas yang digantikan sementara di mana orang terpaksa bayar 5 ringgit ya. Oleh itu saya nak tanya adakah perancangan untuk adakan laluan untuk bas SMART Selangor di kawasan dun Sentosa khususnya. Terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Sentosa, tumpuan memang Kerajaan Negeri memang menumpu kepada laluan sosial. Sekiranya Yang Berhormat Sentosa ada permintaan di kawasan Sentosa, Yang Berhormat boleh mengemukakan cadangan ini kepada MPK.

**TUAN SPEAKER :** Melawati

**Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI :** Terima kasih , Tuan Speaker.

**Y.B. DATUK ROSNI BIN SOHAR :** Speaker, bagi la peluang saya dah banyak kali bangun. Adil lah.

**TUAN SPEAKER :** Teruskan, Bukit Melawati.

**Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI :** Soalan saya No. 54

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI (N10 BUKIT MELAWATI)**

#### **TAJUK : INISIATIF BAHARU UNTUK GOLONGAN USAHAWAN DAN PENIAGA KECIL**

54. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam membantu golongan usahawan dan peniaga kecil dalam mengembangkan perniagaan;
- b) Apakah inisiatif baharu untuk membantu golongan usahawan dan peniaga kecil meningkatkan taraf hidup mereka.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Bukit Melawati. Sebenarnya jawapan ini mungkin panjang nanti kalau tak sempat saya ringkaskan saya akan bagi salinan kepada Bukit Melawati. Bukit Melawati bertanya tentang bertanya apakah inisiatif golongan usahawan dan peniaga kecil dalam perkembangan perniagaan.

Ingin saya nyatakan di sini, banyak inisiatif yang kita buat antaranya adalah pertama memberi Geran Bantuan Perniagaan. Yang mana ia nya dibuat dalam beberapa program, iaitu pertama Dana Usahawan Mikro Selangor. Geran ini maksudnya kita bagi

## 22 MAC 2019 (JUMAAT)

100% lah geran peralatan ya iaitu Dana Usahawan Mikro Selangor yang mana kita bentuk *non-monetary* untuk membantu usahawan di sini memperlengkapkan peralatan untuk perniagaan mereka.

Yang keduanya pembungkusan *Made In* program pembungkusan iaitu produk *Made In Selangor* juga kita lakukan supaya mereka yang telah ada produk yang baik ini untuk bantu usahawan untuk bagaimana boleh mendapat sedikit dana untuk program peningkatan pembungkusan.

Keduanya kita ada program pinjaman Mikro Kredit iaitu pinjaman yang dilakukan oleh pihak Hijrah Selangor yang mana pinjaman ini mempunyai 4 skim. Iaitu skim pertama iaitu sekecil 5000 ringgit ke bawah dan yang paling tinggi iaitu skim ke 4 iaitu 50,000 boleh dipinjam. Sehingga Februari 2019 kita lihat seramai 45,088 orang telah dapat pinjaman ini dan *repeat* pinjaman atau pinjaman berulang sebanyak 12,000 maknanya ada yang pernah ambil. Yang pertama ada 12,000 orang yang telah pun dalam lingkungan pinjaman kedua, ketiga ataupun keempat. Seterusnya kita ada program di bawah HIJRAH jugak, iaitu program Skim *Zero to Hero*.

Ingin saya maklumkan di dalam dewan ini bahawa program ini adalah program bimbingan yang dibuat khusus kepada mereka yang berpendapatan RM1500 ke bawah. Dan program ini jugak sebenarnya adalah untuk membimbing mereka yang baru dengan kita selaraskan ataupun kita jadikan satu peneraju syarikat untuk membimbing mereka yang mana kita panggil *anchor business*, *anchor company* yang akan ambil 5 ataupun 10 orang peminjam ini untuk kita ajar dan kita bimbing secara langsung bagaimana mereka boleh mengetahui tentang prosedur dan bagaimana hala lintang dan risiko bila perniagaan dan dalam masa yang sama kita nak mereka berjaya.

Seterusnya program keusahawanan jugak menjadi tumpuan di bawah Stanco Keusahawanan iaitu kita buat modul kursus yang ada dinamakan asas perniagaan dan kewangan. Kita nak ada latihan penjenamaan produk, kita ada program latihan pensijilan produk, kita ada program produk *Model Business Canvas* serta kita ada program pemasaran *Online* dan *Facebook* juga di laksana sepanjang tahun. Ya seterusnya kita tidak terhenti di situ kita bawak juga usahawan kita program-program promosi. Di mana program promosi ini melibatkan pameran dan expo kepada produk-produk mereka sama ada di dalam negeri ataupun tempatan ataupun luar negeri yang mana ia nya kita beri sedikit insentif supaya mereka boleh memamerkan dan akhirnya kita nak ada berlakunya *Business Matching* ataupun satu pencapaian untuk mereka boleh memasarkan produk di luar daripada Selangor.

Seterusnya tidak lupa jugak di bawah usahawan, kita ada beberapa agensi yang melaksanakan program keusahawanan ini iaitu terutamanya PKNS sendiri telah pun melaksanakan satu program yang agak detail program ni. Nanti saya kena bagi jugak jawapan bertulis iaitu satu-satunya agensi yang membuat program daripada sekolah rendah sampailah lepasan university hingga mereka berjaya dan akhirnya mereka jadi

## 22 MAC 2019 (JUMAAT)

usahawan yang berjaya dan boleh provide menjadi individu yang boleh menjadi individu yang *job creator*.

Untuk jawapan B, kita lihat di sini medium yang dipertanya tentang apakah inisiatif baru. Inisiatif baru adalah untuk kita memberikan satu tumpuan untuk usahawan kita dapat diberikan satu tempat di mana mereka hendak berniaga tapi bila nak buat perniagaan sendiri nak ada office nya nak ada bagaimana bagai-bagai pekerja nya jadi kita sediakan iaitu pihak yang menyediakan tempat untuk hub *virtual* ataupun *virtual office* ini iaitu Selangor *Information Technology & E-commerce* Council. SITEC jugak ada menyediakan dan jugak PKNS Bizpoint.

Makna dia dengan hanya dengan minimum aja sewaan mereka boleh menggunakan semua facilities seolahnya mereka mempunyai satu tempat perniagaan yang lebih baik dan lebih kondusif. Selain daripada itu inisiatif baru adalah untuk menyediakan data base bersepadu. Malangnya kita lihat di Negeri Selangor ini sebelum ini data-data base usahawan ini banyak tempat. Ya sekarang ini kerajaan sedang pun menumpukan untuk menyediakan data base bersepadu supaya semua agensi yang berkaitan dengan usahawan akan dikumpulkan dalam data base ini.

Keduanya kita menyediakan jugak, ketiganya kita menyediakan jugak kaunsling usahawan. Kadang-kadang usahawan ini dia perlu jugak kaunselor. Bukan masalah mental saja yang perlu kaunselor. Usahawan juga diperlukan kaunselor untuk menunjuk mereka ke mana selepas ini mereka patut pergi. Kadang-kadang mereka terus depa rasa ada program ni mereka kena pergi tapi bila dia pergi tak sesuai dengan program dia ataupun dengan usahawan ataupun perniagaan dia akhirnya mereka terhenti di situ.

Yang kelimanya kita ada pusat sehenti keusahawanan iaitu satu aplikasi yang kita boleh tengok. Aplikasi itu akan memberi saranan ke mana mereka boleh mendapatkan khidmat-khidmat nasihat dan buat masa ini ada 188 agensi telah pun duduk bersama di dalam Pusat Sehenti Keusahawanan ini. Dan akhirnya ini adalah yang terkini seperti yang disarankan oleh Dato' Menteri Besar kita iaitu kita akan mengusahakan satu Majlis Usahawan bagi menjadikan platform bagi mengkoordinasi semua agensi yang ada. Ya mungkin satu hari nanti ia jadi seperti Perbadanan mungkin, sebab kita sekarang ini kita hanya mulakan dalam konteks Majlis dan kertas mesyuarat ini sedang disediakan untuk makluman MMKN yang mana kita tengok di bawah Stanco Pertanian, di bawah Stanco SME dan sebagainya kita ada jugak program-program keusahawanan yang perlu kita selaraskan dan akhirnya pembangunan usahawan di Selangor lebih teratur. Terima kasih, Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Batang Kali

**Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR :** Terima kasih, Yang Berhormat tuan Speaker. Apa yang saya lihat kesukaran peniaga-peniaga kecil ini untuk

memasarkan hasil-hasil mereka. Salah Kemudiannya kalau kita lihat mereka-mereka yang berniaga secara kecilan. Satu lagi ialah masalah pasar raya-pasar raya besar kebanyakannya dimonopoli oleh orang-orang asing yang menjual terutamanya soal jual baju, jual pakaian wanita misalnya dan sebagainya banyak orang-orang pakistan saya tengok. So apakah keistimewaan yang menyebabkan mereka ini dapat bersaing sebegini hebat sedangkan peraturan dan syarat oleh Pasar raya itu telah dipatuhi oleh peniaga-peniaga tempatan. So terima kasih, Yang Berhormat.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Ada dua soalan tu, satu tentang bagaimana mereka hendak memasarkan produk-produk yang ada. Sebab itu kita sekarang ini mewujudkan satu, orang kata apa ya, PSK tadi Pusat Sehati Keusahawanan. Selain, mereka mengambil tahu atau maklum tentang program yang ada diperingkat Persekutuan, kita juga akan cuba menyalurkan program-program ini untuk diletakan di dalam satu *web store* iaitu satu *store* iaitu satu tempat pengumpulan produk dan akhirnya mereka kita boleh lihat apakah jenis, di mana kita yang boleh dapat kalau kita nak kan sesuatu jenis perniagaan itu. Ini untuk membantu mentaliti keusahawanan supaya tidak semata-mata memikirkan ada tempat baru nak niaga. Tapi sebenarnya kita suruh mereka anjakkan sedikit supaya mereka menggunakan teknologi terkini di mana di dalam menggunakan virtual atau pun web ini ataupun menggunakan semua yang ada, apa Internet punya bisnes ini pasarannya lebih meluas sebenarnya. Yang kedua tentang pasaraya, itu saya rasa ini satu perkara yang memang sedang diteliti oleh KPDNH ...sebenarnya tentang peluang-peluang yang hendak diberikan. Tetapi pada saya, ia berkaitan dengan jika ada pihak-pihak luar yang berniaga secara halal ataupun ataupun secara rasmi. Ianya tidak kita tangguhkan tetapi isu yang patut kita bincangkan adalah sebenarnya satu situasi di mana barangan kita ini sepatutnya di pasar-pasaraya ini ada satu lokasi tertentu yang kita *highlight*kan ataupun kita tonjolkan, Made in Selangor ataupun Made in Malaysia punya produk. Yang itu banyak dibincangkan diperingkat atasan supaya satu hari nanti pasar- pasaraya juga akan secara rasminya akan menyediakan tanpa diminta tetapi telah pun menyediakannya secara yang dimestikan ataupun ditentukan oleh kerajaan terima kasih. Itu sahaja.

**TUAN SPEAKER** : Sentosa.

**Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE** : Terima kasih Tuan Speaker, saya nak ajukan soalan ni kepada Yang Berhormat EXCO berkenaan dengan beberapa insentif yang baru diperkenalkan. Adakah sekarang kita tengok banyak peniaga-peniaga ataupun ataupun masyarakat kita ingin berjinak dalam bidang perniagaan dan konsep *carbooth operator* ini sekarang amat berleluasa. Adakah perancangan-perancangan di mana setiap DUN ataupun setiap PBT kita boleh memperkenalkan program-program ni supaya golongan ini boleh mencari pendapatan yang kedua dan sebagainya, itu saja terima kasih.



**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Terima kasih Sentosa, memang sekarang ini kita melihat supaya peluang perniagaan ini diberikan kepada mereka yang menguruskannya atau mengusahakannya. Kita mahu masih ramai lagi servis operator ini berlaku. Mendapat tempat di dalam perniagaan. Sebab itu langkah pertama kita telah pun meminta kepada semua PBT untuk membuat satu inventori di mana tapak-tapak perniagaan ini tak kiralah pasar, gerai majlis atau pasar malam dan sebagainya siapa sebenarnya yang mengusahakannya. Siapa yang mengusahakannya. Saya lihat di Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah mulakan. Contohnya usaha yang dibuat pertama adalah, mereka setiap kali memperbaharui lesen mesti tuannya yang datang dan dia pakai *thumb print* dan tidak lagi hanya dia boleh di *renew* dengan izin boleh diperbaharui lesen itu hanya dapat orang lain boleh tolong bayarkan. Tidak. Operator situ kena datang dan mereka akan pastikan ianya dilakukan oleh operator itu sendiri ataupun peniaga itu sendiri. Jadi di sinilah nanti satu peringkat-peringkat nanti kita boleh memutihkan balik supaya tidak ada lagi gerai-gerai yang *disubkan* ataupun gerai-gerai yang sepatutnya meniaga tapi jadi *store* perniagaan dan sebagainya. Jadi kita nak benda ini diputihkan dan akhirnya kita tempatkan ramai peniaga-peniaga kita ataupun mereka yang telah berminat untuk menjadi peniaga dan boleh berjaya dapat tempat di dalam tempat ruang-ruang perniagaan yang telah disediakan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Jeram.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI** : Terima kasih Tuan Speaker. Berkenaan dengan isu warga asing yang menggunakan lesen ataupun tempat yang dikhaskan kepada tempatan. Jadi, mereka seperti mana yang EXCO Yang Berhormat EXCO mengatakan tadi, maknanya untuk *renew* lesen orang yang atas nama lesen itu sahaja yang boleh pergi *renew*. Itu benda yang mereka dah sedang buat, maknanya individu itu yang membenarkan menggunakan lesennya untuk pergi dan tolong *renewkan* lesen dan kemudian bagi balik. Itu je kerja dia, itu memang sedang berlaku. Jadi adakah PBT, contohnya apabila pergi ke kedai-kedai yang diusahakan oleh warga asing mengambil lesennya mendapatkan salinan kemudian bagi kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Kita tengok ada bayar ke tak ada. Kat situ orang tempatan akan takut untuk memberikan lesen mereka kepada warga negara asing. Sekarang ini mereka beri dan mereka dapat bulan-bulan. Tetapi orang itu berniaga dan duit kita pergi keluar negara. Tidak ada sebarang bayaran, saya tau saya bercakap sebab saya ada berniaga sebelum ini. Saya tau berapa ramai yang berniaga di kawasan saya tu pendatang asing.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Yang Berhormat Jeram, nak tanya ada pengalaman menyewakan ataupun apa. Tak apa saya tak perlu jawapan sebenarnya. Sebenarnya soalnya ada sedikit terpelencong tetapi itulah yang saya sebut tadi

dengan kita memulakan usaha akhirnya kita akan, sebenarnya kita lihat isu besar adalah bukan semata-mata isu kita ataupun warga asing atau orang luar. Iaitu sikap, sikap individu yang dapat peluang ini sendiri ambil peluang untuk diberikan pada orang lain dengan hanya untuk menjadi mendapat untung yang mudah. Jadi ini yang kita cuba elakkan. Kita nak elakkan supaya peniaga itu sendiri yang berniaga sebab itu dalam mesyuarat dua minggu lepas bersama dengan semua wakil-wakil PBT dan juga PUU dalam PBT. Kita telah kenal pasti 3 syarat lesen yang tak boleh kita pindahkan. Pertama syarat lesen yang mana dia memohon untuk meniaga di tapak tersebut, pemiliklah atau pengusaha. Yang keduanya nominee, kalau dia mengusahakan lesen tu atas nama dia, lepas tu mungkin dia pergi haji dan sebagainya, 3 bulan tu kalau takut nanti kena bila penguatkuasa turun padang tak ada pemilik di tapak tersebut ataupun pengusaha dia akan tertera di situ nominee, siapa yang menjadi penama kepada pengusaha perusahaan itu. Ketiganya jika dia perlu pembantu-pembantu untuk membantu dalam perusahaan ataupun dalam perniagaan kecil dia, dia perlu menamakan siapa pembantu tersebut. Jadi dengan kawalan ini kita dapati insya'allah nanti akan kurangnya kurangnya, apa ni, mereka yang berniaga nanti tidak ada tempat tetapi yang juga yang kurangnya untuk memastikan salah guna tempat yang kita bagi ini akan sedikit-sedikit akan diputihkan dan sasaran kita, kita harap dalam hujung tahun ini akan berlakunya 100% pemulihan tersebut. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Seri Kembangan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Tuan Speaker, soalan no.55.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH  
(N28 SERI KEMBANGAN)**

**TAJUK : ISU BANJIR DI JALAN KUYUH, KAMPUNG BARU SERI KEMBANGAN**

Soalan No. 50 bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan bila projek penaiktarafan rumah pam akan disiapkan dan mula berfungsi.
- b) Berapa jumlah kos keseluruhan?
- c) Adakah projek ini mengalami kelewatan?

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM** : Terima kasih Yang Berhormat Seri Kembangan yang bertanyakan soalan berhubung dengan isu banjir di Jalan Puyuh

**22 MAC 2019 (JUMAAT)**

Kampung Baru Seri Kembangan. Soalan ini berkait rapat dengan projek Penaiktarafan Rumah Pam yang agak tergendala. Tarikh siap projek asalnya ialah pada 15 Mac 2019, status terkini projek adalah dalam proses pemasangan meter oleh Tenaga Nasional bagi bekalan elektrik dijangkakan ada terdapat lanjutan masa sehingga 14 Jun 2019. Status –status masa kemajuan fizikal ditapak adalah 198%. Hanya 2% *delay*, jumlah keseluruhan projek kos projek ini adalah RM3.798 juta. Kelewatan projek ini adalah telah 4 kali di EOT ataupun *extension of time* telah diluluskan kepada pihak kontraktor berkait rapat dengan isu penyediaan pencawang kompak ataupun *Compact substation* yang pada asalnya tidak termasuk dalam skop asal kontrak menyebabkan kelewatan untuk dua kali *extension* selama 6 bulan selepas itu mendapati masalah kepada kelewatan daripada *testing* ditapak di *substation* berkenaan dan juga korekan jalan bagi penyambungan kerja-kerja kabel. Jadi semua berkait dengan isu Tenaga Nasional. Dan sebagaimana saya maklum tadi, yang 14 Jun ini akan siap projek ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Permatang.

**Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN** : Terima Kasih Tuan Speaker, soalan saya no.56.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : PROGRAM PEMBANGUNAN ANAK MUDA**

Soalan No. 56 bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri menyediakan tempat perniagaan untuk golongan usahawan anak muda terutamanya di DUN Permatang?
- b) Adakah Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk Program Pembangunan Anak Muda?

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** :

Bismillahirohmannirohim, terima kasih Tuan Speaker dan Yang Berhormat Permatang. Yang membangkitkan tentang isu Pembangunan Anak Muda, sebelum saya meneruskan jawapan kepada pertanyaan tersebut, saya suka menarik perhatian kepada semua Yang Berhormat di dalam Dewan Undangan Negeri ini bahawa bilangan belia di Selangor pada hari ini telah mencecah 2.7 juta orang. Kalau ambil daripada *ratio* penduduk Negeri Selangor bermakna hampir 50% daripada penduduk ataupun pengundi Yang Berhormat kemudian adalah dikalangan belia. Jadi dengan rentetan

## 22 MAC 2019 (JUMAAT)

Yang Berhormat mesti menyokong portfolio saya, bekerjasama dengan saya tak ada pilihan.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI** : Belia tu umur bawah berapa tu.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Kalau mengikut dasar belia 2018, 15 ke 30 tahun, dan sudah tentu Jeram telah tidak belia lagi. Saya balik pada pertanyaan Yang Berhormat Permatang tentang golongan usahawan anak muda terutamanya di DUN Permatang. Kerajaan memang sentiasa prihatin terhadap masalah dan cabaran yang dihadapi oleh generasi muda Selangor. Sehubungan dengan itu program-program yang dianjurkan sangat meniti beratkan aspek menyediakan ruang dan peluang perniagaan, ini sekali gus memastikan pembangunan generasi muda negeri yang mampan. Justeru itu Kerajaan Negeri telah menyediakan pelbagai insentif untuk membangunkan generasi muda sebagai usahawan yang berjaya termasuk anak muda daripada DUN Permatang. Ini sekali gus dapat merangsangkan aktiviti keusahawanan di Negeri Selangor. Sehubungan dengan itu Kerajaan Negeri telah menyediakan pelbagai kemudahan termasuk penyediaan sewaan premis perniagaan kepada golongan usahawan seperti Uptown Shah Alam dan Pasar Seri di Giant Seksyen 13 Shah Alam. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian Kerajaan Negeri telah menganjurkan program-program yang bersesuaian untuk generasi muda. Ia bertujuan untuk memberi pendedahan dalam menceburkan diri mereka dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Di antara program-program yang telah dianjurkan adalah program di bawah Jawatankuasa Tetap Keusahawanan iaitu Dana Usahawan Mikro Selangor, Pameran Ekspo, Karnival atau Festival Usahawan, Kursus Latihan dan yang ke lima Program Peningkatan Keupayaan Reka Bentuk Pembungkusan Produk Usahawan Negeri Selangor ataupun 4P. Kita juga mempunyai program di bawah Skim Bantuan Hijrah Selangor iaitu program yang memberi pinjaman berbentuk kewangan kepada golongan generasi muda. Antara skim-skim yang ditawarkan adalah menurut fasa yang pertama iaitu Skim-1 di antara RM3,000.00 hingga RM5,000.00 atau Skim yang ke-2 antara RM6,000.00-RM10,000.00 di bawah fasa kedua iaitu Skim ke-3 dan 4 iaitu mereka yang telah melalui fasa pertama dan ditawarkan dalam skim yang ke-3 iaitu RM15,000.00-RM20,000.00 dan Skim yang ke-4 RM30,000.00-RM50,000.00. Kita juga mempunyai Program Pembangunan Usahawan PKNS. Iaitu Program Usahawan Siswazah PKNS iaitu lepasan kolej dan universiti. Program Usahawan siswazah ini merupakan satu insentif membantu golongan siswazah menceburi bidang keusahawanan. Program ini membantu para peserta untuk mengendalikan perniagaan dari peringkat awal sehingga berjaya. Pelbagai maklumat dan pengalaman yang berguna akan dikongsikan bersama. Program ini akan mengasuh dan membimbing usahawan bumiputera, melalui inkubator usahawan dan meneroka peluang-peluang yang ada. Program ini turut menekankan aspek pembelajaran melalui pengalaman usahawan itu sendiri. Penyertaan seramai 30 orang siswazah setahun. Yang kedua mensasarkan graduan lepasan Diploma dan Ijazah berusia 21 hingga 30 tahun. 91 daripada 208 peserta akan kekal menjadi usahawan dan perjalanan program adalah selama tempoh 6 bulan. Program Usahawan Mahasiswa PKNS, program usahawan ini telah dilaksanakan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor sejak tahun 2003 lagi. Ia memberi fokus latihan dan pembudayaan keusahawanan dalam kalangan mahasiswa di 8 institusi-institusi

pengajian tinggi seperti berikut. Yang pertama, Institut Teknologi Mara (UiTM), yang kedua Universiti Putera Malaysia (UPM), yang ketiga Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), keempat Universiti Selangor (Unisel), kelima Inspen International College, keenam Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS), tujuh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan yang kelapan City Universiti ataupun CTU. Program di bawah Jawatankuasa Tetap Infrastruktur Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Perindustrian juga melibatkan program-program usahawan muda. Kerajaan turut melaksanakan pelbagai program di bawah portfolio ini antaranya Program Agro Generasi Muda Selangor (AmSel), Program Bantuan Peralatan Pertanian, kursus dan seminar kepada generasi muda dan keempat pembukaan tanah. Untuk menyimpulkan soalan satu ini Yang Berhormat, kita juga sedang bercadang untuk mewujudkan Dataran Belia di semua DUN yang ada. Saya telah bercakap dengan Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang dan beliau bersetuju untuk membantu belia-belia kita di Selangor untuk mewujudkan satu dataran khusus bagi belia-belia berniaga. Bagaimana kita hendak buat? Kita akan hantarkan nama, mereka akan bekalkan *mobile food kiosk* dan *mobile food kiosk* mesti berbentuk statik di dataran yang telah dikenal pasti oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat di kesemua 56 Dewan Undangan Negeri. Saya akan minta UPEN menulis surat kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian untuk menamakan satu dataran tapak yang bersesuaian supaya kita dapat legalisasikan dengan Pihak Berkuasa Tempatan dan seterusnya bekerjasama secara rapat dengan Lembaga Pertubuhan Peladang di Malaysia. Jadi, Yang Berhormat jangan kata saya tak bagi peluang. Lepas daripada ini Yang Berhormat-Yang Berhormat mesti, dengar soalan tambahan tadi. Yang Berhormat-Yang Berhormat mesti menyerahkan cadangan nama selewat-lewatnya pada bulan, ni bulan tiga, bulan empat, bulan depan sebab kita agak terlewat kerana untuk *mobile food station* dia ada *stage-stage* tertentu. Dan, kita juga sedang melihat untuk bekerjasama dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat EXCO yang lain sebagaimana kita bekerjasama dengan Yang Berhormat EXCO Kebajikan dalam program *job fair* kita. Untuk menjawab soalan (b) apakah kerajaan menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk program pembangunan anak muda? Ya, Jawatankuasa kita bergerak dengan apa yang ada, yang telah diluluskan di dalam belanjawan yang lalu dan kerajaan sentiasa menitik berat aspek pembangunan generasi muda bersesuaian dengan misi kita melahirkan generasi muda yang sentiasa berdaya saing terutama dalam era globalisasi di mana pasaran lebih kompetitif. Diharapkan kita dapat melahirkan generasi muda yang berwawasan, aktif sejajar dengan arus pembangunan masa kini. Justeru itu, Kerajaan Selangor telah mewujudkan Dasar Belia Negeri Selangor pada tahun 2014 sebagai panduan kepada generasi muda di Negeri Selangor. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Dasar Belia Selangor mengandungi 10 teras utama iaitu yang 1) keusahawanan dan pekerjaan, 2) kepimpinan dan organisasi, 3) teknologi maklumat dan komunikasi, 4) kemasyarakatan jaringan dan sukarelawan, 5) kebudayaan dan kesenian, 6) kesejahteraan dan kesihatan, 7) sukan dan kecergasan, 8) pendidikan dan latihan kemahiran, 9) agama dan spiritual dan yang 10) pengantarabangsaan.

Pada tahun 2019, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM15,206,800.00 untuk Pembangunan Generasi Muda dan Sukan di Negeri Selangor. Melalui peruntukan tersebut, sebanyak RM4.9 juta dikhususkan untuk melaksanakan program-

program pembangunan generasi muda. Pecahan sebanyak RM2.8 juta adalah kepada Penggerak Belia Tempatan bagi mereka menjalankan program-program pembangunan generasi muda. Manakala RM2.1 juta pula bagi menjalankan program-program pembangunan generasi muda di peringkat Negeri. Di samping itu, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM3.24 juta untuk projek menaik taraf dan membaik pulih infrastruktur sukan di Negeri Selangor. Ini bertujuan memastikan kemudahan-kemudahan sukan tersebut dapat digunakan untuk tujuan aktiviti kesukanan terutama sekali untuk pembangunan anak muda di Negeri Selangor. Kerajaan Negeri juga sentiasa peka dan prihatin terhadap aspek pembangunan dan memartabatkan sukan berprestasi tinggi di Negeri Selangor. Suntikan sebanyak RM7 juta telah diperuntukkan untuk melaksanakan program-program pembangunan sukan dan persiapan bagi menyertai Sukan Malaysia (SUKMA) pada tahun 2020 melalui Majlis Sukan Negeri Selangor. Manakala peruntukan RM12 juta pula telah diperuntukkan bagi pembangunan bola sepak Negeri Selangor dan ini jelas menunjukkan manifestasi kita dan komitmen Kerajaan Negeri dalam memartabatkan sukan di Negeri Selangor. Di samping itu, kerajaan juga telah meluluskan peruntukan sebanyak RM200,000.00 bagi menjalankan program Karnival Kerjaya dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja Selangor dan Jobs Malaysia dan program ini bertujuan memberi peluang pekerjaan kepada generasi muda bagi mendapatkan peluang pekerjaan dan mengurangkan kadar pengangguran Negeri Selangor. Kepada Yang Berhormat Permatang, kita akan membantu semua Yang Berhormat-Yang Berhormat untuk memberi tumpuan pada sukan. Kita juga maklum bahawa setiap Yang Berhormat telah diperuntukkan sebanyak RM40,000.00 untuk menaik taraf ataupun membangunkan kemudahan sukan di DUN. Cuma RM40,000.00 ini kalau dilihat agak kecil untuk program-program membaiki. Dengan sebab itulah saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat sekalian, kita kerajaan ingin bekerjasama di peringkat DUN untuk membangunkan kemudahan sukan. Cara mana kita hendak buat? Kita memberi RM40,000.00 dan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian mengeluarkan sedikit perbelanjaan melalui projek-projek kecil. Peruntukan projek-projek kecil untuk kita memberi dua tumpuan iaitu menaiktarafkan pada bola kampung dan mewujudkan gelanggang futsal di semua DUN. Satu tahun satu gelanggang. Lima tahun Yang Berhormat akan ada lima padang ataupun futsal yang disebut Padang Rakyat. Kalau kita serahkan RM40,000.00 secara begitu, maka pembakian ini tidak akan bertahan lama. Dan sebab itu, kita, saya akan kemukakan permohonan dasar kepada Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk membenarkan Wakil Rakyat menggunakan sebahagian daripada projek-projek kecil untuk tujuan menaiktarafkan kemudahan-kemudahan sukan. Kita juga sedang melihat dan berbincang dengan Jabatan Agama Islam Selangor untuk melihat kawasan-kawasan tanah Jabatan Agama Islam yang tidak boleh dibangunkan untuk pusat ataupun pusat keagamaan. Kalau ada tanah-tanah yang tidak bersesuaian untuk dibangunkan, kita telah memohon dan berbincang secara lisan untuk kita gunakan tapak tersebut untuk membangun kemudahan untuk pusat-pusat sukan anak muda di daerah-daerah Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Jadi, sudah tentu ini melalui proses yang panjang tetapi tidak mustahil kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian memberi sokongan yang besar kepada apa yang kita hendak buat.

**TUAN SPEAKER** : Saya jemput Dusun Tua untuk soalan seterusnya.

**Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF :** Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Soalan saya nombor 57.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : ISU SAMPAH YANG TIDAK MENDAPAT SERVIS PBT**

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan isu sampah di kawasan kampung-kampung yang tidak mendapat servis kerajaan tempatan?

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Tuan Speaker, saya akan jawab soalan 57 daripada Yang Berhormat Dusun Tua sekali dengan soalan 62 daripada Yang Berhormat Ijok kerana kedua-dua soalan ini berkaitan dengan pengurusan sampah di kawasan kampung tradisi.

Tuan Speaker, kampung tradisi, bagan dan tempat-tempat yang tidak terletak di dalam kawasan operasi PBT secara prinsipnya tidak diberi perkhidmatan kutipan sampah dan pengurusan sampah. Namun, Kerajaan Negeri melalui PBT sentiasa mengambil berat tentang pengurusan sampah di kampung-kampung luar kawasan operasi PBT khususnya kampung yang terletak di kawasan bandar. Untuk makluman juga, bermula belanjawan tahun 2017 Kerajaan Negeri telah bersetuju agar penyaluran peruntukan dilaksanakan kepada PBT yang berpendapatan rendah bagi membantu kerja-kerja kutipan sampah di kampung dan kawasan pembangunan strata. Selain itu, bagi memperbaiki dan mengatasi masalah sisa pepejal di kawasan tersebut tong sampah berpusat telah ditempatkan di lokasi yang sesuai dan PBT turut memberi perkhidmatan kutipan sampah berjadual melalui syarikat pengurusan sisa pepejal yang dilantik iaitu Syarikat Kumpulan Darul Ehsan Berhad Waste Management Sdn. Bhd. (KDEBWM) secara berperingkat. Selain itu, tong sampah atau *leach bin* yang diletak secara berpusat di lokasi yang sesuai dan boleh diakses oleh lori kompaktor. Setakat ini, sebanyak 373 buah kampung di Negeri Selangor telah mendapat perkhidmatan kutipan sampah.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya bertanyakan kepada EXCO sama ada *e-waste* ataupun *electronic waste* adalah kategori sampah yang tidak mendapat servis daripada Kerajaan Negeri ataupun KDEB

Waste Management ataupun PBT kerana kekhuatiran saya di kawasan saya berlaku pembakaran sampah yang disyaki *e-waste* dan juga berlaku di Daerah Kuala Langat industri yang menjalankan operasi *e-waste* yang secara haram yang akhirnya ditutup. Mungkin Kerajaan Negeri ada perancangan untuk pengurusan *e-waste* ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Masalah *e-waste* tidak sama dengan sampah domestik. Yang disebutkan di sini adalah berkenaan sampah domestik. Bagi masalah *e-waste* itu kita perlu ambil tindakan yang berlainan dan KDEB tidak menguruskan *e-waste* di kawasan industri.

**TUAN SPEAKER :** Pelabuhan Klang.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Soalan saya nombor 58.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : KILANG HARAM**

58. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah bilangan kilang-kilang haram yang telah berjaya dihentikan operasi dan ditutup sepenuhnya?
- b) Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa pengusaha kilang terbabit tidak meneruskan operasi selepas diperintahkan oleh Kerajaan Negeri?

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Terima kasih Yang Berhormat Pelabuhan Klang. Sepanjang tempoh pemulihan kilang tanpa kebenaran di Negeri Selangor, berkuat kuasa bermula dari Julai 2006 sehinggalah berakhir pada 31 Disember 2015 hanya 630 buah kilang berjaya diputihkan yang bermaksud telah mempunyai kelulusan tukar syarat, Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan. Sekiranya Yang Berhormat Pelabuhan Klang memerlukan laporan kemajuan pemutihan saya boleh beri satu salinan kepada Yang Berhormat. Bagi soalan (b) Kerajaan Negeri Selangor mengambil berat tentang pelanggaran syarat nyata tanah terutamanya tanah-tanah pertanian yang telah didirikan kilang tanpa kebenaran. Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Yang Ke-5 Tahun 2019 bertarikh 20 Februari 2019 dan disahkan oleh MMKN Ke-6, 2019 bertarikh 27 Februari 2019 telah bersetuju untuk meneruskan program



pematuhan syarat dan penguatkuasaan kilang tanpa kebenaran seperti yang telah dilaksanakan pada tahun sebelum ini. MMKN bersetuju agar satu tempoh masa yang terhad sahaja diberikan kepada kilang-kilang yang beroperasi tanpa kebenaran untuk membuat tindakan sepatutnya dan selepas tempoh tersebut, tindakan penguatkuasaan perlu diambil dengan tegas. Tindakan tegas akan dikenakan terhadap pemilik berdaftar tanah yang melanggar syarat kegunaan tanah dan pengusaha kilang yang beroperasi di atas tanah yang bukan syarat kegunaan industri. Pejabat Daerah dan Tanah serta PBT bersama-sama agensi kerajaan yang lain akan mengenakan tindakan di bawah undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

**TUAN SPEAKER** : Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya ke-59.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N52 BANTING)**

**TAJUK : RANCANGAN PERBELANJAAN MODAL AIR SELANGOR SEBANYAK  
RM30BIL**

59. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Air Selangor akan menguruskan bekalan air ke seluruh Negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya bermula 1 April 2019. Apakah ringkasan rancangan perbelanjaan modal sebanyak RM30bil untuk tempoh 30 tahun yang boleh dilaporkan kepada Dewan untuk memperbaiki kualiti perkhidmatan air?

**Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Terima kasih Banting dan Ahli-Ahli Dewan sekalian. Rancangan perbelanjaan modal sebanyak RM30 billion yang disarankan ataupun yang dirancang adalah datangnya daripada Draf Rancangan Perniagaan Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Cadangan tersebut masih sedang diperhalusi oleh pihak SPAN mengikut ketetapan yang telah dipersetujui melalui Perjanjian Tambahan Ketiga Bagi Penstrukturan Air di Negeri Selangor yang telah ditandatangani pada 4 Januari 2019 tempoh hari. Air Selangor akan diberi tempoh sehingga empat bulan setelah tarikh kuat kuasa lesen perkhidmatan untuk menyiapkan rancangan perniagaan bagi kelulusan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Pihak Kerajaan Negeri menjamin rancangan perniagaan tersebut akan mengambil kira pelbagai aspek bukan sahaja memastikan kelangsungan perkhidmatan bekalan air pada hari ini malahan

haruslah mampan dan *forward looking* di dalam memastikan setiap pelaburan yang dibuat itu menjana hasil seperti yang dikehendaki. Secara ringkasnya, rancangan perbelanjaan modal tersebut mengambil kira keperluan untuk memastikan kemampunan ataupun *sustainability* perkhidmatan air dengan membina loji-loji baru, baik pulih loji-loji sedia ada, peningkatan rizab margin, menambah baik keandalan ataupun *reliability* dan ketahanan aset, meningkatkan kecekapan operasi, pematuhan kualiti air, menambah baik mutu khidmat pelanggan, penurunan kadar air tidak berhasil ataupun *non-revenue water* antara lain dengan menggantikan paip-paip lama dan paip-paip komunikasi termasuk penggunaan teknologi terkini dan sebagai sebuah syarikat yang bertanggungjawab, Air Selangor turut komited dalam mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif dan mesra alam kepada pekerja-pekerjanya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Rawang

**Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker.  
Soalan 60.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : E-SPORT**

60. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan program dan peruntukan yang telah digunakan untuk pembangunan E-Sport sejak tahun 2013.
- b) Apakah pendirian kerajaan atas pemohonan lesen peniagaan untuk pusat siber yang berkaitan dengan pembangunan E-Sport?
- c) Apakah rancangan kerajaan untuk membangunkan infrastruktur bagi E-Sport?

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan terima kasih Yang Berhormat Rawang. Yang bertanya berhubung kait dengan E-Sport, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Pembangunan Generasi Muda telah mula memberikan perhatian terhadap sukan E-Sport ini sejak tahun 2014 lagi. Malah untuk makluman Yang Berhormat Rawang, Selangor

merupakan negeri yang pertama menganjurkan *Selangor Cyber Games* jauh sebelum Kerajaan Persekutuan melaksanakan program berbentuk *Cyber Games* ini. Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, Negeri Selangor merupakan negeri pelopor dalam penganjuran E-Sport ini dan Kerajaan Negeri turut mengambil inisiatif dengan membelanjakan hampir RM1.2 juta sejak 2014 sehingga 2018. Ini bertujuan untuk penganjuran sukan E-Sport seperti *Selangor Cyber Games*. Program ini banyak memberi peluang kepada anak muda dalam mengetengahkan bakat mereka di dalam bidang yang sedang membangun ini. Terdapat juga penganjuran berskala kecil yang dijalankan oleh pelbagai pihak seperti Penggerak Belia Tempatan, pengusaha pusat siber persendirian, syarikat pembangunan permainan 'video games' dan pelbagai pihak yang lain. Ini sekali gus telah menyumbang kepada perkembangan yang pesat bagi bidang E-Sport di Negeri Selangor ini.

Bagi jawapan yang kedua, yang bertanya tentang kedudukan permohonan lesen perniagaan untuk pusat siber yang berkaitan dengan pembangunan E-Sport, Kerajaan Negeri melihat E-Sport sebagai satu trend baru sukan di Negeri Selangor dan dalam negara kita. Malah, Negeri Selangor dilihat berpotensi besar untuk dijadikan hub atau pusat E-Sport Antarabangsa. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Kerajaan Negeri menerusi Majlis Perbandaran Subang Jaya telah mengorak langkah ke hadapan dengan memperkenalkan garis panduan perlesenan E-Sport bagi pusat siber dan kafe siber. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri akan mewujudkan Jawatankuasa Penyelarasan Bersepadu bersama-sama semua PBT-PBT di Negeri Selangor. Ini bertujuan untuk mewujudkan satu garis panduan yang menyeluruh bagi pelaksanaan perlesenan sukan elektronik ataupun E-Sport. Ini adalah usaha untuk membantu pengusaha E-Sport melaksanakan aktiviti perniagaan secara berlesen sekali gus ia dapat dikawal mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. Kerajaan Negeri juga berpandangan bahawa melesenkan E-Sport juga mampu menjana hasil baru bagi Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dan memahami kehendak trend perniagaan terkini dengan mewujudkan atau dengan wujudnya garis panduan ini, diharap dapat merencanakan lagi perkembangan E-Sport sebagai salah satu budaya sukan sihat untuk komuniti Negeri Selangor.

Bagi menjawab soalan yang ketiga, apakah rancangan kerajaan untuk membangunkan infrastruktur bagi E-Sport? Kerajaan Negeri kini sedang meneliti untuk membangunkan pusat perkembangan E-Sport bagi mengumpulkan atlet-atlet yang berpotensi tinggi dalam bidang ini. Pusat ini berperanan sebagai pusat latihan dan platform pencarian bakat baru. Demi merealisasikan pembangunan E-Sport dalam infrastruktur dan lain-lain aspek, suntikan dana sangat diperlukan. Oleh kerana itu, Kerajaan Negeri masih menunggu dana khas untuk perkembangan E-Sport bagi Negeri Selangor daripada Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan pembangunan yang terangkum, menyeluruh, mampan dan holistik.

## 22 MAC 2019 (JUMAAT)

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Meru.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR** : Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya nak bertanya kepada Yang Berhormat EXCO. Tadi kita dapat melihat tentang nilai-nilai positif dalam E-Sport ini. Bagaimana pula rancangan pihak kerajaan untuk mengawal nilai-nilai negatif yang mungkin timbul disebabkan dengan fenomena atau budaya E-Sport yang baru ini. Contohnya mungkin ketagihan dan sebagainya daripada atlet-atletnya. Atlet siber.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Terima kasih Yang Berhormat Meru. Saya kira ketagihan ini bukan sahaja di kalangan atlet, tetapi di kalangan Yang Berhormat-Yang Berhormat juga ada yang kaki E-Sport. Kerajaan Negeri berpandangan dia harus dididik melalui pendidikan dan penerangan dari masa ke semasa. Sebab itu kita menganjurkan program E-Sport ini. Dalam program tersebut, bukan sahaja kita menganjurkan program-program pertandingan dalam bentuk *games* tetapi ada juga taklimat-taklimat yang diberikan. Taklimat kesedaran, taklimat yang berbentuk pendidikan dan hari ini modal insan juga dalam rangka kita turun ke sekolah-sekolah ataupun memberi kursus-kursus kefahaman, E-Sport ataupun E-Games ini adalah subjek yang kita tidak tinggal.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Jeram.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak bertanya, adakah pihak kerajaan telah memberikan secara rasmi surat kepada PBT untuk meluluskan sekiranya ada permohonan daripada peniaga E-Sport. Itu yang pertama.

Yang keduanya, adakah perlu syarat di mana ada di kawasan tertentu, ibu bapanya tidak membenarkan membuka kedai E-Sport ini disebabkan pelajar-pelajar sekolah sering lebih banyak ke situ daripada pergi ke sekolah. Jadi mungkin adakah perlu dapatkan surat kebenaran daripada persatuan penduduk. Jadi itu dua soalan. Yang tadi saya bangun Tuan Speaker suruh duduk, sebenarnya saya ucap beginilah kepada EXCO sukan kita, saya berpuas hati dengan jawapan untuk permatang tadi. Nanti saya hantar proposal. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Bila dah puji tu saya tidak tahu apa soalan sebenar.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI** : Lepas dah puji terus lupa soalan.

## 22 MAC 2019 (JUMAAT)

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Apa soalan pertama tadi.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI** : Soalan pertama adakah kerajaan dah hantar surat secara rasmi kepada PBT untuk meluluskan sekiranya ada permohonan untuk perniagaan E-Sport.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Yang pertama, program E-Sport ini adalah program baru. MPSJ telah mengorak langkah dan mereka adalah PBT yang pertama merangka *guideline* ini. Kita akan bersama dengan PBT dan buat masa ini kita selesaikan dahulu garis panduan yang ada. Kita nak tahu dulu, *what is the terms and condition* yang dicadangkan, dan kemudian kita akan minta PBT lain sama ada mengikuti ataupun memperbaiki dasar garis panduan itu. Dengan kata lain, belum. Jawapannya belum.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI** : Sebab peniaga yang buat perniagaan E-Sport ini dia serang ke pejabat. Katanya kerajaan telah meluluskan di Parlimen telah membentangkan bajet yang besar kepada Kementerian Belia dan Sukan. Kenapa PBT tidak luluskan. Saya hanya menjawab, saya hanya pemerhati sahaja di PBT. Jadi saya tidak boleh buat apa. Jadi dia kata nanti saya *report* polis sebab tidak tolong dia.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Yang Berhormat merujuk kepada E-Games ataupun *Cyber Cafe*?

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI** : Sebenarnya *Cyber Cafe* tetapi dia memang buat untuk E-Sport. Jadi, mereka kurang faham mengenai *Cyber Cafe* dengan E-Games. Tapi saya telah jelaskan tetapi memang di kata E-Sport. Jadi saya tidak boleh nak *argue* sangat..

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Ya baik. Saya ingat dalam hal PBT ini kita akan minta Yang Berhormat PBT akan memberi penerangan. Sebab tugas bidang kuasa EXCO Belia dan Sukan kita anjurkan sahaja. Ada lesen kita jalan, tiada lesen kita tidak jalankan.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI** : Terima kasih Yang Berhormat.

**TUAN SPEAKER** : Puas hati Jeram ya. Jadi kita persilakan Pandamaran.

**Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE** : (Tidak hadir)

**TUAN SPEAKER** : Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Soalan saya sudah dijawab.

**TUAN SPEAKER** : Teruskan, Bukit Gasing.

## 22 MAC 2019 (JUMAAT)

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** (Tidak hadir)

**TUAN SPEAKER :** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI :** (Tiada)

**TUAN SPEAKER :** Sungai Pelek.

**Y.B. TUAN RONNI LIU TIAN KHIEW :** Tuan Speaker, soalan nombor 65.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW (N56 SUNGAI PELEK)**

#### **TAJUK : ZON BERSIH**

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan akan mengaktifkan semula program zon bersih sebagai usaha membersihkan kawasan-kawasan hotspot didalam Negeri Selangor?
- b) Apa perancangan kerajaan tentang program zon hijau dan negeri hijau?

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Saya kena jawab lagi. Terima kasih Yang Berhormat Sungai Pelek. Yang bertanya tentang Zon Bersih. Pelaksanaan program Zon Bersih selama empat tahun bermula tahun 2010 hingga 2013 telah berjaya mengubah atau transformasi kawasan yang kotor ke arah yang lebih bersih dengan adanya usaha yang menggalakkan daripada PBT. Ahli Majlis, NGO dan agensi luar dalam menzahirkan konsep bersih di Selangor. Kerajaan Negeri menyambut baik cadangan bagi menghidupkan semula program Zon Bersih dan seumpama dengannya yang dapat memberi impak positif kepada masyarakat dengan lebih berkesan. Walau bagaimanapun, buat masa ini Kerajaan Negeri masih merangka dan merancang pelan tindakan dalam menambah baik sistem penyampaian dan tadbir urus, khususnya Pihak Berkuasa Tempatan bagi memastikan kualiti kehidupan yang lebih baik serta dapat mewujudkan persekitaran lebih bersih dan sihat di Negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Kandis.

**22 MAC 2019 (JUMAAT)**

**Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Tuan Speaker, *second part to the question* belum *answer*.

**TUAN SPEAKER** : Dah terlepas Yang Berhormat Sungai Pelek. Sekarang giliran Sungai Kandis. Lain kali kena cepat dan kena pantas jawab soalan. Sungai Kandis.

**Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan Sungai Kandis soalan nombor 66.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI  
(N49 SUNGAI KANDIS)**

**TAJUK : NAIKTARAF JALAN PLB**

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah kerajaan dalam usaha menaiktaraf jalan-jalan PLB terutama jalan-jalan kampung?
- b) Apakah terdapat cadangan menambah peruntukan bagi menaiktaraf jalan-jalan PLB ini?

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Sungai Kandis. Isu yang dibangkitkan adalah isu naik taraf pelan jalan. Jalan Pembangunan Luar Bandar. Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan sebenarnya dalam konteks pembangunan luar bandar ini sebanyak RM3 juta yang telah diluluskan pada tahun 2019. Bagi pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam, asas luar bandar melibatkan menaik taraf, membaiki pulih jalan luar bandar, longkang, dewan serba guna, balai raya dan lain-lain. Bagi memastikan pembangunan luar bandar ini dilaksanakan secara dinamik dan mampan, Kerajaan Negeri komited supaya peruntukan bagi pembangunan luar bandar ini diteruskan setiap tahun. Walaupun kita lihat tahun ini agak bernasib baik kerana ada tambahan daripada bantuan dari Kerajaan Persekutuan yang akan disalurkan melalui seksyen AP yang saya telah jawab pada awal tadi dan juga melalui Ahli-Ahli Parlimen. Kerajaan Negeri juga sentiasa

## 22 MAC 2019 (JUMAAT)

mengambil maklum akan aduan yang diterima dari setiap Pejabat Daerah yang merupakan agensi penghubung antara Kerajaan Negeri dan juga penduduk. Sebab itu telah ada arahan supaya menyediakan inventori bagi jalan-jalan luar bandar dan kampung untuk memastikan jalan-jalan ini berada dalam keadaan yang baik. Kita lihat memang banyak isu-isu berbangkit, tetapi akhirnya kita nak tahu bagaimana ia diselesaikan dan siapa yang sepatutnya menyelesaikan isu yang ada di bawah jalan-jalan luar bandar ini. Jadi setiap tahun, peruntukan MARIS juga disediakan untuk baik pulih ataupun untuk *resurfacing*, pemudah pembarumuka yang disediakan oleh Kementerian Kewangan akan disalurkan juga kepada Pejabat Daerah.

Bagi jawapan B, yang disoal iaitu apakah cadangan menambah peruntukan bagi menaik taraf? Kerajaan Negeri masih menyediakan peruntukan bagi menaik taraf jalan-jalan luar bandar ini dan berdasarkan daripada data-data jalan yang telah dikemas kini oleh MPKK di dalam sistem SPKPN nanti pastinya kita lihat apakah ia keperluan itu ada dan In Shaa Allah saya yakin dengan adanya *database* yang lengkap dan juga dokumentasi yang cukup kemas, kita akan penambahan yang ada pada tahun hadapan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Tentang PLB bagi kampung-kampung, adakah masih terbuka untuk dibuat permohonan?

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Jawapannya ya. Terbuka untuk membuat permohonan, tetapi saluran kepada siapa yang bertanggungjawab itu akan ditentukan di dalam mesyuarat bersama dengan agihan nanti. Sebab kadang-kadang ia *overlapping* dengan Kerajaan Persekutuan dan Kementerian Kewangan. Jadi kita akan.. permohonan itu boleh disalurkan melalui Ketua Kampung, Ketua Kampung kepada Pejabat Daerah, dan kita akan selaraskan di peringkat agihan.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Adakah peruntukan RM3 juta untuk PLB ini termasuk jalan-jalan di atas tanah persendirian yang jadi kegunaan awam. Terima kasih.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Untuk jalan baru buat, untuk yang baru memang ada. Tetapi, ia kalau tahun ini baru dilaporkan, tahun hadapan akan dibuatkan keselarasan itu. Peruntukan itu akan dibuat tahun hadapan. In Shaa Allah.



## 22 MAC 2019 (JUMAAT)

**TUAN SPEAKER** : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 11.00 pagi. Dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan urusan mesyuarat seterusnya. Sambungan usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya mempersilakan Yang Berhormat Batu Tiga untuk menyambung penggulangan penjelasan.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Ada beberapa perkara lagi yang perlu saya jawab atau perelaskan di dalam Dewan Yang Mulia ini. Pertama, sambungan daripada isu yang dibangkitkan oleh Hulu Klang berkaitan dengan definisi kampung dan desa telah pun saya perelaskan semalam, tetapi apa yang saya sambungkan di sini adalah disebabkan desa dan kampung ini kadang-kadang kita tidak tahu di manakah sempadannya sebab itu di dalam ataupun di bawah Pelan Hala Tuju Strategik Kerajaan Desa Negeri Selangor 2013, kita telah pun mengenal pasti tempat-tempat yang kita rasakan perlu dibuat kajian khusus. Di antaranya ada 46 kampung yang kita dapati kampungnya melebihi 10,000 sebab syarat kalau kita tengok di antara definisinya adalah kampung itu seboleh mungkin lingkungannya adalah 10,000 ke bawah tetapi bila kita lihat di Selangor ini ada 46 kampung yang melebihi 10,000 penduduk di mana dua kampung pula melebihi 100,000 penduduk ya.

Jadi contohnya, saya namakan di sini kampung, Kampung Jawa, Kampung Bukit Naga yang skala jumlahnya besar sangat jadi Ketua Kampungnya satu jadi di situlah perlu dilihat semula atau pun kampung yang melebihi 50,000 hingga 100,00. 4 kampung, Kampung Sungai Udang, Kampung Meru, Kampung Selayang Baru, Kampung Banting juga perlu ditengok semula tentang bagaimanakah ya ataupun kita perlu memecahkan lagi kampung-kampung ini supaya jangkauan pengurusanannya lebih baik supaya ianya dapat benar-benar dapat mengekalkan aktiviti-aktiviti yang sewajarnya di buat dalam kampung.

Oleh itu, kita saranannya atau pun cadangan ataupun pertanyaan daripada pihak Yang Berhormat Hulu Kelang, apakah peranan yang dimainkan oleh Ketua Kampung ini saya dah jawab tadi dan soalan tadi dalam soalan mulut tadi tetapi ada seperkara yang ingin saya pertegaskan di sini iaitu tugas hakiki Ketua Kampung Tradisi adalah menyediakan ya menyediakan selain daripada peranan yang saya sebut tadi adalah menyediakan, mengemas kini dan mempamerkan maklumat kampung serta data ya jadi sebab itu sekarang ini di bawah Kerajaan kita telah memulakan usaha supaya kita ada satu sistem yang khusus iaitu sistem Profail Kampung Peringkat Nasional yang mana ianya akan di akses oleh semua terutamanya daripada Ketua Kampung dia akan dibantu oleh Penghulu dan akan dilihat oleh Tuan DO untuk memastikan ianya dapat di profailkan bukan sahaja sekadar kampung punya infrastruktur, aset-aset seperti sungai, jalan dan sebagainya kita profailkan juga setiap rumah itu siapakah individu dan

bagaimana, apakah sebenarnya fungsi, masalah yang dihadapi dalam rumah tersebut. Contohnya, berapa ramai orang menganggur dalam kampung ya, apa aktiviti kampung itu juga diletakkan dan akhirnya sebagaimana saya sebut semalam Yang Berhormat semua nanti akan melihat hasil daripada sistem profail kampung ini kita boleh lihat melalui aplikasi I-Desa tentang *boundary*, atau apa ni, sempadan, apa yang ada dalam kampung tersebut, berapa ramai jumlah penduduk dan sebagainya supaya ia menjadi rujukan bukan kepada Yang Berhormat tetapi pada semua mereka yang ada kepentingan untuk usaha atau mendapatkan maklumat daripada kampung-kampung tertentu.

Itu lah kita kata peranan ya untuk mereka sediakan selain daripada masalah infra dan sebagainya sediakan profail akhirnya bila ada garis panduan tugasan ini dan peranan dibuat pastinya kita akan pantau peranan Ketua Kampung ini dapat atau tidak dia mainkan. Ya kalau Ketua Kampung ini tidak dapat memainkan peranan yang baik pastinya kita akan membuat satu tindakan supaya mereka ini mungkin ditukar atau digugurkan dengan kita kenalkan sistem *star rating* kepada pelaksanaan ataupun peranan yang dimainkan.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Hulu Klang nak menceleh untuk penjelasan.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Apa jadi pada kampung yang ada kawasan setinggan dan dia pandai buat persatuan. Persatuan penduduk kampung sekian-sekian tanpa dia merasakan dia tak dapat apa-apa kemudahan daripada Ketua Kampung, buat kerja-kerja sendiri.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Kampung setinggan yang dalam kampung itu ada ramai setinggan contohnya ia perlu dilaporkan supaya kita boleh menguruskan ataupun boleh melihat apakah kaedah untuk penyelesaian setinggan-setinggan ini tapi kalau dalam konteks memberi dalam konteks kebajikan mereka-mereka yang berada dalam kampung kita perlu berikan ya kalau mereka memerlukan kebajikan tersebut jangan lah pula yang setinggan itu diasingkan ya tetapi pengurusan itu ditentukan ataupun masih lagi dimasukkan dalam profail kampung.

Jadi mana-mana Ketua Kampung yang tidak berperanan dengan baik sebelum kita bila kita tengok prestasinya kita ada *star rating*, kita akan memberikan latihan-latihan yang secukupnya ataupun teguran-teguran yang sebaiknya agar mereka memperbaiki ya peranan membaiki tugasan dan juga peranannya akhirnya mereka akan dapat berfungsi sebaik mungkin. Itu pelaksanaan yang telah pun ditentukan di bawah Jawatankuasa Luar Bandar.

Kampung Tunku juga seterusnya ya Tuan Speaker. Kampung Tunku ada bertanya tentang isu berkaitan dengan usahawan. Saya rasa bukan dia bertanya, dia menceritakan tentang kejayaan yang dilakukan. Saya ingin merakamkan di sini tahniah kepada Yang Berhormat Kampung Tunku kerana telah membuat satu program yang agak kreatif yang dinamakan PJ Startup yang mana ke besarnya program ini adalah memfokuskan kepada anak-anak muda dan kita boleh lihat bidang-bidang

keusahawanan yang dilakukan, yang dibuat adalah dalam bidang-bidang yang kita tak pernah fikir ya. Dikumpulkan *hackers* contohnya seluruh Selangor untuk memberi *hackers-hackers* ini memberikan satu pemikiran yang agak baik ya yang sebenarnya mereka ini daripada dia jadi *hackers*, menggodam ya menggodam banyak sistem-sistem yang ada tetapi mereka dikumpulkan akhirnya menjadi pemikir pulak kepada kelompok usahawan yang lain untuk memperbaiki bagaimana untuk *improve business-business* yang ada atau pun memperkemas sistem maklumat yang mereka ada.

Jadi saya mensarankan kepada Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini supaya mengikut langkah Kampung Tunku supaya kita bukan sahaja fokus tentang pembangunan, kebajikan tetapi kita juga sepatutnya membantu ya ataupun melihat tentang aspek-aspek keusahawanan yang perlu kita laksanakan di kawasan masing-masing. Jadi itu sahaja, saya harap ianya misi, nanti akhirnya misi Kerajaan iaitu daripada *local to global* ataupun daripada tempatan ke peringkat antarabangsa dapat dilaksanakan dengan baik. Itu sahaja Tuan Speaker, jawapan yang saya berikan kepada soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat yang telah bertanya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Saya menjemput Yang Berhormat Kota Kemuning untuk penggulungan.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN :** Tuan Speaker, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu berkaitan tentang STANCO atau Jawatankuasa yang diamanahkan kepada saya.

Tuan Speaker, Yang Berhormat Kampung Tunku telah mengutarakan kewajaran Kerajaan Negeri mengambil berat isu kemiskinan bandar bagi golongan B40 dan M40. Tuan Speaker, hasrat Kerajaan Negeri adalah untuk memberikan bantuan kepada golongan sasaran yang benar-benar perlu dibantu. Kerajaan Negeri sentiasa mengambil berat dan akan isu kemiskinan bandar terutamanya yang melibatkan golongan B40 dan M40. Oleh yang demikian, pelbagai program bantuan telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan golongan ini dibantu terutamanya di dalam pemberdayaan dari segi sosio ekonomi, kesihatan dan pendidikan.

Inisiatif Peduli Rakyat menghimpunkan sejumlah program yang mensasarkan golongan B40 dan juga golongan M40. Sebagai kumpulan sasaran antara program pemberdayaan ekonomi khususnya untuk golongan B40 adalah seperti program Pinjaman Micro Kredit Hijrah, Program Bantuan Blue Print, Pembasmian Kemiskinan, Program Kasih Ibu Smart Selangor, Program Pemberian Air Percuma dan banyak lagi. Selain itu program pemberdayaan dari segi kesihatan seperti Skim Peduli Sihat dan Bantuan Sihat Selangor turut dilihat sebagai medium bantuan kepada golongan B40 dalam mengurangkan bebanan kos sara hidup yang tinggi di bandar.

Kerajaan Negeri juga tidak ketinggalan dalam memastikan golongan B40 dan seisi rumahnya mendapat bantuan pemberdayaan pendidikan menerusi hadiah anak masuk universiti dan peduli siswa serta lain-lain program bantuan pendidikan di lihat turut

## 22 MAC 2019 (JUMAAT)

membantu mengurangkan kadar kemiskinan bandar seperti bantuan anak daripada keluarga yang kurang mampu kepada Inpens, Kolej Inpens ya.

Kerajaan Negeri juga turut tidak ketinggalan dalam membantu golongan M40. Program Rumah Selangorku, Program Dana Usahawan Micro, Program Ikhtisas adalah antara program-program yang sedia ada yang dilihat turut membantu golongan ini dapat mendepani kos sara hidup yang tinggi di kawasan bandar. Namun secara keseluruhannya program-program bantuan yang di rencana ini adalah bersifat menyeluruh dan menasarkannya kepada semua golongan di Negeri Selangor termasuk di bandar dan di luar bandar. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri akan melihat dan lebih teliti dengan mencari jalan penyelesaian terbaik akan isu kemiskinan bandar yang sedang menghimpit golongan B40 dan M40 di masa akan datang.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Yang Berhormat Sentosa telah membawa isu pembakaran mayat dan keperluan krematorium. Pada masa kini terdapat sepuluh buah krematorium di Negeri Selangor termasuk dua krematorium yang di usahakan oleh pihak swasta. Terdapat dua buah krematorium di kawasan MBSA yang diusahakan oleh pihak swasta dan dua buah krematorium di kawasan MBPJ dan dua buah krematorium di kawasan MPSJ. Satu buah krematorium di kawasan MPK dan tiga buah krematorium di kawasan Majlis Daerah Hulu Selangor. Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan pada masa ini sedang merancang dan telah menerima beberapa permohonan membina krematorium bagi menampung permintaan dan keperluan semasa termasuk sebuah krematorium di Pekan Kapar, Klang. Sebuah krematorium di kawasan perkuburan bersepadu Pekan Sepang. Sebuah krematorium di kawasan Puncak Alam, Kuala Selangor dan Sebuah krematorium di Sungai Buaya, Banting. Tapak krematorium di Pekan Kapar dan Sungai Buaya akan dipertimbangkan pada masa kini ianya sedang di dalam proses permohonan kebenaran merancang.

Puan Speaker, Puan Timbalan Speaker, sebenarnya peruntukan ini adalah daripada Kerajaan Pusat daripada Persekutuan dan program projek ini adalah sebenarnya daripada ICU maka Kerajaan Negeri menggunakan melalui MPK dan juga PBT dan juga Pejabat Tanah sedang berbincang panjang lebar tentang projek ini dan dalam pada itu juga saya percaya Yang Berhormat Sentosa juga telah membawa isu sebenarnya di dalam kawasan Hulu Langat. Daerah Hulu Langat yang akan melibatkan perkara yang PBT, Majlis Perbandaran Kajang dan juga PTD Bangi. Bagaimanapun apa yang kami dapati di dalam UPEN perkara ini tidak lagi di bawa ke perhatian UPEN masih lagi dan saya percaya perkara ini dalam masa yang terdekat sebab memang mendesak keadaan di Hulu Langat untuk krematorium dan sudah ada peruntukan khas daripada Kerajaan Pusat maka perkara ini akan dipertimbangkan, akan dibawa dalam Jawatankuasa kalau boleh Jawatankuasa Ribi ataupun dengan *direct* daripada UPEN nanti. Itu sahaja Puan Speaker, terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Pandan Indah.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Terima kasih Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya akan membuat penggulungan berhubung

## 22 MAC 2019 (JUMAAT)

dengan pertanyaan-pertanyaan yang timbul ketika membahas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor. Dan tentulah banyak perkara yang hendak disebutkan ini berkait rapat dengan infrastruktur dan juga pertanian dan saya akan cuba memberikan penjelasan beberapa perkara yang timbul.

Berhubung dengan isu air atau bekalan air sebelum saya menjawab ataupun berbincang berhubung dengan Sungai Panjang cadangan daripada Sungai Panjang. Sungai Panjang ada tak? Baru keluar ya. Kita juga saya perlu sebutkan hari ini adalah hari Air Sedunia disambut pada hari ini, 22 Mac dengan temanya *Living no one behind* dan juga penekanan kepada aspek penggunaan air secara berhemah. Jadi sama-sama kita hayati hari air hari ini dengan kita sama-sama beri tumpuan kepada usaha-usaha untuk penjimatan air dan penggunaan air secara berhemah.

Ahli Yang Berhormat Sungai Panjang ada menyebut tentang isu penjimatan air yang merupakan satu cadangan yang baik sebab Kerajaan Negeri mengambil maklum cadangan yang dikemukakan itu supaya program penjimatan air ini dapat diperluaskan kepada seluruh rakyat Negeri Selangor kita pun faham bahawa air ini adalah satu aset sumber yang sangat-sangat penting sebagaimana yang telah di terang panjang lebar oleh Yang Berhormat Hulu Klang jadi perlu diurus dengan baik, dengan cekap, berhemah dan penjimatan ini merupakan satu usaha yang sangat terpuji. Jikalau kita lihat di Negeri Selangor kegunaan domestik di Negeri Selangor ialah sebanyak 250 liter seorang sehari. Ini adalah kadar yang kegunaan air di Negeri Selangor sedangkan di peringkat Nasional ialah 226 liter seorang sehari. Jadi kita lebih tinggi daripada kadar Nasional. Apatah lagi di banding dengan negara jiran kita yang lebih maju, lebih ke hadapan iaitu di negara Singapura hanya 170 liter sahaja, seorang sehari, jauh jadi memang kita ini ramai yang suka membazir air atau pun menggunakan air dengan terlalu banyak. Jadi kita kalau kita boleh samakan dengan kegunaan di Singapura pun satu pencapaian yang sangat besar. Dia bukan saja menjimatkan dari segi bayaran bil bulanan kita dia juga membantu dari segi proses untuk membangunkan loji dan juga sistem pengagihan air ini. Ini merupakan satu hakikat yang kita kena terima kalau kita menafikannya kita tak akan buat apa. Jadi kita kena terima bahawa kita memang banyak membazir air. Jadi saya harap ini merupakan satu peringatan kepada kita semua untuk mencari jalan bantu bagaimana kita dapat kurangkan pembaziran air. Bayangkan kalau kita boleh, silakan.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Soalan tambahan.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM:** Bayangkan kalau kita boleh .... silakan.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Ya saya ucapkan terima kasih kepada Puan Timbalan Speaker dan pada Yang Berhormat EXCO. Ini kali pertama saya dengar pengakuan tentang rakyat Selangor adalah pengguna air yang tertinggi kadarnya di Malaysia. Terima kasih kerana soalan saya kepada Dewan 2 tahun yang lalu menyatakan adakah fakta ini benar atau pun tidak, tidak dinafikan. Jadi saya ingat ini satu permulaan yang sangat baik untuk meningkatkan prestasi kita, terima kasih.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM:** Ya Hulu Kelang. Itu yang kita katakan bahawa dalam usaha kita hendak membuat penambahbaikan kita kena terima dulu bahawa hakikat bahawa kita ada membuat kesalahan, kelemahan kita. Kalau kita ambil budaya nafi kita tak akan berubah. Itu yang saya sebut tadi jadi kita terima dulu bahawa ini keadaan yang kita guna air guna pakai air dan tinggi kita cari jalan untuk kurangkan. Kalau kita berjaya kurangkan 20% sahaja pun kita boleh menyumbang air bersih kepada 280 liter juta air sehari.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Pandan Indah, Subang Jaya ingin mencelah.

**Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE:** Terima kasih Yang Berhormat Pandan Indah kerana telah memberikan kami statistik tentang penggunaan air di Selangor. Saya ingin mendapatkan sedikit pencerahan tentang cara bagaimana kita sampai kepada jumlah 256 ya, itu sebab saya tahu ramai warga Selangor mungkin akan mempertikaikan cara kita *calculate* dengan izin, jumlah itu sama ada ia juga merangkumi kawasan perindustrian dan komersial atau ia adalah penggunaan domestik semata-mata, terima kasih.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM:** Ini berdasarkan kepada penggunaan air dan juga jumlah akaun yang ada. Saya akan lihat lebih teliti bagaimana pencerakinan tetapi ini lebih kepada domestik, penggunaan domestik ya bukan melibatkan industri dan lain komersial. Tentang apa yang isu disebutkan di sini kita menerima hakikat itu kita mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memperbetulkan keadaan ini. Dan ini memerlukan kerjasama semua pihak dalam menjayakan program penjimatan air ini. Antara perkara yang pertama yang penting ialah dalam kempen kita untuk penjimatan air ini ialah melalui air Selangor pertamanya ialah penggalakan penggunaan alat-alat penjimatan air atau pun *water saving devises* yang dapat mengurangkan penggunaannya air secara automatik. Ini termasuklah penggunaan sistem pancuran air yang sesuai, peralatan paip dan sistem tandas serta mesin basuh dan mesin membasuh pinggan. Langkah pertama ialah menggalakkan penggunaan peralatan yang boleh menjimatkan air. Yang kedua ialah sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi ialah langkah-langkah penjimatan ialah melalui penurunan air tidak berhasil atau NRW yang pada masa ini berada pada tahap 31%. Kita telah bercadang di bawah inisiatif Air Selangor untuk menurunkan kadar NRW ini kepada 28% pada tahun 2020 dan seterusnya ke tahap 20% kepada tahun 2035. Antaranya ialah termasuklah yang di mana disebutkan dan saya telah banyak kali isu ini pertama ialah di mana kita membuat penggantian paip-paip lama terutamanya AC Paip atau pun Abestos Paip ini yang masih jumlah yang panjang di sekitar 6,000 kilometer yang perlu digantikan setiap tahun.

**Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI:** Mohon izin pada Yang Berhormat Pandan Indah. Yang Berhormat ada menyebut tentang cadangan untuk membuat tindakan penjimatan penggunaan air. Jadi saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat umpamanya kalau misalnya ada aktiviti penggunaan air yang begitu banyak antaranya mencuci kenderaan, jadi di antara tindakan dalam penjimatan air ini dalam mencuci kenderaan pada pendapat Yang Berhormat manakah yang lebih

menjimatkan sama ada mencuci kenderaan itu sendiri atau menghantar ke pusat cucian. Sebab ada teori yang menyatakan menghantar ke pusat cucian itu lebih menjimatkan penggunaan air tersebut. Jadi mohon penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM:** Sebenarnya banyak lagi amalan-amalan yang kita kena perbetulkan dalam kita menjimatkan air. Ini yang saya sebut kaedah yang pertama tadi penggunaan alat-alat peralatan atau pun *devises* yang boleh mengurangkan penggunaan air yang banyak. Dan juga kedua ialah *nonrevenue* yang *walter* yang kita akan bantu. Dan yang ketiga itu ialah program yang berkaitan dengan amalan yang tidak sihat yang kurang baik. Walaupun kita tahu bahawa kereta itu perlu dibasuh dan dicuci dengan betul tetapi kadang-kadang penggunaan airnya tidak bersesuaian dengan langkah-langkah penjimatan yang kita sebutkan tadi. Bukan saja untuk keretalah termasuk juga penggunaan air di siramkan pokok dan pertanian dan sebagainya. Dan juga disebut juga ini berkait rapat juga dengan cadangan atau pun yang disebut oleh Sungai Kandis berhubung dengan penjimatan air di rumah-rumah ibadat. Ini pun satu lagi komponen yang juga merupakan satu yang membazirkan air. Kita boleh lihat sendiri kadang-kadang kita pergi ambil wuduk bagaimana setengah orang buka paip, kalau boleh dia hendak buka maksimum, macam hendak mandi. Sedangkan wuduk ini kalau kita tengok zaman Rasulullah dulu mereka dalam satu bekas saja air itu, cukup untuk wuduk. Kita saya rasa 1 bekas kita tak tahu hendak ambil wuduk. Sebab kita dah biasa dengan sikap yang biasa membazir jadi air pun kita, wuduk pun kita ibadah pun kebanyakannya membazir, bukan semua ya, nanti saya kena pula nanti. Ada yang jimat air, saya perhati kalau dekat tempat-tempat wuduk itu, bagaimana dia buka untuk secukup saja untuk mengambil wuduk. Ini antara amalan-amalan yang disebutkan. Jadi bagi tujuan penggunaan air di rumah ibadah ini kita telah memulakan projek perintis, produk cekap air di masjid-masjid di Negeri Selangor di mana fokus telah diberikan kepada pili wuduk itu dan *walter closet* di *toilet* di tandas.

Sebanyak 3 buah masjid telah terpilih untuk projek perintis iaitu di Masjid As-Salam Puchong Perdana, Masjid Bandar Tun Hussein Onn, Cheras dan Masjid Sultan Hishamudin, Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang bermula pada 18 September 2017. Kita akan memantau dan melihat kesesuaian penjimatannya dan kalau berjaya dan bagus kita akan perluaskan ke masjid-masjid lain. Selain daripada masjid, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama Islam juga menumpukan penjimatan air di Sekolah-sekolah Agama kerana pihak JAIS juga menguruskan sebanyak 260 buah sekolah di Negeri Selangor.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Pandan Indah.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI:** Ok Yang Berhormat Pandan Indah Pelabuhan Klang mohon pencerahan berkenaan dengan isu penjimatan air ini. Adakah program sebab kita lihat tinggi di Selangor saya pun rasa terperanjat apabila menyatakan di Malaysia, pengguna air di Selangor merupakan yang tertinggi. Yang pertama adakah apa ini, program air percuma yang kita laksanakan di Negeri Selangor ini menjadi salah satu sebab penjimatan air itu tidak berlaku kerana percuma. Sebab

itu dia rasa tak kisah sebab tak bayar dan tidak ada terkesan 20 *cube* meter padu itu. Dan yang kedua adakah langkah-langkah Kerajaan dengan syarikat Air Selangor untuk memikirkan tentang insentif kepada mana-mana pengguna domestik atau pun industri yang boleh melakukan penjimatan air ini.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM:** Saya tak ingin terbabit dalam membuat komen-komen yang kontroversi nanti saya kena belasah nanti. Sebenarnya saya rasa tidak wajarlah kalau kita menyatakan bahawa sebab air percuma, bukan percuma 100% pun 20 *cube* meter sahaja. Jadi menyebabkan bahawa ada yang membazir, tapi kemungkinan itu ada tapi kadang-kadang tabiat manusia memang kalau dia memang suka membazir, apa benda pun dia suka membazir. Jadi itu berkait rapat dengan tabiat manusia sedangkan kalau dalam ajaran agama Islam pun pembaziran itu adalah sebahagian daripada amalan syaitan. Telah diajar bukan saja air apa saja dalam kehidupan kita ini tidak boleh membazir. Jadi ini antara sikap dan saya yakin yang menerima bantuan air percuma 20 meter padu ini *insyaAllah* kebanyakannya menggunakan dengan penuh bertanggungjawab dan bukanlah kerana itu merupakan, kecuali kalau kita bagi 100% cuma kemungkinan itu ada sebab kita dapat dengan percuma ya.

Berhubung dengan isu air lagi yang ditimbulkan oleh Pandamaran berhubung dengan *e-billing* ini. *E-billing* ini memang merupakan satu lagi kaedah yang kita gunakan untuk memudahkan dari segi penggunaan pembayaran dan juga mengurangkan penggunaan kertas. Ini telah kalau ikut laporan yang saya terima setakat ini 3,011 pelanggan yang menggunakan *e-billing* ini iaitu sekitar 13.9% sahaja. Satu angka yang agak rendah dan kita sedang akan meningkatkan usaha yang lebih gigih untuk menggalakkan. Saya hendak tanya dalam Dewan ini, Ahli-Ahli Yang Berhormat pun ada mungkin ramai yang belum mendaftar untuk *e-billing* ini. Saya yakin belum ramai lagi, kalau boleh lepas ini kita terus ke [www.syabas.com.my](http://www.syabas.com.my) untuk mendaftar dan sebagainya. Jadi antara itu kita macam biasa kita menggunakan media sosial, kita promosi melalui cetakan pada bil.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ya berkenaan dengan *e-billing* ini saya ingin membawa satu isu atau pun satu pemerhatian di mana di kawasan DUN Banting terdapat atau pun kes atau pun aduan di mana penduduk yang tidak menerima bil yang dicetak pun. Dan jauh lagi daripada menggunakan *e-billing* dan akhirnya Air Selangor terpaksa menggunakan perkhidmatan yang paling konvensional selain daripada perkhidmatan bil kertas iaitu menggunakan *sms*. Itu adalah rentetan daripada kegagalan Pos Malaysia menghantar bil kertas tepat pada waktunya kepada penduduk sehingga ada tunggakan berbulan-bulan dan akhirnya perkhidmatan air dipotong dan mereka dikenakan cas tambahan untuk sambung semula bekalan air itu. Saya memohon kepada Yang Berhormat sama ada mungkin kita menggalakkan orang ramai atau pun pengguna menggunakan aplikasi ini dengan mensyaratkan sekiranya mereka hendak juga bil kertas, boleh *option* dia ada tetapi kena bayarlah. Macam bil telefon, bil Telekom dan sebagainya. Jadi yang kedua ini iaitu sama ada mungkin kita atau pun di peringkat Air Selangor program *Road Show* dan sebagainya dirancakkan supaya mereka yang menggunakan *Smart Phone* ini dapat diberi pendidikan atau pun sekurang-kurangnya aplikasi itu boleh di sediakan dalam bahasa-bahasa yang lebih banyak lagi. Bukan saja



## 22 MAC 2019 (JUMAAT)

Bahasa Malaysia atau pun Bahasa Inggeris tetapi dalam Bahasa Mandarin dan juga Bahasa Tamil untuk memudahkan mereka melayari dan menggunakannya untuk menarik mereka menggunakannya. Jadi itulah cadangan saya apakah pandangan Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM:** Itu cadangan yang bagus daripada Banting dan kita akan pertimbangkan. Sebab itulah kita akan memikirkan pelbagai kaedah yang sesuai yang ada pada kita untuk kita pastikan *billing* ini sampai kepada pelanggan-pelanggan bekalan air kita. Dan itu termasuklah penggunaan walaupun *sms* itu tidaklah terlalu kunolah, masih lagi boleh diterima sebagainya dan kita akan galakkan lagi. Tapi akhirnya dengan sesuai dengan pendekatan SMART SELANGOR tentulah kita hendak aplikasi yang lebih canggih, yang lebih sesuai menggunakan telefon pintar dan sebagainya ini untuk masa hadapan, itu akan kita perluaskan. Dan insentif termasuklah aspek kewangan itu sendiri yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pandamaran supaya kita akan teliti cadangan untuk memberikan insentif bagi menggalakkan lebih ramai pelanggan untuk berdaftar di bawah *e-billing*.

Berhubung dengan isu tangki simpanan air yang sebagai mengatasi isu tekanan air rendah ini di sebut oleh Yang Berhormat Pelabuhan Klang. Di kawasan Pulau Indah ini terdapat bekalan air dari kolam Lipat Kajang. Bagi mengatasi masalah tekanan air dan simpanan di Pulau Indah pihak Syarikat Bekalan Air Selangor sedang giat menjalankan kerja-kerja pemuliharaan rumah pam dan kolam bagi menaikkan tekanan dan menambah bekalan simpanan di kawasan agihan. Kita perlu fahami satu hakikat ye, di kawasan-kawasan tekanan rendah ni, bukan masalah kita tidak boleh tingkatkan tekanan, tetapi bila kita tingkatkan tekanan menyebabkan paip lebih banyak bocor sebab paip AC ini tidak boleh terlalu tinggi tekanan *depressure* dia tak boleh tinggi. Ini sebab itu kita kena *balance* imbangkan antara tekanan yang tinggi dengan keuzuran paip yang ada. Jadi itu antara perkara, sebab tu program *pipe replacement* buat berperingkat-peringkat dan kita bagi tumpuan kepada tempat yang terlalu banyak aduan, sebab kita dah bagi tau awal-awal kita tak mampu nak *replace* semua paip dalam masa yang sama, jadi kita bagi tumpuan begitu. saya harap soalan ini banyak sangat berkait dengan soalan begini, soalan tekanan rendah dan sebagainya kita cuba yang terbaik tapi dalam masa yang sama mengambil kira integriti paip AC terutamanya *Asbestos Cement pipe* yang terdapat di kawasan masing-masing. Yang berdiri serentak ini, jiran sebelah menyelah ye. Salah sorang lah boleh.

**Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE:** Terima kasih Yang Berhormat EXCO, saya cuma nak bangkitkan ye, sebab banyak aduan bahawa tekanan yang rendah mengakibatkan jiran-jiran sebelah dia memasang pam. OK. Ini adalah sebenarnya salah di sisi undang-undang dan sebenarnya Air Selangor tidak benarkan. Dan mengakibatkan pengguna air itu kemampuan yang tidak mengizinkan, dia tidak boleh pasang paip, jadi pihak dia memang tak boleh guna, air memang tak ada boleh digunakan tengah malam. Itu yang menjadi isu. Adakah kita benarkan kawasan situ untuk pakai pam. Itu yang soalan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM:** Masalahnya kalau kita pakai pam ini kita boleh beli, kalau jiran kita tak mampu nak beli jiran kita tak ada air. Kita sedut habis air dia, jadi yang lain yang bukan semua mampu beli pam jadi kita sebenarnya memang dari segi peraturan kita tidak benarkan tapi kalau sebahagian mengamal dan sebahagian tidak lagi tidak, maka sebahagian lagi akan mendapat masalah lebih. Sebab itu saya rasa benda ini, kita akan tangani, kita perlukan laporan dan sebagainya, kita akan tangani, macam di kawasan Pandamaran dan Pulau Indah ini, kerja-kerja pemulihan dan naik taraf rumah pam dan kolam Pulau Indah Fasa 2 telah siap pada Oktober 2018 telah beroperasi. Saya yakin ini dapat membantu. Kemudian, di Pandamaran, kerja-kerja pemulihan di Kolam Selat Damai, projek ini dijangkakan dimulakan Julai 2019, dan dijangka siap dalam tempoh enam bulan. Ini antara pendekatan berperingkat-peringkat yang perlu kita buat, tapi pendekatan yang sementara yang diambil oleh penduduk untuk menyediakan bekalan airnya, ini sedikit sebanyak akan mengganggu jiranlah dan aduan kita akan lebih banyak berhubung dengan isu air ini. Ini yang akan berlakulah.

**Y.B. TUAN AZMIZAN BIN ZAMAN HURI:** Yang Berhormat Pandan Indah, berkenaan dengan rumah pam di Selat Damai, tadi kata ada bulan Julai 2019, pada saya itu hanya boleh menyelesaikan di kawasan Taman Selat Damai je, tetapi yang isunya sekarang ini adalah kawasan-kawasan seperti Kampung Idaman, Pandamaran Jaya, Taman Suria Pandamar, Pulau Indah, sebab sekarang ni, dia bukan sebab tekanan air rendah ni tapi ini masalah terputus terus, sampai tak ada air pada waktu siang tetapi jiran-jiran yang berdekatan mempunyai tangki air yang besar di taman-taman perumahan yang baru, yang ini ada air. Sebab itu saya cadangkan, dalam ucapan saya supaya memperbanyakkan tangki-tangki air lebih besar untuk menyimpan air ini bagi mengatasi masalah kepadatan penduduk yang semakin bertambah pada masa kini.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM:** Yang sebutkan tadi, dia sistem agihan ini bukan sahaja melibatkan apa nama ni, paip, dia juga melibatkan kolam itu sendiri, kita pun, ia melibatkan perbelanjaan modal juga, yang perlu dibuat secara berperingkat-peringkat. Kita tak boleh nak selesaikan semua di Pelabuhan Klang sahaja. Tempat-tempat lain nanti macam mana. Nanti Taman Templer pun dah Selayang Pandang pun dah bising paip dia tak diganti dan sebagainya. Jadi banyak yang kita kena buat. Nanti, nanti, duduk dulu, saya nak jawab dulu.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN:** Sikit soalan Yang Berhormat EXCO, sikit je soalan, hari Jumaat ini, hari Jumaat. Banyak kejadian paip pecah sekarang ni yang berlaku di Selayang Pandang, Cuma baru-baru ni, bila dia pecah, air sangat deras dan air masuk ke rumah penduduk, boleh dikatakan rumah penduduk tu banjir, habis dia punya perabot, Cuma saya nak tanya, ada tak, maksudnya pihak Kerajaan Negeri, atau pun pihak SYABAS ataupun pihak yang bertanggungjawab boleh mengganti rugi boleh memberikan pampasan, sedikit pampasan diberikan kepada rumah yang terkena banjir kilat disebabkan paip pecah tersebut. Terima kasih.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM:** Yang itu, ADUN lah ye, pandai-pandailah ye, tolong.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN:** Yang Berhormat, punya panjang syarah, jawabnya begitu sahaja. Ini tidak adil.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM:** Biar EXCO buat yang besar-besar, yang kecil-kecil tu biar ADUN yang buat ye. Saya teruskan, Ya, Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Bagus saya dengar, EXCO nak buat yang besar-besar, jadi masalah kekangan kewangan, yang tak dapat selesaikan masalah di Klang, di Petaling Jaya, kenapa Air Selangor tak ambil pinjaman daripada PAP. Boleh ambil pinjaman daripada PAP dan laksanakan kerja-kerja ini demi kebaikan penduduk. Kita dah buat penjimatan yang sangat besar tahun ini kerana kita berhenti bagi 20 meter padu percuma kepada banyak rakyat. So penjimatan yang besar ini, kata nak potong dah air percuma ini, so penjimatan yang besar daripada tak bagi air percuma ini, harus disalurkan balik untuk meningkatkan kualiti infrastruktur, jadi masalah tekanan air ni banyak tempat ada, kita selesaikanlah, paip yang kita perlu tukar, kita tukar.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM:** Saya telah menjawab, beberapa kali Bukit Gasing tentang isu ini. Dia masih sebut isu yang sama. Saya kata proses penukaran paip ini memang dirancang dan buat berperingkat-peringkat. Kita tidak dapat menggantikan 6,000km AC paip ini dalam masa setahun.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Tak payah setahun. Tapi janganlah sampai 30 tahun.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM:** Biar saya sambung, saya faham, maksud saya, saya nak cerita benda mesti dibuat berperingkat-peringkat dan cara penukaran ataupun penggantian paip ini dibuat berdasarkan kepada aduan yang kita terima. Kalau kita nak selesaikan semua aduan, kita tidak ada kemampuan itu, walaupun kita pinjam, dan sekarang pun kita banyak meminjam daripada PAP untuk pembangunan air di Negeri Selangor, bekalan air ini termasuk untuk loji rawatan dan sebagainya. Dan untuk NRW ini sahaja kita belanja hampir 300 juta setahun untuk di bawah program NRW yang kita perlukan dan kita akan buat peringkat-peringkat dan tempat bermasalah saya bagi jaminan kita akan selesaikan, mungkin makan sedikit masa tapi kita akan laksanakan peringkat-peringkat. Duduk kejap, banyak ni gangguan. Untuk mengurangkan kes-kes paip pecah, pihak Air Selangor juga dalam proses akhir lantikan kontraktor bagi menggantikan paip di beberapa kawasan di Pulau Indah dan Pandamaran, iaitu di Jalan Raja Lumu dan Jalan Sidang Mohd Sidin. Ini untuk makluman. Projek penggantian ini telah bermula pada bulan Oktober 2018 dan akan mengambil masa 18 bulan. Tentang soalan atau pun pertanyaan atau pun permintaan dari Taman Templer untuk penggantian paip di kawasan Selayang Baru sedang giat dilaksanakan sekarang, manakala bagi kawasan Selayang Pandang telah dimasukkan dalam program

penggantian paip 2019. Ini berita baik untuk Taman Templer. Baru tegur tadi saya dah bagi dah tengok. Saya ingin teruskan kepada soalan daripada atau pertanyaan daripada Sungai Pelek berhubung dengan isu pembinaan jalan *bypass* KLIA, Hulu Chuchoh, untuk makluman Yang Berhormat sebenarnya jalan ini pun betul, seperti mana yang disebut kita telah melawat tempat itu bersama YAB, kita turun padang di kawasan Daerah Sepang itu, kita telah melawat tempat ini dan memang ada cadangan untuk melaksanakan pembinaan *bypass* ini KLIA oleh Chuchoh. Tetapi ada sedikit masalah teknikal, kerana tanah di situ adalah tanah di bawah PTP, Pentadbir Tanah Persekutuan, dan telah didapati beberapa perkara berhubung dengan isu teknikal, kalau jalan itu dibuat, kemungkinan lampu di tepi jalan ini boleh mengelirukan juruterbang sebab tempat itu adalah berhampiran dengan landasan yang keempat tak silap saya. Untuk pembinaan landasan kapal terbang yang keempat. Jadi risiko silau kenderaan ini, boleh menyebabkan masalah keselamatan atau kemerosotan penarafan kualiti dan *standard* KLIA oleh *Aviation body* ye. Jadi seterusnya, pihak MAB atau Malaysia Airport Berhad telah menghantar surat dan minta pembinaannya ditanggung dan penyelenggaraan ditanggung oleh Pejabat Tanah atau Kerajaan Negeri Selangor. Bagaimanapun dalam mesyuarat yang telah dibincangkan yang lepas, telah mendapati, cadangan daripada kita adalah supaya, yang pertama adalah supaya MAB yang membina jalan itu, kerana masih tanah di bawah PTP sebagai salah satu aktiviti CSR nya. Atau yang kedua meminta pihak Kerajaan Persekutuan yang membina di atas sebab status tanah di bawah PTP atau opsyen yang ketiga adalah sumbangan daripada pihak swasta untuk tujuan itu. Tapi kita belum membuat keputusan opsyen mana yang akan kita ikuti buat masa ini. Tapi keperluan jalan itu ada ye.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW:** Saya difahamkan yang adalah katakan kerana jalan itu terlalu dekat dengan *runway*, itu lampu mungkin boleh kelirukan dan saya faham. Sebenarnya saya telah pergi tempat yang sama, kawan pun dah pakai *drone* dan sebagainya. Rasanya itu tidak berasaslah, lagipun kita boleh gunakan lampu yang warna lain, bukan sama dengan *runway*, itu satu caralah dan cadangan-cadangan untuk 3 alternatif itu, saya rasa nak panggil swasta adalah *very difficult thing* lah. Opsyenlah. Tapi, saya rasa CSR MAB, itu kalau boleh memang dialu-alukanlah. Walau bagaimanapun, ini tidak lagi boleh ditunggu lagi kerana Banghuris, itu kita punya *homestay* yang paling popular di Selangor juga sangat popular di Asia lah, amat memerlukan jalan itu dan ramai orang kampung di Banghuris, di tiga-tiga kampung tradisi itu yang kerja di KLIA 1 dan KLIA 2 sangat memerlukan jalan itu. Terima kasih.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM:** Ok. Itu sebab saya bagitahu tadi, jalan itu kita anggap antara jalan yang penting dan kita akan melihat opsyen-opsyen ini dalam masa yang terdekat. Untuk soalan berhubung dengan penyuraian trafik KLIA- Nilai, Kota Warisan ini, yang disebut oleh Sungai Pelek berhubung dengan jambatan terbengkalai KLIA- Kota warisan ini, untuk makluman Yang Berhormat, jambatan yang dimaksudkan adalah jambatan di persimpangan FT29-32 yang merupakan jalan persekutuan, pihak

JKR telah menyediakan anggaran kos dan *brief* projek dan dikemukakan kepada JKR, Ibu Pejabat JKR pada 21 Februari yang lepas ye, untuk dipohon di bawah RMK 11, RP4 2020. Jadi itu pun telah di *submit*, tapi sementara itu dalam masa itu bagi mengurangkan dalam masa yang sama bagi mengurangkan impak di persimpangan tersebut pihak JKR Selangor sedang melaksanakan pembinaan *missing link* melalui Kota Warisan yang dapat mengalihkan sebahagian trafik dari jalan FT29 ini menuju ke Salak Tinggi dan Sepang. Jadi kosnya dalam 51.9 juta dan akan siap pada 4 November 2020. Tentang isu simpang Dengkil yang trafik amat perlahan, trafik tu perlahan ke sebab apa? Jem lah ye. Untuk makluman, persimpangan Dengkil merupakan Jalan Persekutuan FT29-31 dan persimpangan ini terlibat dalam projek penaik tarafan yang sedang dalam peringkat pembinaan ketika ini, kemajuan fizikal adalah 48% dan mengikut jadual. Projek ini melibatkan skop pembinaan *flyover* di simpang Dengkil bagi tujuan penyuraian trafik dan penyelesaian masalah kesesakan dan dijangka siap pada 22 Julai 2020. Persoalan mengenai daripada Yang Berhormat Banting tentang jalan FT05, ini pun bukan soalan yang baru, masih kerap timbul, saya akui, jalan ini adalah jalan yang panjang dari *West Courst* hingga ke Johor, Jalan ini ye. FT5 ini. dan kerja-kerja lampu jalan dan kerja-kerja penyelenggaraan rumput tidak dilaksanakan. Isu lampu jalan, Pihak JKR telah mengemukakan permohonan peruntukan bagi membaik pulih keseluruhan lampu jalan di laluan FT05 sebanyak RM2.7 juta melalui surat mereka pada 31 Julai 2018. Walau bagaimanapun pengagihan peruntukan walaupun dah lulus tapi pihak KKR, Kementerian Kerja Raya belum dilaksanakan diterima oleh pihak JKR lagi. Tapi saya rasa dah lulus Cuma pengagihannya belum lagi diperoleh untuk pelaksanaan. Bagi pemotongan rumput ini

...

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih, tidak apa terima kasih. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat sebenarnya pertukaran sikit, pemotongan rumput itu tiada bermasalah. Cuma dalam ucapan saya ada menyebut tentang galang rajah ini yang saya rasa pada permulaannya sangat tidak ada penyelenggaraan dan kemudiannya telah pun diatasi kerana ada peruntukan yang turun dan terpaksa peruntukan yang terhad itu digunakan untuk menyelesaikan masalah yang kritikal jadi kerana itu peruntukan untuk lampu pula ditundakan ataupun diabaikan. Jadi Puan Timbalan Speaker, soalan saya ialah saya lihat JKR di Kuala Langat ini komited sangat kerjasama dengan kita, dia berterus terang dengan semua orang dan dia merasakan bahawa peruntukan yang mereka pohon itu tidak pernah mereka lalai tidak pernah mereka cuai, tidak pernah mereka tidak dapat menggunakan peruntukan di peringkat mereka dan terpaksa pulangkan, mereka gunakan semua sekali. Cuma apa yang kita perlukan mungkin mereka memerlukan sedikit daya daripada kita a bit of push up daripada wakil rakyat dan Kerajaan Negeri dan kita tahu masalahnya dengan JKR. Jadi apakah mungkin kita kena bincang sikit dengan JKR sekali tapi WCE (West Coast Expressway) kalau untuk bahagian di Banting ni, ia hanya akan dimulakan pada tahun depan jadi sehingga sekarang semua kenderaan berat. Saya sampaikan ini juga kepada Pegawai Kerajaan yang ada di sini, semua kenderaan berat, lori ke, bomba ke, truk ke, ambulan ke, kereta, kapcai ke, dia guna jalan ini untuk pergi ke destinasi-destinasi tertentu termasuk ke destinasi pelancongan, jadi trafik tu sangat tertumpu di jalan ini. Oleh sebab itu, it is a bit special i think and not to over kalau kita dengan izin

meminta supaya perhatian khusus diberi sedikit kepada jalan FT5 ini, kerana pada masa sekarang ia sedang membantu meleraikan trafik-trafik yang sepatutnya ditanggung oleh WCE ini yang sepatutnya siap pada tahun ini tetapi dia tak dapat. Tetapi tiada cara lain melainkan mereka terpaksa terus menggunakan jalan persekutuan nombor 5 ini dan menyebabkan keadaan akan kritikal bagi saya. Saya difahamkan ada peruntukan bagi membina jambatan tetapi kami menunggu berharap ia dapat diberikan mungkin Kerajaan dengan bantuan EXCO kena push up sikit la kena minta sikit la supaya perhatian khusus diberikan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Saya maklum tentang pandangan daripada Yang Berhormat berhubung kekangan daripada bajet dan saya dalam bila saya turun padang ke dua daerah iaitu Klang dan Petaling baru-baru ini untuk menemui, berbincang dengan pihak agensi dan jabatan yang terbabit dengan Infra, saya dapati ada beberapa perkara ini yang akan saya cuba selesaikan . Pertama, yang saya dapati kontrak contohnya pembersihan ataupun pemotongan rumput, ia tak sama antara PBT dengan JKR. JKR kurang, PBT lebih jadi sebab itu jika buat perbandingan rakyat tidak tahu itu jalan JKR atau jalan PBT. Dia tengok kenapa pokok ini potong kerap, yang ini jarang potong. Jadi benda begitu memberi kesan kepada penjagaan ataupun penyelenggaraan jalan-jalan kita, itu antara perkara-perkara yang saya dapati. Yang kedua punya ialah jalan-jalan federal dia kontraknya agak berbeza daripada kita. Dia ada peruntukan tertentu dalam kontrak yang tidak ada di peringkat federal, contohnya pembuangan banner-banner ataupun sebagai pembersihan tidak ada dalam kontrak jalan-jalan federal ni. Dia kena peruntukan yang diminta untuk dilaksanakan, telah ada kontrak jangka panjang. Jadi perkara-perkara penambahbaikan ini penyelarasan ini yang sedang saya cuba untuk selesaikan supaya kualiti jalan kita sama ada jalan PBT ke jalan JKR ke, federal ke ataupun negeri supaya agak standard dan sama. Ini antaranya dan kekangan saya faham memang bajet kekangan kewangan adalah merupakan faktor utama kenapa perkara ini berlaku. Saya bagi contoh macam yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Seri Setia berhubung dengan, kejap, Y.B. duduk kejap biar saya habiskan. Duduk dulu.

Berhubung dengan penyelenggaraan federal highway ataupun FT1, ia kalau kita perhati ada timbul isu rumput yang panjang, bunting atau banner yang haram dipasang tidak dibuang atau diurus dengan sebaiknya. Telah mencadangkan kepada dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infra bahawa mungkin kita boleh cadangkan diadakan dibenarkan untuk papan-papan iklan dibuat di situ dan daripada hasil daripada iklan ini boleh digunakan untuk menambah peruntukan dan telah dipersetujui dan paper telah dibuat untuk memohon supaya kebenaran perkara ini dapat dilakukan. Ini di antara contoh-contoh bagaimana pendekatan bagi kita mengatasi sedikit isu kekangan kewangan dalam menguruskan jalan-jalan. Saya ingin, saya serah ...

**Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE :** Terima kasih Yang Berhormat EXCO, memang apa yang Yang Berhormat EXCO telah bangkitkan berkenaan isu-isu yang dihadapi oleh Yang Berhormat EXCO sendiri berkenaan dengan konsesi JKR, masalah pemotongan rumput dan sebagainya. Adakah perancangan di mana kita boleh minta PBT ambil alih kerja-kerja ini. Macam potong rumput dan pembersihan jalan, kerana itu

kan dalam kawasan PBT, jalan itu mungkin merentasi kawasan-kawasan PBT. Di sini kita tengok macam federal highway pun lah, ia keluarkan banner-banner masuk dalam kampit plastik, kampit plastik masih ada lagi di sana. So mungkin pihak Yang Berhormat EXCO boleh memikirkan sesuatu, merancang sesuatu kita boleh serahkan kepada PBT dan kontraktor KDEB untuk menjalankan tanggungjawab. Terima kasih.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Terima kasih Yang Berhormat, sebenarnya mereka pun telah mula buat pun, cuma masih dibuat secara orang kata apa volunteer saja, sukarela, tidak ada sebenarnya penyelarasan yang kemas lagi daripada segi bagaimana siapa yang patut ini tapi setakat ini banyak kerja-kerja ini PBT dah buat pun untuk menyelesaikan masalah pembersihan di jalan-jalan raya kita ini. Jadi kita akan melihat utility macam mana sebab apa macam saya sebut tadi ia melibatkan juga peraturan, undang-undang antara agensi, peraturan antara mereka, hubungan dan juga melibatkan kewangan lagi. Balik kepada masalah yang sama kekangan kewangan dan sebagai ini, bagaimana kita nak uruskan. Saya pergi kepada sebab.. saya ada beberapa minit saja lagi sebelum kita break ni ..

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Boleh saya celah ...

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Boleh duduk sekejap, saya nak habiskan ini sikit lagi. Berhubung yang soalan yang saya rasa saya perlu sebut sebelum break ini ialah tentang isu yang dibangkitkan Yang Berhormat Sijangkang tentang isu di Bandar Saujana Putera dan isu SKVE ini dan saya memang akui dalam jawapan saya dulu itu ada sedikit kekurangan sedangkan jawapan bertulis itu agak tepat. Dan ini berkait dengan flyover ataupun persimpangan bertingkat di bulatan Saujana Putera di daerah Kuala Langat yang telah sekian lama. Dalam hal ini Kerajaan Negeri melalui UPEN pada 19 Mac 2019, telah mengadakan satu mesyuarat bagi mendapatkan penjelasan daripada PNSB selaku pemilik tanah dan juga pihak pemaju Seri Baiduri Sendirian Berhad, LBS Bina Group Berhad berhubung pembinaan flyover berkenaan yang sehingga kini masih belum dibina walaupun komitmen telah pun diberikan sebelum ini. Dalam mesyuarat berkenaan pihak pemaju telah memberi komitmen bahawa kerja-kerja pembinaan flyover akan dimulakan dalam tempoh terdekat. Berikutan kerja-kerja berkenaan telah dianugerahkan kepada kontraktor yang berkeelayakan, mereka telah pun award dan akan dimulakan dalam masa terdekat untuk kerja-kerja pembinaan flyover ini. Saya rasa dekat lebih RM30juta kos yang akan terlibat. Pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia, LLM akan memantau pelaksanaan projek flyover ini dan PBT berkenaan ialah di bawah Majlis Daerah Kuala Langat akan membantu memastikan pembinaan dapat dilaksanakan dengan lancar. Jadi jadual pelaksanaan projek akan dikemukakan oleh pihak pemaju kepada Kerajaan Negeri dan LLM dan saya akan juga memantau supaya pembinaannya mengikut perancangan yang telah ditetapkan walaupun dah delay ye. Jadi ini antara beberapa perkara yang saya hendak jawab berhubung dengan Infra. Ok silakan ...

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Terima kasih Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, jadi berbalik kepada apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat EXCO tadi tentang Seri Setia, yang saya tanya jalan itu. Jalan tersebut adalah Jalan

Batu Tiga Lama sehingga ke U1, Jalan ini saya hendak kepastian jalan ini adakah masih di bawah federal dikategorikan bawah federal ataupun lebuh raya persekutuan ataupun jalan ini adalah jalan yang dikendalikan oleh JKR. Itu yang pertama soalnya sebab ia sampai ke U1. Soalan yang kedua saya hendak tanya apa bezanya Roadcare dan JKR ini. Maksudnya adakah Roadcare ini di bawah persekutuan? JKR ini yang memang di bawah negeri. Apakah perbezaannya? Sebab JKR ni dah mula sejuk dengan saya ni.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Sejuk tu sebab apa tu? Dewan ni pun sejuk juga. Memang di bawah JKR jalan itu dan kita faham kita maklum bahawa jalan-jalan negeri di bawah pengurusan penyelenggara JKR Negeri dan jalan-jalan federal di bawah pengurusan penyelenggaraan JKR ibu pejabat JKR. Dan Roadcare adalah pemegang consession bagi penyelenggaraan jalan-jalan federal jadi semua jalan-jalan federal di Selangor ini di bawah penyelenggaraan Roadcare. Sedangkan penyelenggaraan di bawah jalan-jalan negeri adalah terbahagi kepada tiga kontraktor untuk jangka panjang. Itu bukan Roadcare ye. Roadcare hanya jalan-jalan federal, tapi sebagaimana saya maklum tadi, kontrak Roadcare ini berbeza dengan kontrak negeri. Negeri ini agak lengkap dia punya skop dia sebab kita menggunakan peruntukan MARRIS sedangkan yang federal tidak menggunakan peruntukan negeri atau MARRIS, dia menggunakan peruntukan daripada Ibu Pejabat JKR. Jadi itu kontraknya agak berbeza dan agak tidak lengkap berbanding dengan kita. Jadi ada banyak keperluan penyelenggaraan itu perlu dipohon sentiasa untuk buat kerja-kerja penyelenggaraan. Dan saya masih daripada peringkat perbincangan, saya punya cadangan ada saya sebut kepada Timbalan Menteri Kerja Raya, saya sebut adakah kemungkinan untuk pindahkan kerja-kerja penyelenggaraan jalan federal pun di bawah negeri, dengan peruntukan lah supaya lebih mudah diurus dan kita sedang teliti dan kemungkinan itu satu cadangan lagi supaya kerja-kerja penyelenggaraan ini, kadang-kadang penyelenggaraan yang di bawah Federal pun, negeri pun tak tahu. Sukar sekali untuk kita berurusan walaupun di bawah kerajaan yang sama sekarang ini. Urusan masalah berkaitan dengan birokrasi bukan masalah politik. Masalah birokrasi kadang-kadang mengganggu dan saya yakin kalau kita boleh buat kerja-kerja penyelenggaraan negeri di bawah negeri lebih mudah. Mungkin di peringkat federal boleh bagi tumpuan pada projek-projek besar dan jambatan-jambatan tapi penyelenggaraan itu lebih sesuai sebenarnya kalau di bawah urusan negeri untuk memudahkan penyelarasan. Itu antara cadangan-cadangan yang saya akan bawa. Jadi Sijangkang ...

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih. Pertamanya saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO di atas komitmen daripada Syarikat Seribu Baiduri yang memberikan komitmen pembangunan jejambat. Saya melihat pembangunan SKVE sendiri ada beberapa komitmen terutamanya daripada LLM yang mana dalam pembangunan itu sendiri yang akhirnya ada satu komen dulu apabila dibuat pengambilan tanah, ada pekebun-pekebun yang kehilangan jalan laluan untuk mengeluarkan hasil-hasil mereka. Saya harapkan ini dapat dilihat oleh pihak EXCO terutamanya beberapa jajaran di kawasan Teluk Panglima Garang, Terima kasih.



**22 MAC 2019 (JUMAAT)**

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Itu antara perkara yang kita akan lihat keseluruhan termasuk akses kepada para pengusaha-pengusaha ini ye. Kita akan lihat sekali. Saya sudah hampir tamat yang bahagian Infra cuma saya perlukan sikit masa lagi untuk pertanian kerana saya perlu jawab isu ganja ini saya komen sikit isu ganja itu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG :** Isu air sungai kering belum jawab lagi.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita akan sambung semula pada pukul 3.00 petang. Jam menunjukkan pukul 12.00 tengah hari, dengan ini Dewan ditangguhkan ke pukul 3 petang ini. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari)**

**(DEWAN DISAMBUNG SEMULA)**

**(TUAN SPEAKER MEMPENGERUSIKAN)**

**TUAN SPEAKER :** Ya, saya minta pihak Kerajaan teruskan Yang Berhormat Pandan Indah, penggulungan ya. Teruskan.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya ingin menyambung perbahasan ataupun penggulungan berhubung dengan isu pertanian dan industri asas tani.

Merujuk kepada pertanyaan yang dibuat oleh Yang Berhormat Jeram berhubung isu kematian lembu mengejut di ladang kelapa sawit Sime Darby Bukit Keloh ya dan kita telah menerima laporan lengkap walaupun peristiwa ini berlaku pada 19 Ogos 2018 dan siasatan telah diambil dan dibuat *sample* air dan *sample* lembu itu sendiri, bangkai itu iaitu darah dan juga dagingnya telah diambil telah dihantar ke pusat penyelidikan, Institut Penyelidikan Veterinar Ipoh dan juga *sample* air di hantar ke makmal Jabatan Kimia tapi lambat disebabkan kelewatan menerima laporan daripada Jabatan Kimia sehinggalah kita dah pun terima mendapati bahawa antara berikut adalah keputusan ujian yang diterima. Ini melibatkan 50 ekor lembu yang mati selepas minum air di Sungai Sembilang pada 19 Ogos dan didakwa bahawa ini adalah daripada hasil daripada pencemaran daripada sisa buangan daripada Pusat Pelupusan Sampah berdekatan. Keputusan ialah mengandungi tentang kandungan dalam air itu menunjukkan bahawa emonical nitrogen ya mengikut piawaian yang dibenarkan dan tidak menyebabkan keracunan dan cuma dua kandungan *heavy metal* ataupun logam berat yang menyebabkan dipercayai menyebabkan kematian ini. Iaitu kadmium dan plumbum yang boleh menyebabkan kematian ternakan walaupun di jumlah yang sedikit. Keracunan kadmium pada haiwan boleh menyebabkan masalah pernafasan dan kegagalan fungsi organ dan dia ternakan kemungkinan tinggi mati jika minum air dari sumber yang mengandungi kadmium secara berterusan. Plumbum sangat toksik

## 22 MAC 2019 (JUMAAT)

pada ternakan dan boleh mengakibatkan kematian mengejut dan menunjukkan simptom kerosakan saraf. Risiko keracunan akibat plumbum adalah tinggi pada musim kemarau kerana ternakan akan makan atau minum apa sahaja dari sumber air yang terdekat.

Oleh yang demikian, diagnosis perbezaan yang mengandaikan ternakan tersebut mati akibat keracunan logam berat boleh diterima sebagai salah satu penyebab kematian mengejut pada haiwan berkenaan. Kematian mengejut disebabkan kegagalan pelbagai fungsi organ adalah dianggap diterima sebagai punca kematian dan berkemungkinan disebabkan oleh keracunan logam berat. Ini hasil daripada Jabatan Kimia ya.

Jadi cadangan ataupun tindakan oleh jabatan ialah pertama kita akan menasihatkan penternak menjauhkan ternakan dari sumber air yang disyaki mengandungi logam berat ini seperti kawasan pelupusan sampah. Kedua ialah hasil siasatan menunjukkan ladang kelapa sawit tersebut adalah hakmilik Sime Darby dan ternakan tersebut di biarkan berkeliaran di merata tempat dalam ladang tersebut termasuk dalam kawasan pelupusan sampah *Worldwide Sanitary Landfill*. Ketiga, penternak dinasihatkan menyediakan kandang dalam kawasan ragutan dalam kawasan dibenarkan. Penternak harus mengamalkan GVHP iaitu amalan perladangan terbaik dengan memastikan ternakan mendapatkan bekalan air dari sumber bersih dan tidak tercemar. Makanan yang mencukupi dan rawatan sekiranya diperlukan.

Hasil ini akan dibentangkan sebab kita baru sahaja menerima laporan ini untuk diambil tindakan susulan bagi mengelakkan perkara ini berulang di masa yang akan datang.

Soalan yang kedua, daripada yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Jeram ialah berhubung dengan isu ganja yang saya rasa perlu sedikit pencerahan di sini. Untuk makluman yang Ahli-ahli Yang Berhormat walaupun semalam Dato' Menteri Besar telah menyebut bahawa kita tidak akan tanam ganja, saya ingin menegaskan di sini bahawa ada kekeliruan sebenarnya dari segi masalah isu Ganja atau Marijuana ini yang merupakan sekarang trend di kalangan banyak negara dah mula menanam termasuk negara jiran kita iaitu Thailand yang telah menanam banyak. Sebenarnya pokok ganja ini tergolong dalam satu keluarga yang dipanggil pokok itu dipanggil Cannabis. Pokok Cannabis ialah Family Cannabis ini terbahagi kepada dua ya, satu ialah yang di panggil male. Female punya spesies iaitu spesies betinanya ialah Marijuana ini Ganja. Dia ada satu yang dipanggil male punya spesies, jantan punya iaitu Hemp. Perkataannya ialah Hemp, Hemp. Saya tidak tahu dalam Bahasa Melayu dia panggil apa tapi Marijuana ini Ganja lah tapi Hemp ini. Kedua-dua pokok ini adalah daripada keluarga Cannabis dan mempunyai rupa bentuk yang hampir sama. Ini yang menyebabkan kekeliruan tetapi kandungannya amat berbeza sekali di mana Hemp ini tidak menyebabkan khayal ataupun "high". Dia tidak menyebabkan ketagihan sedangkan Marijuana ini dia mengandungi THC kandungan aktif dalam pokok ini ialah THC. THC ini yang menyebabkan khayal itu dan di dalam Marijuana ini dia mengandungi lebih 25 hingga 35 percent THC. Sedangkan di dalam Hemp ini hanya 0.3 peratus sahaja jadi Hemp ini kalau disedut satu lori pun tidak menyebabkan khayal. Tapi masalahnya ialah rupanya

## 22 MAC 2019 (JUMAAT)

sama. Ini menyebabkan masalah keselamatan untuk penanaman adalah sangat-sangat kritikal.

Yang keduanya ialah Hemp ini ialah kegunaannya penanaman ini mula sejak kurun ke 18 lagi dan sangat popular di Amerika dan untuk hari ini pun dia masih ada di Amerika, di India dan juga di Thailand. Kegunaannya banyak ya. Dia punya fibre dia digunakan untuk tekstil, pakaian dan juga dalam automotif. Dan minyaknya, astrek minyak boleh digunakan untuk rawatan kanser dan juga farmaseutikal dan juga kosmetik. Jadi banyak kegunaannya sangat-sangat berguna dan hasilnya ketika perbincangan dibuat di peringkat Pusat melibatkan menteri-menteri, pengurusan utama, melibatkan Menteri Pertanian. Saya pun hadir. Lebih kurang dua bulan, tiga bulan yang lalu dibentangkan oleh pakar-pakar bahawa memang produknya hasilnya sangat tinggi iaitu bukan hanya 109 juta sebenarnya dianggarkan 4 juta US satu ekar setahun iaitu 16 juta ringgit.

Hasilnya tinggi cuma persoalan ini ialah persoalan *security* dan saya bersetuju kalau Marijuana itu tidak, Ganja itu bukan matlamat kita tapi lebih kepada Hemp dan kelulusan ini memerlukan kelulusan daripada peringkat tertinggi. Pihak KDN telah maklum perkara ini tetapi belum membuat keputusan berhubung dengan sama ada dibenarkan penanaman Hemp ini atau pun tidak.

**Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HJ. HANAFI :** Minta laluan.

**TUAN SPEAKER :** Sila Semenyih.

**Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HJ. HANAFI :** Tuan Speaker, terima kasih. Yang Berhormat EXCO minta penerangan berkenaan Cannabis ini. Tapi saya nak tanya adakah kepakaran kita khususnya di Malaysia ini mengenai penanaman ini dan apakah berapa jumlah bilangan kalau kita kepakaran atau jabatan mana yang terlibat penguatkuasaannya.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Itu yang saya sebutkan tadi, benda ni masih baru walaupun kita ada pakar-pakar yang daripada institusi pengajian kita yang tinggi tapi dari segi penanaman kita tidak ada pengalaman sebab kita tidak ada lagi penanaman di buat dalam negara kita tapi saya sebagaimana saya maklum kalau kita membuat keputusan di peringkat Federal, Kerajaan Pusat membuat keputusan maka kita Selangor antara negeri saya cadang kita akan bagi pertimbangan kerana hasilnya agak lumayan dan tetapi itu lah berbalik kepada keputusan oleh Kementerian Dalam Negeri kerana ini di Thailand sahaja penanamannya di kawal oleh Pihak Tentera sendiri yang menguruskan. *Securitynya* sangat ketat sekali. Walaupun dia tidak membahayakan, Hemp ini tapi dianggap sama macam Ganja dari segi rupa dia menyebabkan isu keselamatan itu diberi perhatian yang sangat serius.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Yang Berhormat EXCO.

**TUAN SPEAKER :** Ya Jeram.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Dia sebenarnya sebelum soalan tambahan tu saya nak bagi tahu Ganja ni Bahasa Melayunya. Bahasa saintifiknya Cannabis. Kita tidak ada lagi istilah ganja baik, ganja buruk. Ganja jahat tak ada. Jadi kalau dalam Cannabis ni, dia yang baik dipanggil Cannabis Setiwa yang kata baik tadi, yang Hemp. Satu lagi Cannabis Indika yang itu jahat. Maksudnya dia menghasilkan THC seperti mana Yang Berhormat EXCO kata tadi.

Jadi sekarang ni kita kalau berfikir secara positifnya ya Dato' Profesor Dr. Mohd. Isa Abdul Majid, Pengarah Pusat Racun Negara daripada USM dan juga Dr. Ramli Zainal, Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi bersedia ya mereka ini perlu diberi ruang pada mereka untuk membuktikan kemampuan mereka sebagai saintis negara kita dan perlu kita juga sebagai negeri yang maju perlu diberi ruang panggil mereka mendengar hasil mereka benda ini seperti mana Yang Berhormat EXCO kata tadi rupa daunnya sama sebab itu kita elakkan daripada salah guna penanaman itu.

Kalau sekiranya yang dikatakan Cannabis Setiwa ini memang tak ada menyebabkan ketagih jadi perlu dipertimbangkan seperti mana Yang Berhormat sendiri mengaku dari segi hasilnya yang begitu lumayan yang boleh dijadikan sebagai sumber pendapatan untuk negeri kita. Terima kasih.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Terima kasih Yang Berhormat. Itu yang saya sebutkan tadi bahawa isunya bukan isu di peringkat negeri kita untuk sama ada kita hendak tanam atau tidak. Isunya ialah di peringkat Kerajaan Pusat lah. Kelulusan atas alasan keselamatan bukan isu lain. Isu berkenaan dengan kebaikan dan manfaat itu telah pun di bincang di peringkat atas, saya pun turut hadir dan memang tidak ada masalah, yang masalah sekarang ialah bagaimana kita mengawal dari segi keselamatan produk yang berkaitan. Itu yang menjadi isunya. Jadi tidak timbul isu ya. Kita tunggu lah bagaimana nanti keputusan daripada peringkat Kerajaan Pusat ya.

Berhubung dengan soalan daripada Sungai Kandis tentang isu pembakaran terbuka, sisa kebun dan kali ini pun kita dapat maklum di Dengkil ya berlaku kebakaran lagi berterusan di kawasan-kawasan yang panas hari ini akan menyebabkan kebakaran pada kawasan-kawasan tanah gambut dan yang berkaitan dengan sisa kebun pembakaran yang dibuat terbuka di terutama di kawasan-kawasan di kawasan Sungai Kandis ini memang sebenarnya pihak PBT dan juga di bawah pertanian bersedia sebenarnya untuk berikan latihan ataupun kursus bagaimana penyediaan baja kompos. Ini telah dibuat secara berterusan sebenarnya ketika saya menjadi Ahli Majlis di MPSJ pun kita memang turun untuk membantu penduduk yang berminat untuk membuat baja kompos daripada hasil-hasil kebun ataupun dari daun-daun dan juga sisa kebun boleh dibuat sebenarnya dan baja kompos ini boleh agak mudah sahaja untuk dibuat cuma kita perlukan kerjasama di peringkat semua peringkat untuk kita galakkan mewujudkan. Jabatan Pertanian juga bersedia untuk membantu.

Yang berhubung dengan peranan agensi yang lebih proaktif membantu petani dan memang di bawah STANCO kita sentiasa mengambil berat mengenai kebajikan dan isu berkaitan dengan para petani dan usahawan tani kita itu yang kita sedang susun malar

## 22 MAC 2019 (JUMAAT)

minggu depan saya ada satu dialog yang untuk julung kalinya di buat antara EXCO dan Ketua-ketua Jabatan dan Pengarah Jabatan yang semua yang di bawah pertanian, lebih kurang ada 10 agensi yang akan bertemu dengan semua wakil-wakil daripada persatuan, daripada Pertubuhan Peladang daripada untuk kita bentangkan perancangan kita tahun ini dan juga untuk mendapat maklum balas penglibatan mereka. Ini memang menjadi agenda kita sebab itu kita menerima banyak aduan berhubung dengan isu baja, isu kos sara hidup dan sebagainya. Kita berhubung telah mengambil langkah-langkah perlu sebab kebanyakan daripada subsidi ini semua datang daripada Kerajaan Pusat. Baru-baru ini berlaku sedikit kelewatan dalam penyerahan baja subsidi untuk buah padi ya itu menyebabkan sebab padi ini dia ada waktu-waktu dia kalau dah terlepas waktu dia dah menyebabkan terencat dia punya pembesaran dia untuk pemuahan dia, jadi itu antara perkara yang kita tegaskan dan isunya berkait rapat dengan isu dalam nafas yang telah pun diselesaikan agak lewat dan kita meminta supaya Kerajaan Pusat akan pastikan masa akan datang tidak berlaku lagi.

Jadi itu antara perkara-perkara yang kita buat jadi kita tetap mengambil langkah-langkah dan banyak program-program tahun ini akan kita laksanakan mengambil kira keperluan dan asas yang telah saya gariskan dalam Sidang yang lepas berhubung pendekatan kita untuk menjadikan pertanian ini satu kerjaya yang menarik terutama kepada anak-anak muda kita melalui penggunaan kaedah-kaedah moden dalam pertanian dan juga hasil-hasil pertanian yang lumayan yang boleh memberikan pulangan yang lebih baik itu telah kita fokus termasuk penanaman MD2 yang kita makan semalam, nanas MD2 pasaran sangat luas kemudian Rozel dan juga apa ni penanaman Lemon Matell yang telah mula ditanam di Sungai Tengi. Ini antara produk-produk yang *marketnya* stabil, luas dan boleh memberi pulangan yang sangat-sangat tinggi. Tidak termasuk yang Hemp tadi lah ya. (Ketawa) Itu kalau dapat kelulusan ya kemudian ya. Jadi saya rasa saya nak jawab yang lain tapi dah tak ada.

**TUAN SPEAKER :** Tak payah jawab.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Jadi saya akan berhenti di situ sahaja. Untuk yang terakhirnya ialah berhubung Sungai Chilling ini yang akan dijawab lebih lanjut oleh EXCO Perhutanan nanti. Cuma saya nak sebut sini usaha kita untuk menjaga akan sanctuary ikan kelah yang merupakan satu-satunya sanctuary ikan kelah di Negeri Selangor dan saya sedang dan telah berbincang dengan pertanian untuk dengan Jabatan Perikanan untuk cari lagi satu atau dua tempat lagi, itu lah kita buat ekspedisi baru ni memang menarik, ribuan ikan kelah di situ hidup berenang bebas, cantik suasana di sana tapi pemeliharaannya perlu di ambil berat oleh semua. Sebab itulah bila TNB ingin membangunkan talian penghantarannya, 500kv di situ, kita mengambil langkah-langkah yang sangat penting. Sangat-sangat ketat untuk pastikan, tidak berlaku, dalam masa kita nak juga talian bekalan elektrik kita ni terjamin dengan baik, dalam masa yang sama juga kita nak pastikan kelestarian alam sekitar dan kawasan-kawasan terutama kawasan-kawasan hutan dan juga sungai kita. Terima kasih.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ya.. Kuala kubu Baharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG** : Terima kasih kepada Tuan Speaker. Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO kerana dalam beberapa bulan sahaja dia sudah dua kali melawat Sungai Chiling ini. dan kita harap keindahan Sungai Chiling selalu berada dalam hati dia. Detik indah bersamamu.

**TUAN SPEAKER** : Ya.. Seri Setia.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR** : Tuan Speaker, terima kasih, Yang Berhormat EXCO, dalam ucapan perbahasan saya yang lalu, saya ada bertanya tentang isu atau status tanah, tanah yang terbiar di Jalan Batu Tiga Lama, yang mana yang dah jadi belukar. Iaitu di Pusat Giat Mara, Balai Polis dahulunya dan juga di Kompleks SMS di TTDI Jaya.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM** : Soalan sidang yang lalu, tak boleh jawab sekarang kan. Sebenarnya kawasan itu, kawasan saya dulu ketika Ahli Majlis dulu. Jadi saya sangat-sangat, sangat-sangat faham akan keadaan di situ, sebelah itu tanah MBSA pun ada, yang dulunya hendak dijadikan tapak terminal bas. Jadi saya akan semak balik sebab ada tanah, tanah persendirian pun ada di situ bersebelahan tempat Giat Mara itu, saya akan lihat balik kedudukan status tanah itu. Mungkin saya terlepas pandang. Saya akan lihat balik bagaimana boleh dimanfaatkan tempat itu.

Dan di, cuma yang akhir itu, terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu kerana, dan kita bertepatan dengan saranan yang dibuat oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku bahawa pemeliharaan sungai-sungai kita perlu ditingkatkan bagi menjaga kelestarian alam sekitar kita. InsyaAllah. Saya bersama-sama dengan semua untuk pastikan ini berlaku. Jadi itu sahaja,

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR** : Tuan Speaker. Boleh saya mencelah sedikit.

**TUAN SPEAKER** : Terakhir.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR** : Cuma, kalau kata daripada Yang Berhormat EXCO kata bahawa akan disiasat, akan disemak semula. Saya minta kalau boleh sebelum selesai semakan itu, selesaikan hutan banat itu dulu.

**TUAN SPEAKER** : Silakan Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM** : Sebenarnya tidak, isu tanah ini bukan directly bawah sayalah, tapi saya akan bantu Y.B, Yang Berhormat untuk lihat apa yang masalah di situ. Dan saya akhirilah penggulungan saya ini ucapan terima kasih kepada semua Yang Berhormat, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Terima kasih Pandan Indah. Saya persilakan seterusnya. Seri Serdang.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Pertama, sebelum saya menjawab soalan-soalan ini, saya ingin, belum terlambat saya rasa, Yang Berhormat Tuan Speaker, untuk mengucapkan Selamat Hari Wanita kepada semua yang hadir di Dewan ini, sempena Hari Wanita pada 8 Mac yang lepas. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dr. Daroyah Alwi, yang telah dilantik sebagai Timbalan Speaker Dewan Negeri Selangor. Dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor atas komitmen membuktikan dengan mengangkat peranan wanita di dalam Dewan mulia ini.

Yang Berhormat Speaker, Yang Berhormat Subang Jaya, Yang Berhormat Sijangkang, Yang Berhormat Subang Jaya, Yang Berhormat Sijangkang, Yang Berhormat Sungai Panjang dan Yang Berhormat Taman Templer, telah membangkitkan isu OKU dan anak istimewa Selangor. Saya merakamkan terima kasih kepada semua yang mengambil bahagian dalam isu ini. Dan juga sangat berbesar hatilah apabila pengiktirafan ini diberi di dalam inti pati titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor terhadap usaha Kerajaan Negeri Selangor, dalam memperkasa dan memberdaya dalam golongan OKU Negeri Selangor. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, bantuan khas anak istimewa Selangor ataupun bantuan ANIS ini adalah satu program bantuan One-off pada ibu bapa, penjaga yang mempunyai anak OKU yang lahir di Selangor dan atau sedang menetap di Selangor dan berusia 18 tahun ke bawah. Tujuan bantuan khas ini adalah untuk meringankan tanggungan kos di waktu kecemasan. Menampung kos pemulihan dan pendidikan anak-anak OKU yang ditanggung oleh ibu bapa, penjaga dan yang memohon. Saya menganggap bahawa tabung khas anak istimewa Selangor ini, ANIS, adalah tempat terakhir OKU ataupun anak-anak istimewa ini, ibu bapa mereka ini untuk datang meminta bantuan apabila mereka tidak dapat bantuan daripada pihak JKM ataupun pihak zakat ataupun pihak ADUN dan sebagainya. Saya beri contoh, dalam pengalaman saya yang singkat ini, satu keluarga yang mempunyai tiga orang anak istimewa. Saya berjumpa dua atau tiga keluarga begitu. Jadi mereka sudah tidak ada sumber lain, jadi saya harap apabila Yang Berhormat sekalian merujuk kes-kes ini untuk permohonan kepada kita, cubalah kalau boleh dibantu di peringkat Yang Berhormat dahulu. Sekiranya tidak ada jalan, maka barulah bawa kepada saya. Kerana peruntukan yang ada hanyalah RM500,000.00 Yang Berhormat sekalian. Tidaklah begitu banyak. Dan maksimum, mereka boleh adalah RM5,000.00 sahaja. Jadi kita hendak menyimpan ataupun untuk memperuntukkan kewangan ini untuk mengurangkan bebanan kepada mereka, ya, apabila sangat-sangat diperlukan dan tiada lagi tempat untuk mereka mengadu. Bantuan khas ini, InsyaAllah akan bermula dalam bulan April, kita sudah siap borang permohonannya dan akan diagih-agihkan atau diturunkan kepada pejabat-pejabat PKM kita semua. ADUN-ADUN sekalian, saya minta ADUN-ADUN sekalian menyampaikannya kepada pejabat kita, InsyaAllah. Program ini akan memberi manfaat kepada mereka yang, untuk yang berdaftar. Dia mesti anak istimewa yang berdaftar dengan JKM. Kita dapati dengan adanya bantuan khas ini, kita mengharapkan anak-anak yang belum didaftarkan dengan JKM akan didaftarkan oleh ibu bapa mereka. Dalam daftar JKM Selangor hanya ada 80,000 orang

## 22 MAC 2019 (JUMAAT)

OKU termasuk semua jenis. Semua jenis OKU, anak-anak istimewa ramai yang tidak didaftarkan. Apabila mereka tidak didaftarkan, maka mereka tidak banyak bantuan-bantuan yang tidak mereka perolehi. Ya.

Seterusnya di antara lagi, program untuk anak istimewa ini adalah Kerajaan Negeri akan menurunkan kepada semua PPDK, Pusat Pemulihan Dalam Komuniti, InsyaAllah dalam bulan April ini, dalam satu program Karnival 3W di MBPJ, mereka untuk menerima RM10,000 setiap PPDK. Kita ada 55 buah PPDK di seluruh Negeri Selangor. Makna kita akan menurunkan RM550,000 kepada mereka. Dan saya minta kalau Yang Berhormat ADUN masing-masing membawa wakil-wakil daripada PPDK ini, Yang Berhormat boleh menyampaikan bagi pihak Jawatankuasa Kesihatan dan Kebajikan.

Yang Berhormat Subang Jaya bertanya kepada saya mengenai program kesihatan mental. Terima kasih. Memang Y.B. Yang Berhormat Subang Jaya sangat prihatin tentang kesihatan mental kerana kadar bunuh diri di dalam kawasan Yang Berhormat Subang Jaya adalah yang paling tinggi. Dan, statistik itu saya telah beri kepada Yang Berhormat Subang Jaya. Bagi tahun 2019, kerajaan Negeri telah memfokuskan beberapa program utama bagi menangani masalah mental ini seperti yang akan saya sebutkan.

1. Untuk meningkatkan kesedaran rakyat tentang kesihatan mental. Kita panggil program ini, program jelajah kesihatan mental. Kita ada 20 program kesedaran kesihatan mental. Kerana sebelum kita bercakap mengenai rawatan, kaunseling dan sebagainya, rakyat perlu faham bahawa kesihatan mental ini seperti juga kesihatan-kesihatan lain. Organ-organ lain juga boleh terjejas. Dan emosi kita juga boleh terjejas, jadi kita nak tolak sindrom penafian yang bahawa kita ada masalah kesihatan mental ini. Kita lain sikit, ya, Yang Berhormat, kesihatan mental dengan sakit mental adalah dua perkara yang berlainan. Itu sebabnya kadang-kadang umumnya rakyat tak mahu mengaku yang dia ada masalah. Dia takut nanti kena jumpa psikiatri, psikologi. Bila dia jumpa psikiatri ataupun psikologi, dia akan merasakan dia bahawa orang akan kata dia gila. Sebenarnya tidak. Kesihatan mental ini, kita semua akan mengalami cabaran-cabarannya, Cuma antara kita menerima hakikat, kita perlu menanganinya atau tidak. Kalau kita pendam kita akan mengalami masalah yang lebih dalam. Geran untuk 20 program kesedaran ini, kita bekerjasama dengan Universiti Putera Malaysia, yang akan memilih 20 tempat. Ataupun kalau Yang Berhormat, yang ada di sini ingin program ini dijalankan di dalam kawasan Yang Berhormat, cepat-cepat bagi nama kawasan DUN dan saya boleh minta team UPM ini untuk turun ke DUN Yang Berhormat sekalian untuk melaksanakan program kesedaran kesihatan mental ini. Dan memang di dalam setiap program kesihatan mental ini, adalah ujian yang kita panggil DASS. Depression Anxieties Stress, satu instruments, Depression Anxieties Stress Skill, yang dibuat kepada pengunjung-pengunjung. Kita sendiri boleh buat atas diri kira dan dia bertanya tentang simptom dua minggu kebelakangan. Kalau kita ada simptom-simptom tertentu, boleh tahu di mana kedudukan kita. Adakah kita mengalami kemurungan. Adakah mengalami kerisauan dan sebagainya. Dan kemudiannya pakar-pakar kaunselor dan juga



klinikal psiko logis akan memberi nasihat kepada kita, apa langkah-langkah yang perlu diambil, bila kita menghadapi keadaan ini. Sekiranya tidak berubah, dan seterusnya tidak berubah, barulah kaunselor akan merujuk kita kepada sama ada ke klinikal psiko logis ataupun kepada psikiatri. Jadi berjumpa dengan psikiatri ini bukan semestinya kita gila, Yang Berhormat semua. Jadi kita sendiri kena faham kerana kita akan menjelaskan kepada rakyat bahawa perlu kita menangani kesihatan mental ini dengan bijaksana.

2. Kemudian kita juga ada bengkel seminar menangani stres untuk Lay Counsellor. Kita tahu untuk menjadi kaunselor kita perlu diiktiraf. Menerima pengiktirafan. Namun setiap daripada kita yang berhadapan dengan orang ramai, pasti pada satu masa dan ketika juga akan diminta ataupun perlu untuk kita memberi kaunseling secara dangkal, mungkin super spesial, tetapi kita faham apa yang kita buat. Oleh itu kita ada, dua bengkel telah dilaksanakan pada 2018. Pada 2019 kita ada 5 bengkel, dan seminar ini kita rancang untuk mensasarkan petugas-petugas barisan hadapan Kerajaan Negeri, bagi memastikan mereka boleh mengawal tekanan dan masa yang sama membantu menyampaikan kepada masyarakat kaedah mengatasi tekanan seperti Penyelaras PWB kita, Penyelia PEBT, Petugas PKM, Ketua Kampung, juga pegawai-pegawai masjid dan rumah-rumah ibadat. Ya, ini dalam perancangan dan akan dilaksanakan dalam, bermula bulan April, InsyaAllah.
3. Last sekali adalah, akhir sekali kursus pemantapan kaunselor.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Mohon mencelah.

**TUAN SPEAKER** : Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Terima kasih Tuan Speaker. Tiap-tiap penyakit ini mesti ada sebab. Yang Berhormat EXCO, adakah ini, Ijok ingin bertanya, adakah Kerajaan kenal pasti faktor-faktor yang membuat seseorang itu sakit dari segi mental dan apa langkah-langkah Kerajaan untuk mengatasi masalah. Sebab yang, pencegahan lebih elok daripada rawatan, yang tadi, Yang Berhormat huraikan semua dari segi rawatan, kita ada kaunselor, itu semua. Tetapi sebelum penyakit itu timbul, *we are not going to take the symptom*, dengan izin, tapi kita kena cari faktor-faktor yang menimbulkan masalah. Itu soalan saya, ada tak kajian faktor-faktor yang, kenapa Subang Jaya, sakit mental ini berlebihan pada yang "rest".

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD** : Terima kasih Yang Berhormat Ijok. Saya, *I back to refer*, kita tak usah panggil sakit mental, Yang Berhormat. Bila sakit mental, semua orang fikir kita dah gila ataupun mempunyai masalah mental, ya. Kesihatan mental ini kita semua tahu adalah apabila kita hidup di mana, di zaman mana pun, di masa pun, pasti ada cabaran kehidupan. Cuma sekarang di masa moden tekanannya sangat tinggi. Banyak sudah, apa ni, penulisan dan kajian yang telah dilakukan. Antara sebab utama tekanan mental adalah stres yang disebabkan oleh kewangan, kehidupan moden yang begitu *demanding*, terlampau, di atas kita, kemudian

ketidakupayaan untuk menangani hubungan sesama manusia ya. Jadi sebab seorang ke seorang itu adalah berlainan kita tak mungkin sebagai Kerajaan mungkin untuk menangani semua masalah-masalah peribadi manusia ini apa yang kita boleh tegaskan di sini bahawa kita semua kena sedar ia boleh berlaku pada kita. Dan antara saya fikir sekarang ini dalam masyarakat ada dah satu, satu kesedaran di mana banyak organisasi termasuk PWB sendiri melaksanakan program-program bagaimana mentadbir kewangan sendiri ya. AKPK bila hutang banyak dan sebagaimana jadi AKPK dan baru ni Kerajaan telah melancarkan belanjawan saya. Ada mengenai Belanjawan bagaimana kita membelanjakan duit kita dan sebagainya kerana kalau silap kita menangani masalah kewangan itu juga menyebabkan *stress* dan kehidupan, kehidupan moden ini yang banyak *demand* banyak ke atas kita ini dan kawasan Subang Jaya adalah kawasan yang sangat banyak institusi-institusi pengajian tinggi di sekelilingnya, perkongsian saya dengan Yang Berhormat Subang Jaya di antaranya orang-orang yang tidak boleh menangani *stress* di dalam kehidupan, kewangan bayar yuran, lepas tu ada masalah hubungan dengan keluarga dan sebagainya.

**TUAN SPEAKER** : Ijok mohon mencelah

**Y.B. TUAN DR IDRIS BIN AHMAD** : Terima kasih Tuan Speaker. Apa yang telah dinyatakan ialah kesihatan mental dari segi dewasa yang kita dapati kesihatan mental pun banyak di kalangan kanak-kanak sebelum sekolah masih di bangku sekolah. Adakah satu kajian atau pun usaha untuk mengatasi menangani kesihatan mental di kalangan kanak-kanak.

**TUAN SPEAKER** : Ya silakan, Yang Berhormat Ijok yang terakhir ya, sebab Ijok tak bahas, baru saya *check*.

**Y.B. PUAN DR SITI MARIAH BINTI MAHMUD** : Yang Berhormat Ijok, saya ingat, untuk Jawatankuasa Tetap saya melakukan kajian ini adalah di luar skop kita sedikitlah . Kita mengambil maklumat-maklumat yang sedia ada daripada pakar-pakar yang telah ada dalam negara kita, dan kita juga kenal pasti betul, kesihatan mental kanak-kanak pun ada, bawa beg sekolah itu pun satu *stress* kepada anak-anak kita sebenarnya yang kita ke kadang tidak faham. Dia ada masalah buli dalam apa ini, buli membuli, masalah isu membuli di sekolah-sekolah pun adalah juga satu fenomena kesihatan mental juga jadi ia amat luas Yang Berhormat Ijok dan memang kita memerlukan kerjasama semua pihak apa yang Jawatankuasa Tetap cuba lakukan adalah untuk menanam kesedaran kepada semua. Seperti yang dikatakan sebelum ini saya tak ingat Menteri mana, masalah kedua kesihatan kita tinggi paling tinggi adalah kesihatan mental selepas ini. Maknanya dalam tahun-tahun mendatang kalau kita tidak memberi perhatian kepada kesihatan mental, maka ia akan menjadi masalah yang besar. Baru ini Cuapec ya, Yang Dipertua mengatakan bahawa 400 ribu orang kakitangan kerajaan mengalami masalah dalam kesihatan mental. Jadi ini menunjukkan betapa beratnya isu ini kalau kita tidak menangani daripada sekarang. Dan untuk memulakan apa ni orang kata membuka ruang ini kepada rakyat karnival 3W kita iaitu *Wellness, Welfare Women* untuk maklumat Yang Berhormat semua yang tidak

mengikuti apa dia karnival 3W ini, ia adalah himpunan kesemua program yang ada di bawah Standco Kesihatan Kebajikan dan Wanita Memberdayakan Wanita dan Keluarga yang dahulu kita hanya buat Jelajah Sihat Selangor sekarang kita buat jelajah Karnival 3W. Kita akan pergi semua PBT bekerja sama dengan PBT untuk membawa program-program bawah kepada rakyat. Jadi di dalam 3 W ini Inn Sha Allah di bulan akhir bulan ini 30 Mac kita akan buat di Majlis Perbandaran Klang ya di Pandamaran di situ juga ada *booth* ia, ada *booth* untuk pengunjung datang membuat ujian DASS untuk dirinya dan mendapat kaunseling dan nasihat daripada pakar-pakar Jabatan Kesihatan Negeri Selangor dan juga NGO-NGO yang mengambil bahagian di dalam ini. Jadi setiap bulan Inn Shah Allah bila kita ada karnival 3W kita membuka ruang kepada rakyat untuk datang dan bercerita juga untuk meminta nasihat dan kita semua tahu bahawa Negeri Selangor kita ada Talian Sahabat untuk mereka membuat *appointment* untuk berjumpa dengan kaunselor-kaunserlor bertauliah di 3PBT Inn Shaa Allah kalau ada permintaan lebih maka kita akan perluasan lagi kaunseling ini. Seterusnya saya ingin menjawab kepada Yang berhormat Sungai Air Tawar ada dia tak ada dalam dewan. Saya *skip* ya tak payah jawab ya dia tak ada. Ok kita ada persoalan daripada YB Bukit Gasing juga, Yang Berhormat Bukit Gasing juga dan Yang Berhormat Seri Setia berkaitan keperluan hospital di Petaling Jaya. Setakat ini Kementerian Kesihatan tidak mempunyai tanah untuk tujuan pembinaan hospital awam di daerah Petaling. Manakala tanah yang di zon untuk tujuan kesihatan oleh Pihak Berkuasa Tempatan kini merupakan tanah pajakan hak milik Kontena Nasional Berhad. Di daerah Petaling sehingga kini mempunyai Pusat Perubatan Universiti Malaya, seperti Yang Berhormat sebut manakala pembinaan hospital Shah Alam yang telah mula beroperasi secara berperingkat sejak tahun 2016, bagi memenuhi keperluan rakyat daerah Petaling dengan jarak 24.6 km dari Bukit Gasing. Selain itu di kawasan persekitaran Bukit Gasing terdapat klinik-klinik kesihatan yang beroperasi seperti berikut : Klinik Kesihatan Batu 13 Tengah Puchong, Klinik Kesihatan Batu 14 Puchong, Klinik Kesihatan Bandar Tun Hussin Onn, Klinik Kesihatan Seksyen 19 Shah Alam, Klinik Kesihatan Taman Ehsan, Klinik Kesihatan Kota Damansara dan Klinik Kesihatan Seri Kembangan. Semua ini berada di dalam daerah Petaling. Untuk makluman Yang Berhormat yang banyak bertanya mengenai Hospital ya, untuk makluman supaya semua tahu yang senarai Hospital yang lulus dan dalam pembinaan.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR** : Tuan Speaker, boleh saya bertanya? Yang Berhormat EXCO, Yang Berhormat EXCO ada bertanyakan bahawa klinik-klinik banyak yang berdekatan dengan kawasan-kawasan yang disebutkan tadi. Saya ambil contoh di Taman Medan yang mana kita ada klinik kesihatan yang merangkumi kawasan Seri Setia, Bukit Gasing juga ada pergi di situ, boleh tak sekiranya dinaiktaraf, kadang-kadang klinik ini dan penuh. Di Seri Setia ada di Kelana Jaya, satu klinik juga dan penuh dan padat. Boleh tak dinaiktaraf.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD** : Terima kasih Yang Berhormat, saya. Memang banyak klinik yang perlu kita naik taraf di seluruh negeri Selangor sebenarnya. Dan saya percaya jabatan kesihatan di Selangor pun juga mendengar dan saya juga akan membawa perkara ini kepada Kementerian Kesihatan untuk dinaiktarafkan dan semua kita bergantung pada kewangan negara kita Inn Shaa

## 22 MAC 2019 (JUMAAT)

Allah. Senarai Hospital yang diluluskan dan dalam pembinaan Kompleks Obstetrik Geokronologi Hospital Tengku Ampuan Rahimah sudah siap dan mula beroperasi pertengahan Februari 2019. Hospital Tanjung Karang baru, sekarang dalam pembinaan, kemajuan fizikalnya 2% baru dan dijangka siap November 2020. Hospital Cyberjaya dalam pembinaan, kemajuan fizikal dalam 30%. Naik taraf Hospital Kajang *Women and Child Care* dalam pembinaan, kemajuan fizikalnya baru 7%. Bangunan Kardiologi Hospital Serdang dalam pembinaan, kemajuan fizikal mencapai 14%. Senarai hospital yang sudah diluluskan dan menunggu peruntukan, naik taraf Hospital Banting diluluskan untuk kerja-kerja awalan dalam RMK 11 dan *Rolling Plan* yang ke3 masih menunggu keputusan KKM. Sudah lulus tapi belum. Senarai projek yang telah lulus tapi perolehan CKK dan JKR. Pembinaan bilik bedah dan CSSD Hospital Banting dalam proses penilaian petender –tender yang telah dikemukakan.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR** : Tuan Speaker, celahan.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD** : Saya habiskan dulu senarai ini sekejap.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat ada bahas ke?

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR** : Diberi peluang tapi ada soalan sebab.

**TUAN SPEAKER** : Nanti dulu, nanti dulu.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD** : Saya habiskan dulu senarai ini ya. Hospital Kapar N43 Adun Sementara telah dimohon dalam RMK11 dan untuk *Rolling Plan* ke-5 tahun 2020. Hospital Semenyih masih tiada keputusan. Hospital Kapar dalam proses dalam pemberimilikan tapak. Surat bagi pembayaran premium Notis 5A sudah ada dan negeri dah bagi tapak dan telah memohon dalam RMK ke-11 dan *Rolling Plan* ke5 tahun 2020. Senarai Hospital yang mempunyai tapak tetapi tiada kelulusan dan peruntukan mungkin minta Yang Hormat Ahli Parlimen, Yang Berhormat sekalian ya untuk bawa ke Parlimen juga tapak Hospital Bangi dan tapak Hospital Sepang ya. Keduanya ada tapak tapi belum ada apa-apa peruntukan. Jadi inilah tentang senarai Hospital-hospital, akhirnya sekali adalah mengenai penguatkuasaan denggi Yang Berhormat Sungai Pelek. Saya telah menjawab panjang saya ingat untuk denggi ini dan saya juga.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat Kota Damansara.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD** : Kota Damansara.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR** : Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat EXCO tadi Yang Berhormat sebut tentang klinik kesihatan Kota Damansara. Klinik ini baru dibina dan kita menerima ramai penduduk yang hadir di situ. Kebelakangan ini oleh kerana terlalu ramai kita adalah masalah pesakit-pesakit di situ

terpaksa berdiri, jadi saya pun telah maklumkan perkara ini kepada pejabat kesihatan namun saya minta kalau perkara berkenaan dengan keselesaan pesakit-pesakit di situ dapat di tangani. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD** : Terima kasih Yang Berhormat Kota Damansara. Saya boleh katakan di sini kalau kita tengok klinik kesihatan yang saya telah turun dan tengok memang inilah keadaannya. Saya minta kepada Yang Berhormat sekalian, kalau setakat kerusi untuk duduk dan sebagainya ia boleh mungkin yang Berhormat beri sedikit peruntukan untuk meningkatkan sedikit keselesaan. Kalau menunggu pihak klinik kesihatan untuk memohon dan sebagainya kita tahu dia punya *rate date* dan boleh jadi mengambil masa yang agak lama dan juga Yang Berhormat untuk Parlimen juga perlu bawa ini ke Parlimen juga.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR** : Masalah klinik kesihatan Yang Berhormat EXCO ia bukan kerusi itu diruangnya terlalu sempit, tiada ruang ada untuk adakan tempat, jadi ia memerlukan belanja yang lebih selain hanya sekadar menyediakan kerusi.

**Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ya sila, Bandar Utama.

**Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN** : Terima kasih, Tuan Speaker, saya ingin bertanya satu soalan Yang berhormat EXCO kerana semasa perbahasan Yang Berhormat, saya ada memuji Kerajaan Negeri Selangor kerana prihatin terhadap anak istimewa kita dan memberikan peruntukan dan untuk membantu mereka. Cuma saya ingin tanyakan di sini adakah kita akan melakukan apa-apa usaha untuk memartabatkan undang-undang Kerajaan Negeri Selangor bagi menjaga golongan OKU ini. Kerana pendapat saya, saya memang terima kasih Kerajaan Selangor. Tetapi saya rasa sekiranya kita memang ingin menjaga kebajikan golongan OKU ini. Ia perlu dilakukan bukan sahaja dari pihak kerajaan negeri Selangor juga pihak awam. Jadi saya ingin tanyakan adakah kita akan melakukan apa-apa penambah baikkan untuk undang-undang yang melindungi OKU. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD** : Terima kasih Yang Berhormat Bandar Utama. Kita ada Akta OKU yang di peringkat pusat dan sebenarnya Akta itu sedang diteliti oleh MTOS kita untuk ditambah baik ya, dan juga mereka juga sedang mengkaji tentang Maslis Tindakan OKU di peringkat pusat dan jadi itulah saya memerlukan pertolongan atau bantuan kepada MTOS untuk mereka membawa cadangan-cadangan itu supaya kita boleh mempertingkatkan komitmen kita kepada orang kurang upaya dan dalam rangka kerja saya Inn Shaa Allah, sebelum sesi ini berakhir saya hendak memastikan bahawa setiap Jabatan Kerajaan memenuhi kouta 1% OKU yang telah ditetapkan oleh Akta tersebut. Sehingga kini, kita belum kuat kuasa dan selepas ini secara peribadi ataupun secara peribadi, *Standco* saya akan menghantar surat kepada semua jabatan untuk meminta laporan daripada mereka tentang kedudukan status pekerja OKU di jabatan masing-masing. Saya mengambilnya pendekatan beransur-ansur Yang Berhormat Inn Shaa Allah, dan kalau

## 22 MAC 2019 (JUMAAT)

apa-apa cadangan lain dan perlu bawa kita dan lagi satu perkara yang perlu kita semua lihat adalah prasarana, infrastruktur OKU ini telah ditetapkan oleh Akta OKU dan Majlis Tindakan peringkat pusat. Semua Jabatan, semua PBT, semua perlu OKU *friendly*. Perlu ada infrastruktur kepada OKU, memudah cara kan OKU untuk mendatangi semua jabatan dan sebagainya. Ini pun belum dilaksanakan 100% lagi. Jadi kita buat apa yang ada dulu dan kemudian kita ikut dengan perkara-perkara yang belum lagi ada di dalam Akta.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, Si Jangkang.

**Y. B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Dalam perbahasan saya, saya ada mencadangkan supaya Universiti di Negeri Selangor ini dijadikan sebagai Universiti OKU *friendly*. Dan saya lihat USIM adalah salah satu model yang agak baik. Dan kadang-kadang keperluannya kecil tetapi maknanya cukup besar kepada pelajar-pelajar OKU kita ini. Kalau dapat EXCO, saya nak maklumat kalau tiada sekarang, mungkin secara bertulis berapa ramai pelajar- pelajar OKU kita yang sekarang sedang menuntut di KUIS dan UNISEL sebagai universiti di bawah Kerajaan Negeri dan apakah prasarana-prasarana yang telah sedia ada untuk kemudahan kepada mereka. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD** : Yang Berhormat Banting, memang kalau kita tengok universiti-universiti dalam Selangor ini, UITM, UNISEL adalah 2 universiti yang memang ada kursus untuk mereka yang buat kajian dan sebagainya tentang OKU tapi tentang prasarana saya akan minta pada mereka untuk beri jawapannya sebab saya tidak tahu dengan *detail* apakah infrastruktur yang mereka ada dan berapa pelajar dan saya memang di dalam perancangan kita, kita nak satu data *base* pelajar-pelajar OKU ini, mahasiswa dan mahasiswi kerana kita perlu *tap*, kita perlu ambil mereka sebaik sahaja mereka keluar daripada universiti untuk turut berkhidmat di dalam mana-mana jabatan yang memerlukan OKU, kerana mereka mempunyai kelayakan akademik dan merekalah lebih mengetahui tentang keperluan yang dihadapi oleh OKU.

**Y.B. PUAN JAMALIAH BIN JAMALUDDIN** : Tuan Speaker, sedikit sahaja dari Bandar Utama.

**TUAN SPEAKER** : Ya, silakan Bandar Utama.

**Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN** : Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat EXCO, saya cuma nak tambah sedikit sahaja ini adalah pandangan saya lah. Kerana saya merasakan memang ada banyak perkara yang perlu diperbaiki untuk golongan OKU tapi pada pendapat saya apa yang paling penting sekarang dan wajib dilakukan secepat mungkin adalah penguatkuasaan terhadap undang-undang untuk menambah baik *fasiliti* dan infrastruktur untuk golongan OKU. Kenapa saya kata demikian, adalah kerana saya rasa sekarang ini semakin banyak tempat dia telah mempunyai bangunan baru dan kedai-kedai yang baru. Sekiranya undang-undang ini tidak dilaksanakan secepat yang mungkin atau pun tidak dikuatkuasakan maka di

## 22 MAC 2019 (JUMAAT)

kemudian hari nanti akan semakin sukar untuk kita memperbaiki infrastruktur dan *fasiliti* untuk golongan OKU, kerana sekiranya kita buat selepas itu maka kita perlukan lebih peruntukan dana dan sebagainya untuk mengubah situasi itu. Jadi saya memang mengharapkan jasa baik Yang Berhormat EXCO untuk meneliti perkara tersebut. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Terima kasih Yang Berhormat Bandar Utama. Setahu saya dalam perbincangan dengan PBT memang semua kebenaran merancang tertakluk kepada kemudahan OKU untuk bangunan-bangunan baru. Jadi saya kira dari segi itu pemantauan itu yang perlu cuma mungkin lama.

**Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN :** *Sorry*. Memang ia tertakluk tetapi kadang-kadang mereka tidak mengikut kerana sekiranya mereka tidak buat *renovasi* tersebut kadang-kadang denda itu tidak begitu tinggi berbanding sekiranya mereka perlu mengikut syarat tersebut.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Ok, Yang Berhormat Bandar Utama. Terima kasih di atas maklum balas itu. Saya percaya kita punya wakil-wakil daripada PBT juga turut mendengar dan Insya Allah selepas ini saya akan berhubung dengan mereka. Yang Berhormat Tuan Speaker, oleh kerana Sungai Pelek tidak ada di sini untuk saya bercakap tentang denggi dan saya juga telah menjawab dengan panjang dalam perbahasan dalam jawapan itu jadi saya ingat setakat itu sahaja respons saya kepada Yang Berhormat sekalian.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Yang Berhormat Seri Serdang. Saya jemput Yang Berhormat Selat Klang.

**Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Pertama sekali saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua Yang Berhormat kerana telah membahaskan ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku dengan begitu komprehensif, holistik dan *very-very impressive amazing*. Saya ingin merujuk satu soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Taman Templer yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Paya Jaras tapi bagaimanapun Yang Berhormat Taman Templer ada menyebut tentang Muzium Sukan. Jadi sebenarnya cadangan penubuhan Muzium Sukan Selangor telah diputuskan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk ditempatkan di Kompleks Stadium Shah Alam berdasarkan kepada keputusan kertas EXCO MTES bertarikh 4 Mac 2018 seperti berikut:

PADAT diminta untuk meneliti dan menyelaraskan bersama Darul Ehsan *Facilities Management* Sdn Bhd supaya cadangan pembangunan Muzium Sukan dengan pembangunan Stadium Shah Alam yang juga mempunyai komponen pembangunan sukan tidak berlaku pertindihan antara keduanya. Perbincangan antara PADAT dan DEFM telah dilakukan dan secara dasarnya PADAT telah mendapat kelulusan daripada pihak Darul Ehsan *Facilities Management* Sdn Bhd iaitu pihak yang bertanggung jawab dalam pengurusan stadium tersebut. Pada masa ini pihak PADAT sedang meminda

## 22 MAC 2019 (JUMAAT)

semula pelan konsep Muzium Sukan Selangor di mana sebelum ini rancangan asalnya adalah untuk ditempatkan di Bangunan Anggerik Muzium Alam Shah. Sebagaimana permulaan pembangunan Muzium Sukan dijangkakan memuatkan lebih daripada 20 buah jenis sukan dan projek ini akan dilaksanakan di dalam rancangan Malaysia yang ke 12. “

Yang kedua saya ingin menyentuh soalan daripada Yang Berhormat Sungai Panjang, walaupun beliau tidak ada tetapi saya tetap nak jawab juga kerana beliau meminta supaya Sungai Panjang dimasukkan ke dalam peta pelancongan Negeri Selangor. Kerajaan Negeri memberi perhatian kepada setiap keunikan dan keistimewaan di daerah-daerah di seluruh Negeri Selangor termasuklah Sabak Bernam terutamanya di DUN Sungai Panjang. Kepelbagaian makanan dan keunikan latar budaya seperti kepelbagaian etnik dan makanan turut menjadi perhatian Kerajaan Negeri Selangor untuk dipromosikan. Pelancongan di DUN Sungai Panjang tidak pernah diketepikan. Untuk makluman Kerajaan Negeri sebelum ini telah berjaya menarik semula perhatian negara pada tahun lepas 2017 apabila satu promosi pelancongan jelajah media anjuran UPEN yang dikenali sebagai Program Rentak Selangor telah menonjolkan semula kebudayaan gamelan, wayang kulit daripada etnik Jawa, daripada Kumpulan Seni Budaya Warisan Gamelan dan Wayang Kulit Balai Seni Simpang Empat Kampung Parit Pulas, Pasir Panjang. Bukan setakat itu sahaja seni persembahan kumpulan Kompang Jawa dan Kompang 3, Kuda Kepang dan Barongan telah diperlihatkan di hadapan media tempatan dan luar negara sehinggakan telah mendapat maklum balas yang amat memberangsangkan dari pengamal kebudayaan dari seluruh negara. Kerajaan Negeri juga melalui program *It Travel And Ride Selangor International Cluenary Adventure* juga telah mengambil perhatian tentang keunikan pelbagaian makanan di sekitar Dun Sungai Panjang. Kumpulan program promosi jelajah media ini telah membawa wakil media tempatan dan luar negara untuk merasai dan menikmati sendiri keunikan makanan di sana seperti Nasi Ambeng, Punten, Ubi Ketuk dan banyak lagi. Kerajaan Negeri sentiasa menjadikan keunikan makanan eksotik seperti yang dihidangkan di restoran Lembah Bernam sebagai tarikan promosi yang dijalankan. Homestay Sg. Haji Dorani dan Pasar Sg. Haji Dorani juga telah dimasukkan dalam senarai produk pelancongan yang boleh dilawati oleh pengunjung dari dalam dan luar negara melalui risalah dan kaedah-kaedah promosi yang dijalankan oleh Tourism Selangor.

Yang ketiga tentang soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Jeram tentang *Sky Mirror*. Kita Negeri Selangor patut bersyukur kerana *Sky Mirror* adalah produk pelancongan yang paling popular pada masa ini. *Sky Mirror* Cuma ada 2 di dunia iaitu 1 di Kuala Selangor dan 1 lagi di Bolivia, di Amerika Selatan. Dari aspek keselamatan aktiviti pelancongan di *Sky Mirror* sentiasa menjadi perhatian dan keutamaan Kerajaan Negeri. Untuk makluman Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pelancongan Negeri Selangor sedang melaksanakan program pemutihan pelancongan Selangor atau P3S yang akan meliputi aspek pemutihan, operator, pelancongan dan premis penginapan pelancongan yang tidak berdaftar. Program P3S di dalam peringkat penyediaan kertas dasar sebelum diangkat untuk mendapat kelulusan di peringkat Kerajaan Negeri. Melalui Kerajaan Negeri menyasarkan akan dapat menyelesaikan beberapa isu pelancongan seperti keselamatan, pelesenan dan amalan operasi yang



baik kepada produk-produk pelancongan negeri termasuklah Sky Mirror. Kerajaan Negeri melalui Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) dengan kerjasama UPEN telah mewujudkan *Taskforce* Jeti dan Bot Pelancongan yang dianggotai oleh agensi agensi teknikal seperti MDKS, Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Selangor, Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia, UPEN, Tourisam Selangor, Jabatan Polis Marin, Lembaga Urus Air Selangor dan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor. Pewujudan *Taskforce* ini bertujuan mewujudkan satu garis panduan khas yang boleh digunakan oleh semua jabatan dan agensi untuk mengambil tindakan terhadap jeti pelancongan yang terdapat di dalam Negeri Selangor. Ini melibatkan beberapa jabatan teknikal mengikut keperluan bidang kuasa jabatan tersebut bagi mewujudkan undang-undang aktiviti pelancongan di perairan Negeri Selangor. Melalui pewujudan *Taskforce* ini juga dijangka akan dapat menyelesaikan masalah-masalah yang timbul termasuklah isu keselamatan, penguatkuasaan, pelesenan dan SOP bagi menjadikan tarikan pelancong *Sky Mirror* di Kuala Selangor ini selamat dan terbaik dari aspek pengurusannya. Buat masa ini UPEN dengan kerjasama Majlis Daerah Kuala Selangor sedang mengenal pasti kaedah yang terbaik berdasarkan hasil bengkel perbincangan yang diadakan sebanyak 2 kali sebelum kertas dasar dapat dihasilkan dan dibentangkan kepada mesyuarat Kerajaan Negeri untuk persetujuan dan kelulusan.

Sementara itu Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor juga telah memainkan peranan dengan mengambil langkah-langkah yang proaktif melalui kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan, swasta dan NGO penggiat pelancongan seperti Tourism Malaysia, MATA atau Persatuan Pemandu Pelancong, (MAH) Persatuan Hotel Malaysia dan MTG Persatuan Pemandu Pelancong untuk sentiasa mengingatkan kepada penggiat-penggiat industri pelancongan yang lain agar tidak menggunakan operator-operator haram bagi membawa pelancong ke *Sky Mirror*. Segala pakej yang telah dikeluarkan juga dipastikan agar menggunakan jeti *Sky Mirror* di Pekan Lama Kuala Selangor sahaja. Ini adalah disebabkan jeti lama Kuala Selangor ini telah disahkan oleh MDKS dan operatornya adalah operator yang berlesen.

**Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI :** Jadi, itulah yang saya nak terangkan kepada Jeram

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Soalan tambahan.

**Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI :** tentang kedudukan *Sky Mirror* di Selangor.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Yang Berhormat EXCO.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Jeram. Sila Jeram.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Yang Berhormat EXCO, dikatakan ada *Taskforce* dan juga penguatkuasaan. Boleh tak beritahu berapa banyak feri ataupun bot yang telah disita ataupun yang membawa secara haram? Yang pertama. Yang keduanya, berapa banyak kompaun yang dikeluarkan oleh Majlis kepada pengusaha-pengusaha haram ataupun Pejabat Tanah yang menyediakan jeti-jeti yang haram?

Ada tak sedikit fakta itu? Seterusnya, saya juga mencadangkan kepada Yang Berhormat EXCO, bawa lah ADUN-ADUN yang lain untuk bersama-sama menikmati keindahan di *Sky Mirror*, ya, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ya, silakan Yang Berhormat EXCO.

**Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI :** Terima kasih Yang Berhormat Jeram. Buat masa ini, oleh sebab penguatkuasaan belum lagi dilaksanakan. Kalau kita, dari soal teknikal ..

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Yang Berhormat EXCO, minta saya mencelah. Kalau sebab apa, dah lebih daripada setahun ya, *Sky Mirror* ini dah berjalan, dan saya mendapati semasa ke sana tetapi saya tak berani naik sebabnya botnya tak nampak keselamatan. Sebab itu, saya membawa benda ini di sini dah lebih daripada setahun tetapi agensi penguatkuasaan lemahlah maksudnya. Kita telah pun membawa, ketika buat *roadshow* di negara-negara lain mengenai *Sky Mirror* ini tetapi dari faktor keselamatannya agak lemah. Jadi, masih lagi kalau dikatakan baru tu, saya rasa benda itu tidak patut berlaku. Bagaimana dengan Majlis Daerah dan juga Jabatan Laut yang operasi, takkan, macam saya kata, maknanya betul lah tu tiada sebarang tindakan hanya mengambil duit secara bulanan. Saya rasa benda itu berlaku sebab itu yang saya mendapat aduan dan juga saya membawa ke sidang ini, terima kasih.

**Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI :** Terima kasih Y.B. Sebenarnya, seperti yang saya kata tadi, masalah teknikal yang melibatkan banyak agensi-agensi kerajaan yang mengamalkan ataupun ada undang-undang yang tersendiri. Jadi, oleh sebab itu, seperti yang saya kata tadi, kita telah mengumpulkan semua agensi-agensi ini, kita telah mengadakan bengkel dan kertas telah pun siap untuk diangkat ke MMKN untuk diluluskan. Dan kita akan dapat satu, penguatkuasa yang betul-betul berkuasa untuk menangkap ataupun menahan sekiranya ada apa-apa kesalahan dilakukan. Bagaimanapun, pada masa ini, cuma satu operator yang dilesenkan iaitu yang beroperasi daripada jeti di pekan lama Kuala Selangor itu. Jadi, seperti dikata tadi, kita nasihatkanlah kalau ada sahabat-sahabat atau kawan-kawan yang nak pergi ke *Sky Mirror* ini gunakanlah jeti pekan lama Kuala Selangor kerana operatornya adalah berlesen. Jadi, sekiranya diizinkan mungkin satu hari nanti kita akan beramai-ramai pergi ke sana untuk melihat sendiri bagaimana indahnya *Sky Mirror* ini yang telah begitu popular di seluruh dunia sebenarnya. *Even* baru-baru ini semasa saya di Berlin, saya telah membuat satu promosi dan mendapat orang kata tu, sambutan yang memberangsangkan dan banyak daripada industri-industri, kebanyakan industri pelancongan *Europe* berminat untuk datang ke negara kita untuk melihat *Sky Mirror* ini, kerana *Sky Mirror* di Kuala Selangor ini tidak berapa jauh jika dibandingkan dengan yang di Bolivia. Di Bolivia kita akan mengambil masa lebih kurang 4 jam untuk sampai ke kawasan itu tetapi di Kuala Selangor cuma hanya 40 minit. Dan, *InshaAllah*, kita akan dapatkan satu SOP yang mantap, yang baik, demi keselamatan pelancong, demi kebaikan industri pelancongan Selangor dan demi nama baik Negeri Selangor itu sendiri. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Dah habis ya, ya ok. Saya persilakan, terima kasih Yang Berhormat Selat Klang. Saya persilakan Yang Berhormat Kinrara.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang telah memberi pandangan dan cadangan bagi perkara di bawah Portfolio Kerajaan Tempatan, iaitu, pengurusan sisa pepejal, aktiviti kilang plastik, kilang haram, penguatkuasaan kilang tanpa lesen, anggota penguatkuasa PBT dan isu-isu lain. Isu pertama adalah pengurusan sisa pepejal yang dibangkitkan oleh ramai Yang Berhormat-Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat Sijangkang, Yang Berhormat Gombak Setia, Yang Berhormat Meru dan Yang Berhormat Sentosa. Untuk makluman, mulai tahun 2016, Kerajaan Negeri telah melantik *KDEB Waste Management* dalam usaha untuk memperbaiki pengurusan sisa pepejal di Selangor. Bermula dengan *pilot project* di Majlis Perbandaran Klang, tahun ini dijangka KDEB akan mengambil kesemua pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dari 12 PBT. Ini bermakna pengurusan sisa pepejal di Selangor akan diseragamkan oleh satu syarikat sahaja. Melalui KDEB, aduan orang ramai akan disalurkan ke *core centre* yang diwujudkan secara *centralised* untuk memastikan tindakan yang lebih efektif diambil. Selain itu, KDEB akan merangka strategi dan proses perkhidmatan yang lebih efisien di samping membuat pelaburan dalam perolehan aset-aset bagi meluaskan skop kutipan dan pembersihan. Walau bagaimanapun, adalah sukar untuk KDEB menyelesaikan isu yang berlaku dalam masa yang singkat dengan mengambil kira masalah sampah haram dan sampah pukat. Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri sedar berkenaan isu penguatkuasaan yang masih lemah ke atas pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Isu penguatkuasaan adalah di bawah PBT dan PBT adalah tertakluk kepada kuasa di bawah Akta 171 melalui Undang-Undang Kecil dalam mengambil tindakan penguatkuasaan. Terdapat beberapa perkara di dalam peruntukan UUK ini perlu diteliti semula agar hukuman yang lebih berat boleh diambil. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri melalui KDEB dan PBT akan berusaha untuk mempertingkatkan usaha dalam menjalankan pemantauan bagi memastikan isu berkaitan pengurusan sisa pepejal dapat diatasi. Selain itu, peruntukan undang-undang sedia ada akan disemak semula dan sekiranya perlu Enakmen Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negeri Selangor akan diwujudkan menggantikan UUK sedia ada dengan mengambil kira pelbagai faktor termasuk penguatkuasaan dan pelupusan.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Meru, silakan.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Ok, saya mohon penjelasan sedikit. Tentang kutipan sampah ini ataupun sisa pepejal ini. Bila semua KDEB dah ambil satu negeri, sekarang ini antara isunya bila penduduk makin bertambah, sampah pun makin bertambah. Tapi, jumlah kutipan itu tetap sama juga ataupun mungkin akan ditambah bagi mengatasi masalah pertambahan sampah ini. Minta penjelasan.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Minta penjelasan. Sampah bertambah, atau penduduk bertambah atau kawasan perumahan pun semakin luas.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Bila penduduk bertambah, sampah pun akan bertambahlah.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Sekiranya macam itu, saya nampak kutipan itu tiada masalah besar buat masa ini. Yang masalah utama yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di sini adalah tentang pembersihan, kerana pembersihan itu, kita perlukan tenaga kerja yang lebih ramai sekiranya dibandingkan dengan kutipan yang hanya memerlukan *driver*, pemandu kompaktor dan juga dua, tiga orang pekerja sahaja. Jadi,

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Itu yang saya maksudkan. Adakah ada penambahan kakitangan atau kontrak kepada KDEB?

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Yang itu akan dikaji sekiranya diperlukan, dan pihak PBT boleh menambahkan peruntukan sekiranya perlu. Isu yang kedua adalah isu aktiviti kilang plastik haram. Perkara ini akan dijawab oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk dijelaskan secara holistik. Yang ketiga, adalah berkaitan penguatkuasaan kilang tanpa lesen yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pelabuhan Kelang. Untuk makluman Dewan ini, saya dan Yang Berhormat Pelabuhan Kelang telah menyertai operasi bersepadu yang dijalankan oleh Majlis Perbandaran Klang dengan agensi lain berkaitan di Teluk Gong. Pada 23 Januari 2019 yang lalu, kilang-kilang tersebut telah diberi notis dan tindakan sita telah dibuat untuk menghentikan segala operasi. Namun begitu, didapati adanya kilang-kilang yang masih ingkar dan meneruskan operasi. Kerajaan telah meneliti perkara tersebut dan akan menggunakan pendekatan yang *similar*, di mana telah berjaya di Kuala Langat, iaitu memotongkan segala bekalan air dan elektrik ke atas premis kilang-kilang haram. Walau bagaimanapun, perkara ini terikat dengan Akta Bekalan di mana ia di bawah kawal selia Suruhanjaya Tenaga. Kerajaan Negeri sedang berusaha supaya mendapatkan kerjasama daripada SPAN dan Suruhanjaya Tenaga dalam isu ini seperti mana yang telah berlaku di Kuala Langat.

Isu yang keempat, adalah memperkasakan anggota penguatkuasa yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat Bandar Utama, dan Yang Berhormat Sentosa. Untuk makluman, isu kekurangan anggota penguatkuasa juga sering dibangkitkan oleh beberapa PBT di mana kekurangan anggota telah menyebabkan kesukaran untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab seperti tindakan penguatkuasaan. Pada masa ini, pengambilan kakitangan adalah tertakluk kepada kuasa PBT masing-masing, selagi mempunyai peruntukan kewangan yang mencukupi. Walau bagaimanapun, pengambilan yang boleh dilaksanakan hanya secara kontrak disebabkan pengambilan secara tetap adalah tertakluk kepada pertimbangan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Tuan Speaker, Yang Berhormat Jeram, ada mencadangkan supaya kuota sekurang-kurangnya 30% peluang pekerjaan diberi kepada anak tempatan di Jeram dalam pengoperasian loji *Waste to Energy* Klang. Selain daripada peluang pekerjaan dalam loji *Waste to Energy* sendiri, pelaksanaan projek *Waste to Energy* dijangka secara tidak langsung akan membawa pembangunan sosioekonomi di kawasan sekitarnya. Dan dipercayai peluang pekerjaan dan perniagaan akan meningkat apabila pelbagai bidang sampingan turut wujud susulan pelaksanaan projek ini. Berkenaan isu pencemaran yang disentuh oleh Yang Berhormat Jeram, berdasarkan siasatan Majlis Daerah Kuala Selangor mendapati piawai *discharged* daripada tapak pelupusan sampah adalah mematuhi namun

apabila berlaku musim kemarau, berlaku pemendapan yang menyebabkan perubahan warna pada discharged yang mengalir. Lokasi kes tersebut adalah di bawah pemilikan ladang Sime Darby dan perlu mendapat kebenaran bertulis daripada pihak mereka untuk melepaskan ternakan. Dimaklumkan bahawa menjadi satu kesalahan apabila penternak menternak, menyimpan, memelihara lembu di kawasan larangan tanpa kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Tempatan.

Yang Berhormat Subang Jaya bertanya kenapa *Smart Selangor Parking* tidak dilaksanakan di MPSJ. Sebab *Smart Selangor Parking* belum dilaksanakan di MPSJ kerana pihak MPSJ masih terikat dengan kontrak bersama pihak Godell, walau bagaimanapun pelaksanaan *Smart Selangor Parking* telah dibentang dalam mesyuarat kewangan MPSJ Bilangan 1/2019, bertarikh 16 Januari 2019 yang telah bersetuju dengan pelaksanaan. MPSJ telah menghantar surat kepada Godell Parking Sdn. Bhd. pada 13 Februari 2019 dan masih menunggu keputusan pihak Godell disebabkan perjanjian telah ditandatangani dalam konsesi sebelum ini hingga 31 Mac 2022. Saya sendiri, bersama YDP MPSJ akan berjumpa dengan pengurusan Godell dalam perkara ini. Yang Berhormat Subang Jaya memohon penambahan kawasan rekreasi dan taman permainan di Subang Jaya. Jumlah taman permainan dan rekreasi di Subang Jaya adalah sebanyak 104 taman dan mencukupi untuk penduduk di Subang Jaya. Pecahan mengikut DUN JKP adalah seperti berikut, DUN 1 ada 39 taman permainan, DUN 2 mempunyai 11, DUN 3 – 30, DUN 4 - 24 dengan jumlah 104 di Subang Jaya sahaja. Pihak MPSJ mengambil maklum dan akan melihat keperluan serta kesesuaian lokasi untuk menaik taraf kawasan taman sedia ada. Akhir sekali, adalah berkenaan penggunaan *reserve* di PBT yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat Gombak Setia dan Yang Berhormat Banting. Berdasarkan Laporan Audit PBT Tahun 2017, hanya dua (2) PBT mencatatkan *reserve* tunai bersih melebihi RM100 juta iaitu MBSA sebanyak RM303 juta dan MPSP sebanyak RM177 juta. Yang lain, PBT yang lain mempunyai *reserve* tunai di bawah RM100 juta. Kerajaan Negeri menyambut baik akan cadangan Ahli Yang Berhormat supaya PBT menggunakan *reserve* sedia ada bagi tujuan pembangunan agar memberi manfaat kepada rakyat serta pengindahan kawasan Majlis seperti melaksanakan regenerasi bandar untuk setaraf dengan bandar-bandar di negeri lain. Walau bagaimanapun, perkara ini perlu diperhalusi dengan sebaiknya untuk memastikan *reserve* tunai bersih PBT dibelanjakan dengan cekap serta mengambil kira program-program yang telah dirancang dalam Rancangan Tempatan di PBT masing-masing. Sekali lagi, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat atas cadangan dan pandangan dalam perbahasan sesi kali ini. Terima kasih.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Speaker

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Sekinchan, Sijangkang, Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Yang Berhormat, saya memohon kalau ada maklum balas berkaitan dengan isu kilang bateri yang disyaki menyebabkan pencemaran di kawasan dalam sekitar itu dan kedudukannya sebagai sebuah industri yang berada di dalam kawasan industri sederhana.

## 22 MAC 2019 (JUMAAT)

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Baik, isu kilang bateri ini akan dijawab oleh EXCO Alam Sekitar.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Zon Industri Sederhana. Alam Sekitar.

**TUAN SPEAKER :** Ya, terima kasih Yang Berhormat Kinrara. Saya menjemput Yang Berhormat Kajang untuk meneruskan penggulungan.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Speaker. Ada banyak Yang Berhormat yang telah pun bangkitkan dengan isu berkenaan alam sekitar dan saya akan cuba jawab satu persatu dan kalau boleh saya izinkan tambah masa jika perlu. Untuk menjawab isu pembuangan bahan kimia di Taman Eng Ann yang sangat hangat beberapa hari yang lepas. Yang Berhormat Sungai Air Tawar dan Yang Berhormat lain telah membangkitkan isu pembuangan bahan kimia di Taman Eng Ann dan telah mencadangkan agar pemantauan dibuat di kilang-kilang bagi mengelakkan kejadian tumpahan bahan kimia dan pelaku yang dikesan ditangkap serta dikenakan tindakan undang-undang. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah menerima aduan pembuangan sisa-sisa yang disyaki bahan kimia ke dalam longkang dan mula mengalir ke Sungai Klang. Berdasarkan maklumat awam yang diterima daripada Pegawai Penerangan Lembaga dengan merujuk kepada satu hantaran oleh pemilik akaun *facebook* Pasukan Tindakan Suara Rakyat di dalam media sosial. Unit Penguatkuasaan LUAS telah menjalankan siasatan dan bersama wakil Pejabat Wilayah Lembaga Lembangan Sungai Klang, wakil Unit Pengurusan Alam Sekitar LUAS. Ketika tiba di tapak tersebut pada jam 5.28 petang siasatan mendapati lokasi yang diadu merupakan kolam takungan di bawah rizab rentis TNB berhampiran Jalan Kasawari 2, Taman Eng Ann, Klang. Kolam takungan tersebut dan longkang berdekatan telah dicemari oleh bahan pencemar disyaki sisa minyak yang menghasilkan bau busuk. Bahan pencemar tersebut telah dibuang oleh pihak yang tidak bertanggungjawab menggunakan sebuah lori tangki minyak. Sisa bahan pencemar yang berada di dalam longkang pula dipercayai tertumpah atau sengaja dibuang semasa proses pembuangan ke dalam longkang takungan. Sebagai tindakan awal, pihak LUAS telah mengambil persampelan air dan menghantar ke makmal Jabatan Kimia Malaysia untuk mengenal pasti jenis bahan buangan tersebut. Hasil tindakan pantas pihak LUAS sisa minyak berjaya disekat daripada mengalir masuk ke Sungai Klang dan masih dalam kolam takungan Taman Eng Ann dan kos operasi pembersihan adalah sebanyak RM30,000.00 dengan menggunakan peruntukan pihak LUAS. Selanjutnya Unit Penguatkuasaan LUAS juga telah menerima maklumat daripada pengadu bahawa pihak yang disyaki melepaskan bahan pencemar ke dalam kolam takungan tersebut ialah pemilik pemandu sebuah lori dengan nombor pendaftaran yang saya tak boleh ceritalah sebab masih dalam siasatan. Carian maklumat melalui Jabatan Pengangkutan Jabatan JPJ mendapati pemilik lori tersebut dimiliki oleh sebuah syarikat perniagaan. Sehubungan dengan itu, laporan polis telah dibuat oleh Balai Polis Sri Muda pada 15 Mac 2019 bagi melaporkan tindakan pembuangan bahan pencemar ke dalam kolam takungan Taman Eng Ann tersebut. Polis telah merakamkan percakapan pengadu, dua pengadu telah dibuat pada 15 Mac 2019 jam 5.30 petang bagi mendapatkan keterangan berkenaan kerja-kerja pembuangan bahan-bahan pencemar yang dilihat. Pihak siasatan sedang mengesan

seorang lagi saksi awam yang boleh membantu siasatan dalam kes ini. Manakala Unit Penguatkuasa LUAS juga telah melaksanakan kawalan keselamatan bersama pihak Majlis Perbandaran Klang bagi menjaga kawasan sekitar kolam takungan Taman Eng Ann semasa kerja-kerja pembersihan mula dijalankan sehingga selesai. Pada 18 Mac 2019, pihak Polis telah membuat tangkapan ke atas pemandu lori bagi tujuan untuk membantu siasatan dan mengambil keterangan daripada kakitangan LUAS yang mengambil sampel di kolam berkenaan. Pada 21 Mac 2019 (Khamis), siasatan diteruskan dengan merakam percakapan dari pihak Polis bagi mengetahui hubungan di antara pemilik dan pemandu lori. Butiran siasatan lengkap sedang disediakan dengan merakamkan percakapan saksi-saksi dan kertas siasatan yang lengkap akan dikemuka kepada Unit Perundangan untuk tindakan undang-undang selanjutnya.

Tuan Speaker, berkenaan dengan pencemaran sungai yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat terutama Sungai Burong, Yang Berhormat Sungai Burong telah membangkitkan isu berkaitan pencemaran lima batang anak sungai dengan bahan-bahan buangan dan sisa toksik. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, berdasarkan laporan *Environmental Quality Report 2017* oleh pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS), pihak Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah dimaklumkan terdapat lima buah batang anak sungai bagi Sungai Klang yang dikategorikan sebagai tercemar iaitu seperti berikut. Yang pertama, Sungai Belongkong, yang kedua Sungai Busuk, yang ketiga Sungai Bonus, yang keempat Sungai Kuyup, yang kelima Sungai Kerayong. Untuk makluman, lembangan Sungai Klang merupakan lembangan yang dikongsi bersama antara Kerajaan Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan keluasan kawasan 1288 kilometer persegi dan panjang Sungai Klang adalah 120 kilometer. Pembangunan ekonomi yang pesat di lembangan Sungai Klang telah menyebabkan peningkatan pencemaran terhadap Sungai Klang jika dilaksanakan tanpa kawalan. Berdasarkan semakan LUAS, Sungai Belongkong, Sungai Busuk dan Sungai Bonus adalah berada di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Manakala Sungai Kerayong di Pandan dan Sungai Kuyup di Serdang di mana bahagian hulu sungainya berada di Negeri Selangor. Penilaian tahap pencemaran bagi sungai-sungai tersebut adalah berdasarkan peningkatan kadar *bio chemical oxygen demand* (BOD) dan juga *ammonia car nitrogen* (AN) dalam sungai di mana potensi pencemaran adalah daripada aktiviti umum manusia ataupun pelepasan sisa kumbahan tanpa rawatan atau separa terawat. Ini berikutan kawasan yang pesat dengan kediaman perumahan dan juga komersial di kawasan lembangan sungai tersebut menyumbang kepada peningkatan parameter berkaitan dalam sungai. Selaras dengan itu, pelaksanaan pendekatan pengurusan lembah lembangan sungai bersepadu (Integrated River Basing Management (IRBM) dengan kerjasama pihak berkepentingan di kawasan persempadan iaitu Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur (DBKL) dan Kementerian Wilayah Persekutuan dalam pengurusan lembangan sungai secara holistik ia harap dapat dipertingkatkan kualiti airnya pada masa hadapan. Untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sijangkang berkenaan timbalan sungai juga, Yang Berhormat Sijangkang telah membangkitkan isu berkaitan pencemaran sungai oleh kilang disyaki menjadi punca pencemaran air yang meningkat *acidity* di sungai berhampiran. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor (JAS) telah menerima aduan mengenai pencemaran air berasid pada 18 Mac 2019 dan susulan aduan tersebut siasatan telah dijalankan pada 19 Februari 2019.

## 22 MAC 2019 (JUMAAT)

Kilang yang dimaksudkan adalah kilang Leoch Accupower Sdn. Bhd. Kilang ini menjalankan aktiviti menghasilkan bateri yang boleh dicas semula (rechargeable battery) dan beroperasi di Kawasan Perindustrian Jenjarom, Kuala Langat. Hasil daripada siasatan tersebut, punca pencemaran asid telah dikenal pasti dan antara punca berlakunya pelepasan asid adalah daripada rekahan yang berlaku pada takungan *inflen* yang terdapat dalam kawasan kilang. Sehubungan dengan itu, pihak kilang telah membaiki rekahan ini dan berdasarkan lawatan terakhir pada 12 Mac 2019 tiada lagi pelepasan asid daripada kawasan kilang berkenaan. Selain itu, pihak kilang juga telah diarahkan untuk memasti alat kawalan pencemaran air dan udara sentiasa berfungsi pada tahap yang optima. Manakala JAS akan memantau operasi kilang ini dari semasa ke semasa bagi memastikan ianya mematuhi alam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 sepenuhnya. Manakala Pejabat Tanah, manakala Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat (PDTKL) telah membuat semakan dan mendapati kategori kegunaan tanah bagi kilang tersebut adalah perusahaan ataupun perindustrian dengan syarat nyata bagi kegunaan industri sederhana. So, pihak PDTKL sedang membuat penilaian lebih lanjut bersama agensi kerajaan yang berkaitan bagi memastikan mereka menepati syarat nyata tanah sedia ada. Sekiranya didapati pihak kilang menjalankan aktiviti selain industri sederhana tindakan pelanggaran syarat tanah di bawah Seksyen 128 Kanun Tanah Negara akan dikenakan. Pada masa ini PDTKL telah mengemukakan Notis 2B iaitu borang notis supaya mengemukakan dokumen untuk pihak syarikat mengemukakan maklumat operasi syarikat dengan lebih tepat.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Penjelasan.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Yang Berhormat Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Saya lihat sebab kawasan bangunan itu tembok di belakangnya memang ada lubang. Bila berlaku hujan saya kira ia akan menyebabkan limpahan-limpahan itu keluar dan dia terlalu nyata daripada lubang itu, aliran yang turun itu menyebabkan konkrit simen itu habis dah. Tinggal batu-batu sahaja. Saya kira pencemaran dapat dikenal pasti. Begitu juga dengan kajian yang menunjukkan kandungan plumbum tinggi, biasa kalau kita lihat *schedule waste* perusahaan bateri ini juga adalah antara yang dua teratas. Toksik yang saya kira kalau kedudukannya berada di industri yang sederhana ini sedangkan ia adalah industri berat, saya kira sesuatu tindakan yang mungkin lebih bertanggungjawab harus dilakukan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN HEE LOY SAN** : Terima kasih Yang Berhormat Sijangkang. Pihak JAS telah pun mengadakan lawatan pada 12 Mac dan sebelum itu memang ada rekahan pada dinding kolam itu. So, selepas itu, syarikat itu telah baikkan rekahan itu dan selepas itu kita mengambil sampel air yang telah dikeluarkan di sungai. Memang telah pun dikenal pasti tidak ada asid lagi yang dikeluarkan. So, saya rasa perkara ini telah selesai. So, yang itu yang berlaku itu sebelum itu. Memang saya mengaku memang ada rekahan berlaku.



**22 MAC 2019 (JUMAAT)**

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Sebab...ya lah soal *acidity* ni kita boleh nyahkan asid dengan beberapa prosedur tetapi kandungan plumbum yang tinggi, saya kira ini cukup membahayakan. Saya ingat mungkin boleh diadakan satu kajian yang lebih teliti dan kedudukan kilang ini yang saya kira cukup nyata, aktiviti kitar semula bateri yang mengandungi plumbum berada di kawasan industri sederhana mungkin perlu dipertimbangkan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN HEE LOY SAN** : Yang ini bukan kilang kitar semula. Yang ini merupakan kilang membuat bateri cas semula. Itu *rechargeable battery*. Penghasilan bateri. Dia bukan kitar semula. Sebab itulah pihak JAS akan mengadakan siasatan lawatan dari semasa ke semasa untuk memastikan tidak ada lagi kesan-kesan pencemaran yang berlaku di sungai-sungai ini.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Proses ataupun industri seperti ini boleh berada dalam kawasan industri sederhana?

**Y.B. TUAN HEE LOY SAN** : Saya maklum Yang Berhormat. Pihak Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat telah mengemukakan notis supaya mengemukakan dokumen supaya meminta syarikat itu mengemukakan apakah jenis kilang yang mereka buat ini sebab ada banyak yang kata mereka merupakan kilang kitar semula. Ada yang kata dia banyak buat kerja-kerja yang bukan berdasarkan kepada bateri. So, kita selepas kita siasat memang ini merupakan kilang yang membuat, menghasilkan *battery rechargeable*. So, saya rasa di mana sekarang Pejabat Tanah Daerah pun tengah pantau supaya kalau mereka tiada, tidak sesuai menduduki tanah itu kita ambil tindakan selanjutnya.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat Kajang sila duduk. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 4.30 petang. Dengan ini saya menangguhkan Dewan sehingga hari Isnin, 25.3.2019 jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**(DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 4.30 PETANG)**